



# 2017

## LAPORAN TAHUNAN ANNUAL REPORT

**Menerajui Transformasi Pembinaan**  
*Spearheading Construction Transformation*



# MENERAJUI TRANSFORMASI PEMBINAAN

## SPEARHEADING CONSTRUCTION TRANSFORMATION

Transformasi bererti mencipta perubahan yang radikal dan bermakna. Ia tidak akan dapat terhasil dengan hanya berpegang teguh kepada *mindset*, proses, dan amalan yang sama. Transformasi dan hasil yang unggul hanya dapat dicapai apabila sebuah kumpulan sanggup melepaskan *mindset* yang telah menghasilkan hasil-hasil yang lapuk, dan bermula semula.

Program Transformasi Industri Pembinaan (CITP) memerlukan kebolehan dan komitmen daripada semua pemain industri dan pihak-pihak berkepentingan bagi menerima perubahan yang radikal dalam segenap aspek agar industri boleh bergerak menuju ke arah yang baharu, selain meningkatkannya ke tahap keberkesanan yang lebih tinggi dalam semua bidang.

Sebagai pengawal selia pembangunan industri pembinaan di Malaysia, CIDB komited sepenuhnya dalam menerajui transformasi ini. Ia memerlukan transformasi dari dalam organisasi sendiri, agar sebagai sebuah pasukan, kita mampu menjadi lebih efektif dalam menyalakan perubahan dalam industri.

Namun begitu, CIDB tidak mempunyai capaian dan sumber tanpa had. Tidak ada apa-apa yang berharga dapat dicapai jika masing-masing pihak bekerja dalam silo. Inilah sebab mengapa kita selalu menekankan agar pemain-pemain industri dan pihak-pihak berkepentingan bekerjasama dan menggunakan seluruh kepakaran dan sumber-sumber yang kita miliki untuk kejayaan CITP. Inilah intipati slogan CITP – “Bersama Memacu Kecemerlangan Industri Pembinaan.”

*Transformation means creating profound and radical change. As such, it cannot be created by holding on to the same mindset, processes and practice. A transformational result can only be achieved when a group of people are willing to forgo mindsets which have been responsible for creating old results, and start anew.*

*The Construction Industry Transformation Program (CITP) requires the ability and commitment from all industry players and stakeholders to embrace radical change in all aspects so that the industry can begin to move to a whole new direction, and elevate it to an entirely different level of effectiveness in all areas.*

*As the custodian of the construction industry development in Malaysia, CIDB is fully committed to spearhead this transformation. It entails transformation from within the organisation itself, so that as a team, we can be even more effective in igniting change at the industry level.*

*Nonetheless, CIDB does not have limitless reach and resources. Nothing meaningful can ever be achieved if we work in silos. This is why we always emphasise that industry players and stakeholders must work as one and pull all of our expertise and resources towards the success of CITP. This is the essence of the CITP tagline – “Driving Construction Excellence Together.”*



“ CIDB komited sepenuhnya dalam menerajui transformasi industri pembinaan dengan sokongan padu seluruh warga industri

*CIDB is fully committed to spearhead the construction industry transformation with strong support from the industry players*

”

# KANDUNGAN

## CONTENTS

|   |           |   |            |
|---|-----------|---|------------|
| Maklumat Korporat<br><i>Corporate Information</i>   | <b>6</b>  | Acara CIDB 2017<br><i>CIDB Events 2017</i>  | <b>55</b>  |
| Misi, Visi dan Objektif<br><i>Mission, Vision and Objectives</i>  | <b>7</b>  | CIDB "Arena of Youth"   | <b>64</b>  |
| Nilai Murni CIDB<br><i>CIDB Core Values</i>   | <b>8</b>  | Statistik Sepintas Lalu 2017<br><i>Statistics at a Glance 2017</i>  | <b>66</b>  |
| Piagam Pelanggan CIDB<br><i>CIDB Customer Charter</i>   | <b>9</b>  | Statistik Utama<br><i>Main Statistics</i>   | <b>72</b>  |
| Ibu Pejabat, Pejabat Negeri dan Pejabat Cawangan<br><i>CIDB Head Office, State Offices and Branch Offices</i> | <b>10</b> | <b>Laporan Prestasi</b><br><b><i>Performance Report</i></b>   | <b>79</b>  |
| Senarai Anggota Lembaga<br><i>List of Board Members</i>   | <b>12</b> | Ringkasan CITP<br><i>CITP Overview</i>  | <b>80</b>  |
| Profil Pengerusi<br><i>Chairman's Profile</i>   | <b>14</b> | Teras Strategik 1: Kualiti, Keselamatan Dan Profesionalisme<br><i>Strategic Thrust 1: Quality, Safety And Professionalism</i> | <b>82</b>  |
| Profil Anggota Lembaga<br><i>Board Members Profiles</i>   | <b>16</b> | Teras Strategik 2: Kemampuan Alam Sekitar<br><i>Strategic Thrust 2: Environmental Sustainability</i>                          | <b>90</b>  |
| Tadbir Urus Korporat<br><i>Corporate Governance</i>   | <b>26</b> | Teras Strategik 3: Produktiviti<br><i>Strategic Thrust 3: Productivity</i>  | <b>96</b>  |
| Senarai Anak Syarikat<br><i>List of Subsidiaries</i>  | <b>28</b> | Teras Strategik 4: Pengantarabangsaan<br><i>Strategic Thrust 4: Internationalisation</i>                                      | <b>110</b> |
| Kumpulan Pengurusan<br><i>Management Team</i>   | <b>30</b> | Program Kecemerlangan Organisasi<br><i>Organisational Excellence Program</i>  | <b>117</b> |
| Carta Organisasi CIDB 2017<br><i>CIDB 2017 Organisation Chart</i>   | <b>40</b> | Teras Strategik 5: Penyampaian Perkhidmatan<br><i>Strategic Thrust 5: Service Delivery</i>                                    | <b>118</b> |
| Sumber Manusia<br><i>Human Resource</i>   | <b>42</b> | Teras Strategik 6: Penjenamaan Korporat<br><i>Strategic Thrust 6: Corporate Branding</i>                                      | <b>128</b> |
| Prestasi Kewangan<br><i>Financial Performance</i>   | <b>44</b> | <b>Penyata Kewangan</b><br><b><i>Financial Statements</i></b>   | <b>137</b> |
| Penyata Pengerusi<br><i>Chairman's Statement</i>  | <b>47</b> | Penyata Kewangan CIDB 2017<br><i>CIDB Financial Statements 2017</i>   | <b>137</b> |
|   |           | Glosari<br><i>Glossary</i>  | <b>242</b> |



**MAKLUMAT KORPORAT**  
**CORPORATE INFORMATION**

# MAKLUMAT KORPORAT

## CORPORATE INFORMATION

### FUNGSI CIDB DI BAWAH AKTA 520

Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) adalah sebuah Badan Berkanun Persekutuan di bawah Kementerian Kerja Raya yang telah ditubuhkan di bawah Akta Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (Akta 520) untuk membangunkan, mengawalselia, menguatkuasa dan melaksanakan tugas-tugas dan juga fungsi-fungsi yang berkaitan dengan industri pembinaan.

Pada tahun 2011, Akta 520 ini telah dipinda untuk memantapkan lagi peranan CIDB dalam menguatkuasakan industri pembinaan yang selamat dan berkualiti di samping meningkatkan amalan terbaik dalam industri tersebut, dan dengan itu menaik-tarafkan kualiti kerja pembinaan secara keseluruhannya. Fungsi-fungsi CIDB seperti yang dibentangkan di bawah Akta tersebut adalah seperti berikut;

- Memajukan dan merangsang pembangunan, penambahbaikan dan pengembangan industri pembinaan;
- Menasihati dan mengesyorkan kepada Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri mengenai perkara yang menyentuh atau berkaitan dengan industri pembinaan;
- Memajukan, merangsang dan mengusahakan penyelidikan mengenai apa-apa perkara yang berhubungan dengan industri pembinaan;
- Memajukan, merangsang dan membantu dalam pengeksportan perkhidmatan berhubungan dengan industri pembinaan;
- Mengadakan perkhidmatan perundingan dan nasihat berkenaan dengan industri pembinaan;
- Memajukan dan menggalakkan jaminan kualiti dalam industri pembinaan;
- Mengawal selia pematuhan standard bagi buatan kerja binaan dan bahan binaan;
- Mendapatkan, menyiaran, memulakan dan menyenggarakan maklumat yang berhubungan dengan industri pembinaan termasuklah penubuhan sistem maklumat industri pembinaan;
- Mengadakan, memajukan, mengkaji semula dan menyelaraskan latihan dalam industri pembinaan;
- Mendaftar dan mengakreditasi kontraktor, mengenakan apa-apa syarat pendaftaran dan akreditasi kontraktor dan membatalkan, menggantung atau mengembalikan semula pendaftaran dan akreditasi kontraktor itu;
- Mendaftar, mengakreditasi dan memperakurkan personel binaan dan membatalkan, menggantung atau mengembalikan semula pendaftaran, akreditasi dan pemerakuan personel binaan itu;
- Mengawal selia pelaksanaan bagi kerja pembinaan yang berkualiti dan selamat;
- Mengawal selia pelaksanaan Sistem Binaan Berindustri dalam industri pembinaan; dan
- Menguruskan apa-apa aduan atau laporan yang dibuat berkenaan dengan apa-apa kegagalan kerja pembinaan atau kerja pembinaan yang telah siap yang menyentuh keselamatan awam dan mengambil tindakan yang sesuai untuk menanganinya.

### FUNCTIONS OF CIDB UNDER ACT 520

*The Construction Industry Development Board (CIDB) is a Federal Statutory Body under the Ministry of Works, established under the Construction Industry Development Board Act (Act 520) to develop, regulate, enforce and execute tasks and functions related to the construction industry.*

*In 2011, Act 520 was amended to further strengthen CIDB's roles in enforcing safe and quality construction and at the same time enhance the adoption of best practices in construction, thus raising the quality of construction work as a whole. The functions of CIDB as laid out under the Act are as follows;*

- To promote and stimulate the development, improvement and expansion of the construction industry;*
- To advise and make recommendations to the Federal Government and the State Government on matters affecting or connected with the construction industry;*
- To promote, stimulate and undertake research into any matter relating to the construction industry;*
- To promote, stimulate and assist in the export of service relating to the construction industry;*
- To provide consultancy and advisory services with respect to the construction industry;*
- To promote and encourage quality assurance in the construction industry;*
- To regulate the conformance of standards for construction workmanship and materials;*
- To obtain, publish, initiate and maintain information relating to the construction industry including the establishment of a construction industry information system;*
- To provide, promote, review and coordinate training in the construction industry;*
- To register and accredit contractors, to impose any conditions of registration and accreditation of the contractors and to revoke, suspend or reinstate the registration and accreditation;*
- To register, accredit and certify construction personnel and to revoke, suspend or reinstate the registration, accreditation and certification of such construction personnel;*
- To regulate the implementation for quality and safe construction works;*
- To regulate the implementation of Industrialised Building System in the construction industry; and*
- To attend to any complaint or report made in relation to any failure of construction works or completed construction works which affects public safety and take appropriate actions to address it.*

# MISI DAN VISI

## MISSION AND VISION

Mengawal selia, membangunkan dan memudahcara industri pembinaan dengan menerapkan profesionalisme dalam menghasilkan persekitaran binaan yang produktif, mampan serta berkualiti.

*To regulate, develop and facilitate the construction industry by inculcating professionalism in delivering quality, productive and sustainable built environment.*

Menjadi organisasi yang unggul dalam mencapai kecemerlangan pembinaan di Malaysia.

*To be an esteemed organisation that delivers construction excellence in Malaysia.*



Untuk membina kapasiti dan kapabiliti industri pembinaan melalui peningkatan kualiti dan produktiviti dengan memberi penekanan kepada profesionalisme ke arah kehidupan yang berkualiti.

*To develop the capacity and capability of the construction industry through the enhancement of quality and productivity by placing great emphasis on professionalism in the endeavour to improve the quality of life.*

# NILAI MURNI CIDB

## CIDB CORE VALUES

### PERSEPAKATAN COHESIVENESS

Kami bersepakat bekerja sebagai satu pasukan.  
*We work cohesively as a team.*

### DISIPLIN DISCIPLINED

Kami berdisiplin tinggi  
*We are highly disciplined.*

### MOTIVASI MOTIVATED

Kami bermotivasi tinggi.  
*We are highly motivated.*

### TERBAIK BEST

Kami memberi yang terbaik.  
*We deliver the best.*

### INTEGRITI INTEGRITY

Kami berpegang kepada prinsip integriti.  
*We uphold integrity.*

**C**

**I**

**D**

**B**

**M**

**CIDBM**

# PIAGAM PELANGGAN CIDB

## CIDB CUSTOMER CHARTER

Sebagai sebahagian daripada Piagam Pelanggan, CIDB berusaha untuk mencapai objektif-objektif berikut:

### A. PENDAFTARAN KONTRAKTOR TEMPATAN

- Permohonan baru, pembaharuan dan kenaikan gred/tambah kategori dan pengkhususan kontraktor akan disiapkan dalam tempoh 10 hari bekerja dari tarikh penjanaan nombor permohonan.
- Permohonan perubahan butiran pendaftaran akan disiapkan dalam tempoh 3 hari bekerja.
- Sijil Perakuan Pendaftaran akan disiapkan pada hari yang sama dan dijana secara atas talian.

### B. PENDAFTARAN PERSONAL BINAAN

- Kad Pendaftaran Personel Binaan (Kad Hijau) akan disiapkan dalam tempoh 10 hari bekerja dari tarikh resit dikeluarkan.

### C. PUNGUTAN LEVI

- Pengenaan levi dikenakan serta merta selepas pengisytiharan dibuat secara atas talian.

*As part of its Customer Charter, CIDB undertakes to carry out the following objectives:*

### A. LOCAL CONTRACTORS REGISTRATION

- New applications, renewal and upgrading/ additional categories & contractor specialisation will be completed within 10 working days from the date of application.
- Application for change in details of registration will be completed within 3 working days.
- Certificate of Registration will be generated online on the same day of online registration.

### B. CONSTRUCTION PERSONNEL REGISTRATION

- Construction Personnel Identification Cards (Green Cards) to be completed within 10 working days from the date of issuance of receipt.

### C. LEVY COLLECTION

- Levy will be imposed immediately after an online declaration is made.



# IBU PEJABAT, PEJABAT NEGERI DAN PEJABAT CAWANGAN

## HEAD OFFICE, STATE OFFICES AND BRANCH OFFICES

### Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia

*Construction Industry Development Board*

Tingkat 10, Menara Dato' Onn, Pusat Dagangan Dunia Putra, No. 45, Jalan Tun Ismail, 50480 Kuala Lumpur.

Tel : +603-4047 7000  
(Talian Am) : 1300 88 2432

Faks : +603-4047 7070  
HYPERLINK "http://ebantuan.cidb.gov.my"

### CIDB Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur

*Federal Territory CIDB*

Tingkat 11, Wisma Sime Darby,  
Jalan Raja Laut,  
50350 Kuala Lumpur.

Tel : 03-2618 0000  
Faks : 03-2618 0101  
(Pentadbiran & Kewangan)

### CIDB Negeri Selangor

*Selangor CIDB*

Tingkat 5, Wisma PKPS,  
Persiaran Perbandaran, Seksyen 14,  
40675 Shah Alam, Selangor.

Tel : +03-5512 8600  
Faks : +03-5512 8620

### CIDB Negeri Johor

*Johor CIDB*

Lot 2067, Batu 3,  
Jalan Tamboi,  
81200 Johor Bahru, Johor.

Tel : +07-230 0520  
Faks : +07-231 4472

### CIDB Negeri Melaka

*Melaka CIDB*

No. 31-1, Jalan TU 49A,  
Kompleks Komersial Boulevard,  
Taman Tasik Utama,  
75450 Ayer Keroh, Melaka.

Tel : +06-232 8895  
Faks : +06-232 8950

### CIDB Negeri Sembilan

*Negeri Sembilan CIDB*

Wisma KoCIDB, Lot D30,  
Persiaran Utama S2/B2,  
Seremban 2,  
70300 Seremban, Negeri Sembilan.

Tel : +06-601 6311  
Faks : +06-601 7311

### CIDB Negeri Perak

*Perak CIDB*

Lot 5.02, Tingkat 5,  
Bangunan KWSP,  
Jalan Greentown,  
30450 Ipoh, Perak.

Tel : +605-242 3488  
Faks : +605-255 5488

### CIDB Negeri Kedah

*Kedah CIDB*

Lot 7 & 8,  
Kompleks Perniagaan Asas Jaya,  
Jalan Stadium,  
05100 Alor Setar, Kedah.

Tel : +604-733 1243  
Faks : +604-733 1175

### CIDB Pulau Pinang

*Penang CIDB*

Lot 9.01, Tingkat 9,  
Bangunan KWSP,  
No. 3009 Off Lebuh Tenggiri 2,  
Bandar Seberang Jaya,  
13700 Seberang Jaya, Pulau Pinang.

Tel : +604-390 2448  
Faks : +604-390 7448

### CIDB Negeri Perlis

*Perlis CIDB*

No 10 Jalan Tuanku Syed Putra  
(Jalan Kangar-Alor Setar),  
Seriab,  
01000 Perlis Indera Kayangan.

Tel : +604-9781 243  
Faks : +604-9781 244

### CIDB Negeri Pahang

*Pahang CIDB*

A1, Tingkat Bawah,  
Jalan Seri Kuantan 2,  
Seri Kuantan Square,  
25050 Kuantan, Pahang.

Tel : +609-517 8734  
Faks : +609-517 8751

### CIDB Negeri Terengganu

*Terengganu CIDB*

Tingkat 7, Menara Yayasan Islam Terengganu,  
Jalan Sultan Omar,  
20300 Kuala Terengganu, Terengganu.

Tel : +609-624 5311  
Faks : +609-623 8973

### CIDB Negeri Kelantan

*Kelantan CIDB*

No. U7.2, Tingkat 7,  
Menara Perbadanan,  
Jalan Tengku Petra Semerak,  
15000 Kota Bharu, Kelantan.

Tel : +609-744 4311  
Faks : +609-743 4311

### CIDB Negeri Sarawak

*Sarawak CIDB*

Tingkat 1, Blok A,  
Kompleks CIDB,  
Jalan Sultan Tengah,  
93050 Kuching, Sarawak.

Tel : +6082-445 833  
Faks : +6082-447 833

### CIDB Negeri Sarawak (Cawangan Miri)

*Sarawak CIDB (Miri Branch)*

Lot 1140, Block 9,  
Miri Concession Land District,  
Miri Waterfront,  
98000 Miri Sarawak.

Tel : +6085-417 431  
Faks : +6085-417 432

### CIDB Negeri Sarawak (Cawangan Bintulu)

*Sarawak CIDB (Bintulu Branch)*

Lot 4372, Fasa 7,  
Parkcity Commercial Area,  
Off Jalan Di Warta,  
97000 Bintulu,Sarawak.

Tel : +6086-343413  
Faks : +6086-343412

### CIDB Negeri Sabah

*Sabah CIDB*

Blok A, Tingkat 4,  
Bangunan KWSP,  
88100 Kota Kinabalu, Sabah.

Tel : +6088-244 423/658/506  
Faks : +6088-242 481

### CIDB Negeri Sabah (Cawangan Tawau)

*Sabah CIDB (Tawau Branch)*

Lot 20 & Lot 21, Blok D,  
Plaza Damai, Jalan Damai, Off Jalan Apas,  
Beg Berkunci No. 7,  
91009 Tawau, Sabah.

Tel : +6089-777 841/842/846  
Faks : +6089-777 840

### CIDB Negeri Sabah (Cawangan Sandakan)

*Sabah CIDB (Sandakan Branch)*

Lot 03-GF, 02-1F & 03-1F,  
Blok F Bandar Megah Jaya,  
Batu 7, Jalan Lintas Labuk,  
90000 Sandakan, Sabah.

Tel : +6089-668015  
Faks : +6089-668000

# SENARAI ANGGOTA LEMBAGA

## LIST OF BOARD MEMBERS



AHLI-AHLI  
MEMBERS



**1 DATO' SRI ZOHARI  
HAJI AKOB**

Ketua Setiausaha,  
Kementerian Kerja Raya  
*Secretary General, Ministry  
of Works*

**2 DATO' IR. AHMAD 'ASRI  
ABDUL HAMID**

Ketua Eksekutif, CIDB  
*Chief Executive, CIDB*



**TAN SRI Dr. Ir. AHMAD  
TAJUDDIN ALI, FASc.  
PENGURUSI, CIDB  
CHAIRMAN, CIDB**



**ANGGOTA LEMBAGA YANG TAMAT  
KEANGGOTAAN**  
BOARD MEMBERS WHOSE MEMBERSHIP  
HAS ENDED



**3 DATO' OTHMAN SEMAIL**  
Wakil Kementerian Kewangan  
*Representative of the Ministry of Finance*

**4 DATO' Ir. MOHTAR MUSRI**  
Ketua Pengarah, Jabatan Keselamatan dan  
Kesihatan Pekerjaan (JKKP)  
*Director General, Department of Safety and  
Health (DOSH)*

**5 DATO' HAJI MOKHTAR SAMAD**  
Presiden Persatuan Kontraktor Melayu  
Malaysia (PKMM)  
*President of (PKMM)*

**6 DATUK AG BUHTAMAM AG  
MAHMUN**  
Pengerusi & CEO, Sedafiat Sdn Bhd  
*Chairman & CEO, Sedafiat Sdn Bhd*

**7 TUAN HAJI IR. ALHADI IBRAHIM**  
Pengarah, Konsortium Malaysia  
*Director, Konsortium Malaysia*

**8 DATUK IR. ROSALINE  
GANENDRA**  
Pengarah, Minconsult Sdn Bhd  
*Director, Minconsult Sdn Bhd*

**9 DATUK SERI MICHAEL YAM  
KONG CHOY**  
Wakil REHDA / Representative of  
Real Estate Housing & Developer  
Association  
*CEO & Managing Director of  
Impetus Alliance Advisors Sdn Bhd*

**10 FOO CHEK LEE**  
Presiden MBAM  
*President of the Master Builders  
Association Malaysia (MBAM)*  
Dilantik pada 1 Januari 2017  
*Appointed on 1 January 2017*

**DATUK MATTHEW  
TEE KAI WOON**  
Mantan Presiden MBAM  
*Immediate Past  
President of the Master  
Builders Association  
Malaysia (MBAM)*

# PROFIL ANGGOTA LEMBAGA

## BOARD MEMBER PROFILE



### PENGERUSI CHAIRMAN

Tan Sri Dr. Ir. Ahmad Tajuddin Ali adalah Penggerusi Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB)

Sebelum ini beliau merupakan Presiden Akademi Sains Malaysia dan Ketua Pengarah Institut Penyelidikan Piawaian dan Industri (SIRIM). Beliau juga pernah menjadi Penggerusi Eksekutif Tenaga Nasional Berhad (TNB), Penggerusi Gas Malaysia Sdn Bhd, Suruhanjaya Tenaga Malaysia, PLUS Expressways International Berhad, UEM Sunrise Berhad dan UEM Group Berhad. Beliau kini berkhidmat sebagai Penggerusi Linde Malaysia Holdings Berhad, SIRIM Berhad, UPM Holdings Sdn Bhd, SIRIM QAS International Sdn Bhd, Institut Penyelidikan Pembinaan Malaysia (CREAM), Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) dan Penggerusi Bersama (Industri) Kumpulan Indsutri-Kerajaan Malaysia untuk Teknologi Tinggi (MIGHT).

*Tan Sri Dr. Ir. Ahmad Tajuddin Ali is the Chairman of Construction Industry Development Board (CIDB).*

*Previously he was the President of the Academy of Sciences Malaysia and the Director-General of Standards and Industrial Research Institute of Malaysia (SIRIM). He has also been the Executive Chairman of Tenaga Nasional Berhad (TNB), Chairman of Gas Malaysia Sdn Bhd, the Energy Commission of Malaysia, PLUS Expressways International Berhad, UEM Sunrise Berhad and UEM Group Berhad. He is currently serving as the Chairman of Linde Malaysia Holdings Berhad, SIRIM Berhad, UPM Holdings Sdn Bhd, SIRIM QAS International Sdn Bhd, Construction Research Institute of Malaysia (CREAM), Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) and the Joint-Chairman (Industry) of the Malaysian Indsutry-Government Group for High Technology (MIGHT).*

► Tan Sri Dr. Ir. Ahmad Tajuddin Ali, FASc.

Beliau lulus dengan Kepujian Kelas Pertama dalam Kejuruteraan Mekanikal dari King's College, University of London pada tahun 1973 dan memperoleh ijazah kedoktoran dalam Kejuruteraan Nuklear dari Queen Mary College, University of London pada tahun 1977. Beliau melakukan tugas pasca kedoktoran dalam bidang kejuruteraan nuklear di Oregon State University (1977) dan di Pennsylvania State University (1978).

Tan Sri Dr. Tajuddin merupakan Pro-Canselor Universiti Tenaga Nasional (UNITEN) dan ahli Majlis Penasihat Antarabangsa Universiti. Beliau juga adalah ahli Perkongsian Awam-Swasta di bawah Kementerian Pengajian Tinggi, Malaysia dan ahli Majlis Penasihat Sains dan Inovasi Global (GSIAC). Tan Sri Dr. Tajuddin juga merupakan Penggerusi Lembaga Pemegang Amanah Yayasan UEM dan Nusajaya Amanah Warisan Semula jadi dan ahli Lembaga Pemegang Amanah Yayasan Khazanah, Yayasan Anugerah Sains Mahathir, dan sebagai Ahli Biasa Yayasan Penyelidikan Antartika Sultan Mizan. Beliau juga merupakan ahli Lembaga Gabenor Kolej Melayu Kuala Kangsar (MCKK), almamaternya.

Beliau dianugerahkan Ijazah Kehormat Doktor Sains oleh Universiti Putra Malaysia (UPM) pada tahun 2000, Doktor Kehormat Kejuruteraan oleh Universiti Tenaga Nasional (UNITEN) pada tahun 2008, Ijazah Kehormat Doktor Sains oleh Universiti Malaysia Terengganu (UMT) pada tahun 2009, Doktor Kehormat Ijazah Kejuruteraan oleh Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) pada tahun 2014 dan pada November 2015, beliau telah dianugerahkan Ijazah Kehormat Doktor Sains oleh Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan baru-baru ini, beliau dianugerahkan Ijazah Kehormat Doktorzah Pengurusan oleh Universiti Malaysia Perlis (UniMAP). Beliau juga merupakan graduan Program Pengurusan Lanjutan Sekolah Harvard Business.

Beliau adalah Jurutera Profesional Berdaftar dengan Lembaga Jurutera (P.Eng), Fellow Institusi Jurutera Malaysia (IEM), Felo Kanan Persekutuan Persatuan Kejuruteraan ASEAN (AFEO) dan Fellow Akademi ASEAN Kejuruteraan dan Teknologi (AAET).

Tan Sri Dr. Tajuddin telah menerima Anugerah Institusi Jurutera Malaysia dan Anugerah "Pemain Cemerlang" dari CIDB.

*He graduated with First Class Honours in Mechanical Engineering from King's College, University of London in 1973 and obtained his doctorate in Nuclear Engineering from Queen Mary College, University of London in 1977. He did his post-doctoral work in nuclear engineering at Oregon State University (1977) and at Pennsylvania State University (1978).*

*Tan Sri Dr. Tajuddin is the Pro-Chancellor of Universiti Tenaga Nasional (UNITEN) and a member of the International Advisory Council of the University. He is also a member of the Public-Private Partnerships under The Ministry of Higher Education, Malaysia and a member of Global Science and Innovation Advisory Council (GSIAC). Tan Sri Dr. Tajuddin is also the Chairman of the Board of Trustees of Yayasan UEM and the Nusajaya Natural Heritage Trust and a member of the Board of Trustees of Yayasan Khazanah, Mahathir Science Award Foundation, and as an Ordinary Member of Yayasan Penyelidikan Antartika Sultan Mizan. He is also a member of the Board of Governors of the Malay College Kuala Kangsar (MCKK), his alma mater.*

*He was conferred the Honorary Doctor of Science Degree by University Putra Malaysia (UPM) in 2000, Honorary Doctor of Engineering by Universiti Tenaga Nasional (UNITEN) in 2008, Honorary Doctor of Science Degree by Universiti Malaysia Terengganu (UMT) in 2009, Honorary Doctor of Engineering Degree by Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) in 2014 and in November 2015, he was conferred the Honorary Doctor of Science Degree by Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) and recently, he was conferred with the Honorary Doctorate of Management Degree by Universiti Malaysia Perlis (UniMAP). He is also a graduate of the Harvard Business School's Advanced Management Programme.*

*He is a Registered Professional Engineer with the Board of Engineers (P.Eng), a Fellow of the Institution of Engineers Malaysia (IEM), a Senior Fellow of the ASEAN Federation of Engineering Organisations (AFEO) and a Fellow of the ASEAN Academy of Engineering and Technology (AAET).*

*Tan Sri Dr. Tajuddin has received the Institution of Engineers Malaysia Award and the "Prominent Player" Award from CIDB.*

# ANGGOTA MEMBERS



Dato' Sri Zohari bin Haji Akob dilahirkan di Kuala Lipis, Pahang dan memulakan karier perkhidmatan awamnya pada tahun 1986 bersama Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM). Setelah menamatkan pengajiannya dalam jurusan Pentadbiran Awam di Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN) pada tahun 1988, beliau telah dipindahkan ke Bahagian Pertanian Unit Perancang Ekonomi (EPU) di Jabatan Perdana Menteri. Beliau kemudian ditukarkan ke Unit Penswastaan dalam EPU pada tahun 1995 dan menjadi Pengarah Bahagian pada tahun 2008. Pada tahun 2009, beliau dinaikkan pangkat sebagai Timbalan Ketua Pengarah bagi Unit Kerjasama Awam Swasta (UKAS) di Jabatan Perdana Menteri. Pada Januari 2014, beliau dilantik sebagai Timbalan Ketua Pengarah (Tenaga) bagi Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air (KeTTHA) dan kemudiannya dilantik sebagai Ketua Pengarah Kementerian Kerja Raya (MoW) pada Julai 2014.

Dato' Sri Zohari bin Haji Akob merupakan Ahli Lembaga Pengarah bagi Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) dan Jambatan Kedua Sdn. Bhd. (JKSB). Beliau juga pernah menjadi Ahli Lembaga Pengarah Suruhanjaya Tenaga dan Sarawak Hidro Sdn. Bhd.

*Dato' Sri Zohari bin Haji Akob was born in Kuala Lipis, Pahang and began his civil service career in 1986 with the Fisheries Development Authority of Malaysia (LKIM). Upon completing his study in Public Administration at National Institute of Public Administration (INTAN) in 1988, he was transferred to the Agriculture Section of Economic Planning Unit (EPU) in the Prime Minister's Department. He was later transferred to the Privatisation Section in EPU in 1995 and become the Section's Director in 2008. In 2009, he was then promoted as Deputy Director General of Public Private Partnership Unit (UKAS), in the Prime Minister's Department. In January 2014, he became the Deputy Secretary General (Energy) of the Ministry of Energy, Green Technology and Water (KeTTHA) and later, he was appointed the Secretary General of the Ministry of Works (MoW) in July 2014.*

*Dato' Sri Zohari bin Haji Akob is a Board Member of the Construction Industry Development Board (CIDB) and Jambatan Kedua Sdn Bhd (JKSB). Previously he was a Board Member of the Suruhanjaya Tenaga and Sarawak Hidro Sdn Bhd.*

► Dato' Sri Zohari bin Haji Akob

Dato 'Ir. Ahmad 'Asri Abdul Hamid dilantik sebagai Ketua Eksekutif Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) pada 1 Mac 2016.

Beliau dahulunya memegang jawatan Pengurus Besar Kanan Sektor Pengurusan di CIDB, dan mempunyai 20 tahun pengalaman di CIDB dalam pelbagai bidang, termasuk mengetuai Bahagian Levi, Bahagian Perniagaan & Korporat dan Sektor Pembangunan.

Dato 'Ir. Ahmad 'Asri telah berkhidmat selama lebih dari 33 tahun, termasuk sebagai jurutera mekanikal di Jabatan Kerja Raya selama 13 tahun. Beliau juga berkhidmat sebagai Presiden bagi Perbadanan Pembangunan Perkhidmatan Profesional (PSDC) selama 3 tahun, di mana beliau bertanggungjawab untuk membangunkan keupayaan dan keupayaan sektor perkhidmatan profesional dalam menghadapi cabaran liberalisasi.

Dato 'Ir. Ahmad 'Asri memegang ijazah kepujian kelas pertama dalam Kejuruteraan Mekanikal dari Adelaide University, Australia dan Sarjana Pentadbiran Perniagaan, ijazah MBA dari Open University, UK. Beliau adalah Felo Institusi Jurutera, Malaysia (IEM), Jurutera Profesional yang berdaftar dengan Lembaga Jurutera Malaysia, Ahli RICS, Felo Institut Bangunan Bertauliah Malaysia CIOB dan terkini beliau dilantik sebagai Ahli Tetap Jawatankuasa Peringkat Eksekutif Majlis Tindakan Sara Hidup Negara oleh Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepgunaan.

*Dato' Ir. Ahmad 'Asri Abdul Hamid was appointed as the Chief Executive of the Construction Industry Development Board Malaysia (CIDB) on 1st March 2016.*

*He formerly held the post of Senior General Manager of the Management Sector in CIDB, and has 20 years experience in CIDB under various capacities, including heading the Levy Divisons, Business & Corporate Divisions and the Development Sector.*

*Dato' Ir. Ahmad 'Asri has been in the public service for more than 33 years, including being a mechanical engineer in the Public Works Department for 13 years. He has also served as the President for the Professional Services Development Corporation (PSDC) for 3 years, where he was responsible for developing the capability and capacity of the professional services sector in facing with the challenges of liberalisation.*

*Dato' Ir. Ahmad 'Asri holds a first-class honours degree in Mechanical Engineering from Adelaide University, Australia and a Master of Business Administration, MBA degree from the Open University, UK. He is a Fellow of the Institution of Engineers, Malaysia (IEM), a Professional Engineer registered with Board of Engineers Malaysia, Member of RICS, Fellow of the Chartered Institute of Building Malaysia CIOB and was appointed as Pemanent Member of the Executive Committee of the National Living Action Council by the Minister of Domestic Trade, Co-operatives and Consumerism.*

► Dato 'Ir. Ahmad 'Asri Abdul Hamid





Dato' Othman Semail berkelulusan Diploma Pertanian daripada Universiti Pertanian Malaysia pada tahun 1982. Beliau kemudian melanjutkan pengajian ke peringkat ijazah di universiti yang sama dan menamatkan pengajian pada tahun 1996 dengan ijazah Sarjana Muda Ekonomi Sumber. Beliau kemudian melanjutkan lagi pelajaran dan mendapatkan Diploma Pengurusan Awam daripada Institut Tadbiran Awam (INTAN) sebelum mendapatkan Ijazah Sarjana Pendidikan Perniagaan (Kewangan) daripada Universiti Kebangsaan Malaysia pada tahun 2005.

Dato' Othman memulakan kerjaya dalam perkhidmatan awam sebagai Penolong Pegawai Pertanian dengan Lembaga Kemajuan Pekebun Kecil Industri Getah (RISDA) pada tahun 1982 dan kekal memegang jawatan tersebut selama 16 tahun sebelum dilantik sebagai Penolong

Setiausaha, Pegawai Tadbir Diplomatik di Bahagian Perancangan & Korporat, Kementerian Industri Utama Malaysia dari tahun 1998 hingga 2003. Beliau kemudian dinaikkan ke jawatan Ketua Penolong Setiausaha, Pegawai Tadbir Diplomatik di Bahagian Perolehan Kerajaan, Kementerian Kewangan pada tahun 2011 manakala pada tahun 2014, dilantik sebagai Setiausaha untuk Bahagian yang sama di Kementerian Kewangan.

Dato' Othman Semail adalah Setiausaha Bahagian Perolehan Kerajaan di Kementerian Kewangan Malaysia (MOF). Beliau dilantik sebagai Anggota Lembaga CIDB pada 1 Mei 2016 dan turut menganggotai JKKAP, Jawatankuasa Audit serta salah satu daripada JTTKPP dan JRTTKPP CIDB sebagai Ahli. Beliau turut berkhidmat sebagai Pengerusi IWG3 dan Ahli dalam TWG1, IWG7 dan IWG17.

Beliau juga menerahkan khidmatnya untuk pelbagai organisasi, antaranya sebagai Ahli Lembaga Pengarah dan Ahli Jawatankuasa Pelaburan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), Ahli Lembaga Pengarah Bukan Eksekutif, Glocal Link (M) Sdn. Bhd., Ahli Lembaga Pengarah Malaysian Kuwaiti Investment Co., dan Pengurus Amanah Raya Development Sdn. Bhd.

*Dato' Othman Semail holds an Agricultural Diploma from the then Universiti Pertanian Malaysia in 1982. He pursued his degree at the same university and graduated in 1996 with a Bachelor in Resource Economics. He then furthered his studies and obtained a Diploma in Public Management from the Institute of Public Administration (INTAN) before obtaining his Master of Business Administration (Finance) from the National University of Malaysia in 2005.*

*Dato' Othman started his career in the public service as an Agricultural Assistant Officer with the Rubber Industry Smallholders Development Authority (RISDA) in 1982. He held the post for 16 years before being appointed as Assistant Secretary, Administration and Diplomatic Officer in the Planning & Corporate Division, Ministry of Primary Industries from 1998 to 2003. He later rose to the post of Head of Assistant Secretary, Administration and Diplomatic Officer in the Government Procurement Division, Ministry of Finance in 2011, and in 2014 was appointed as the Secretary in the same division.*

*Dato' Othman Semail was appointed as a Board Member of CIDB on 1 May 2016 and sits on CIDB's FAIC, and the Audit Committee as well as one of the DAMPGCs and DAAMPGCs. He serves as Chairman of IWG3 and a Member of TWG1, IWG7 and IWG17. He has also devoted his services to various organisations, including being a Board and Investment Committee Member of Companies Commission of Malaysia (SSM), Non-Executive Board Member of Glocal Link (M) Sdn. Bhd., a Director of Malaysian Kuwaiti Investment Co., and Chairman of Amanah Raya Development Sdn. Bhd.*

#### ► Dato' Othman Semail

Dato' Ir. Mohtar Musri merupakan graduan Ijazah Sarjana Muda Sains Kejuruteraan Mekanikal dari University of Nottingham, UK pada tahun 1982 dan turut memegang Ijazah Sarjana Sains (Kejuruteraan) Reka bentuk Kerja dan Ergonomik dari University of Birmingham, UK pada tahun 1991.

Beliau kini merupakan Ketua Pengarah Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (DOSH) yang bertanggungjawab terhadap perancangan dan pelaksanaan keseluruhan aktiviti teras DOSH iaitu penguatkuasaan, penetapan piawaian dan promosi. Sebelum ini, beliau pernah menyandang jawatan Timbalan Ketua Pengarah (Operasi) DOSH dari tahun 2009 hingga 2014, Pengarah DOSH Selangor 2004 – 2007 dan 2008 – 2009, Pengarah Bahagian Keselamatan Perindustrian, DOSH HQ dari 2007 – 2008 dan Pengarah Keselamatan Perindustrian UNDPO/DOSH 2001 – 2003.

Dato' Ir. Mohtar menerima anugerah Darjah Indera Mahkota Pahang (DIMIP) pada tahun 2016, Johan Mahkota Wilayah (JMW) pada 2013 dan Kesatria Mangku Negara (KMN) pada tahun 2010.

Dato' Ir. Mohtar dilantik sebagai Anggota Lembaga CIDB Malaysia pada tahun 2015. Beliau turut menganggotai JKKAP dan JTTKPP CIDB serta TWG1 sebagai Ahli dan dilantik sebagai Pengerusi IWG2.

*Dato' Ir. Mohtar Musri graduated with Bachelor of Science in Mechanical Engineering from the University of Nottingham, UK in 1982 and also received a Master Degree in Science (Engineering) Work Design and Ergonomics from the University of Birmingham, UK in 1991.*

*He is currently the Director General of Department of Occupational Safety and Health (DOSH), responsible to the overall planning and implementation of core activities of DOSH namely enforcement, standard setting and promotional. Prior to this, he was the Deputy Director General (Operation) of DOSH from 2009 to 2014, Director of DOSH Selangor 2004 – 2007 and 2008 - 2009, Director of Industrial Safety Division, DOSH HQ from 2007 – 2008 and Director of Industrial Safety UNDPO/DOSH 2001 – 2003.*

*Dato' Ir. Mohtar was accorded Darjah Indera Mahkota Pahang (DIMIP) in 2016, Johan Mahkota Wilayah (JMW) in 2013 and Kesatria Mangku Negara (KMN) in 2010.*

*Dato' Ir. Mohtar was appointed as a Board Member of CIDB Malaysia in 2015. He also sits as a Member on CIDB's FAIC, DAMPGC and TWG1, and also serves as the Chairman of IWG2.*

#### ► Dato' Ir Mohtar Musri





► Dato' Haji Mokhtar Samad

Dato' Haji Mokhtar Samad merupakan Presiden Persatuan Kontraktor Melayu Malaysia dan Pengerusi Eksekutif Konsortium Kontraktor Melayu Sdn Bhd. Beliau terlibat secara aktif sebagai Ahli Majlis Penasihat Yang DiPertua Dewan Perniagaan Melayu Malaysia Kuala Lumpur, Timbalan Pengerusi Majlis Pembangunan Usahawan Wilayah Persekutuan dan Ahli Lembaga Penasihat Seni Silat Kalam Malaysia. Beliau juga merupakan Penaung Masjid Al-Zobir Bandar Tun Razak.

Selain daripada sebahagian daripada Ahli Lembaga Pengarah CIDB, beliau juga merupakan Pengerusi Kossan Rubber Industri Berhad (Senarai Papan Utama), Pengerusi Luxchem Corporation Berhad (Senarai Papan Utama) serta Pengerusi Eksekutif Minat Megah Sdn Bhd.

*Dato' Haji Mokhtar Samad is the President of the Malaysian Malay Contractors Association and the Executive Chairman of Konsortium Kontraktor Melayu Sdn Bhd. He is actively involved as Member of the Council of Advisors of the Malay Chamber of Commerce Malaysia Kuala Lumpur, Deputy Chairman of the Federal Territories Entrepreneur Development Council and Member of the Malaysian Institute of Silat Kalam Art Advisory Board. He is also the Patron of Bandar Tun Razak Al-Zobir Mosque.*

*Apart from some of the Board of Directors of CIDB, he is also the Chairman of Kossan Rubber Industries Berhad (Main Board List), Chairman of Luxchem Corporation Berhad (Main Board List) and Executive Chairman of Matang Megah Sdn Bhd.*

Datuk Ag Buhtamam Ag Mahmun menamatkan pengajian Diploma dalam Sains Perhutanan di Universiti Pertanian Malaysia pada tahun 1984 dan ijazah Sarjana Muda Sains Perhutanan (Pengurusan) di University of Wisconsin, Stevens Point, USA. Beliau turut mengikuti Program Pembangunan Pengurusan Kanan ASEAN di Harvard Business School pada tahun 2015.

Pernah menyandang jawatan sebagai Pegawai Perhutanan dan Penolong Pengarah Perhutanan di Jabatan Perhutanan Sabah, beliau kini menyandang jawatan Pengerusi Eksekutif di One Holdings Sdn Bhd, Nicaria Sdn Bhd dan One Mim (Sabah) Sdn Bhd, selain menjadi Pengerusi dan Ketua Pegawai Eksekutif di Sedafiat Sdn Bhd. Datuk Ag Buhtamam terlibat secara aktif dalam bidang pendidikan dan kini berkhidmat sebagai Pengerusi UMS Investments Holdings Sdn Bhd dan Jawatankuasa Penasihat Industri bagi Politeknik Kota Kinabalu, Sabah serta sebagai Ahli Lembaga Universiti Malaysia Sabah (UMS) sejak tahun 2013. Beliau juga dilantik sebagai Ahli Lembaga Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) sejak tahun 2011.

Datuk Ag Buhtamam dianugerahkan dengan pingat Ahli Setia Darjah Kinabalu (ASDK) pada tahun 2000, Panglima Gemilang Darjah Kinabalu (PGDK) pada 2009 dan Kesatria Mangku Negara (K.M.N) pada tahun 2016. Datuk Ag Buhtamam dilantik sebagai Ahli Lembaga CIDB pada tahun 2016 dan turut menganggotai JTTKPP dan JRTTKPP CIDB sebagai Ahli. Beliau juga dilantik sebagai Timbalan Pengerusi IWG10 dan merupakan Ahli dalam TWG3.

*Datuk Ag Buhtamam Ag Mahmun completed his Diploma in Forestry Science at the then Universiti Pertanian Malaysia in 1984 and Bachelor in Forestry Science (Management) at the University of Wisconsin, Stevens Point, USA. He also attended the ASEAN Senior Management Development Programme at the Harvard Business School in 2015.*

*He was the Forestry Officer and Assistant Director of Forestry at the Sabah Forestry Department prior to his appointment as the Executive Chairman of One Holding Sdn Bhd, Nicaria Sdn Bhd and One Mim (Sabah) Sdn Bhd. Actively involved in the education fraternity, Datuk Ag Buhtamam currently serves as the Chairman of UMS Investment Holdings Sdn Bhd as well as the Industry Advisory Committee of Kota Kinabalu Polytechnic, Sabah, and as a Board Member of Universiti Malaysia Sabah (UMS) since 2013. He is also an appointed Board Member of Malaysia Productivity Corporation (MPC) since 2011.*

*Datuk Ag Buhtamam was conferred Ahli Setia Darjah Kinabalu (ASDK) in 2000, Panglima Gemilang Darjah Kinabalu (PGDK) in 2009 and recently, Kesatria Mangku Negara (K.M.N) in 2016. Datuk Ag Buhtamam was appointed as a member of the Board of CIDB in 2016 and sits on DAMPGC and DAAMPGC as a Member. He is also the Deputy Chairman of IWG10 and a Member of TWG3.*



► Datuk Ag Buhtamam Ag Mahmun



Tuan Haji Ir. Alhadi Ibrahim merupakan Ahli Lembaga CIDB selama dua penggal dari 2 Ogos 2013 sehingga 1 Ogos 2015 dan dari 2 Ogos 2015 sehingga 1 Ogos 2017. Seorang ahli Institusi Jurutera Malaysia dan Jurutera Profesional berdaftar dengan Lembaga Jurutera Malaysia, beliau tamat pengajian pada tahun 1978 daripada Politeknik Brighton (kini Universiti Brighton) dengan Ijazah Muda Kejuruteraan Sivil.

Selain daripada tugas beliau dengan CIDB, Tuan Haji Ir. Alhadi Ibrahim juga merupakan rakan kongsi Konsortium Malaysia sejak tahun 1981. Beliau juga telah menjadi Ahli Majlis untuk Majlis Bandaraya Kuching Selatan dari tahun 1993 sehingga tahun 1999, di mana beliau adalah ahli Jawatankuasa untuk Trafik dan Infrastruktur, Kawalan Pembinaan, Tujuan Awam dan Perkhidmatan serta Kewangan dan Penubuhan. Sejak Mei 2016, beliau telah menjadi Ahli Panel untuk Tuntutan Pembeli Perumahan di bawah Kementerian Perumahan dan Urbanisasi Sarawak.

*Tuan Haji Ir. Alhadi Ibrahim has been a Board Member of CIDB for two terms, from 2 August 2013 to 1 August 2015 and from 2 August 2015 to 1 August 2017. A member of the Institution of Engineers Malaysia and a registered Professional Engineer with the Board of Engineers Malaysia, he graduated in 1978 from the then Brighton Polytechnic (now University of Brighton) with Bachelor in Civil Engineering.*

*Aside from his duties with CIDB, Tuan Haji Ir Alhadi Ibrahim has been a partner with Konsortium Malaysia since 1981. He was also a Council Member of Majlis Bandaraya Kuching Selatan from 1993 to 1999, where he was a member of the Standing Committee for Traffic and Infrastructure, Building Control, General Purposes and Services and Finance and Establishment. Since May 2016, he has been a Panel Member of the Tribunal for Housing Purchasers Claims under the Sarawak Ministry of Housing and Urbanisation.*

► Tuan Haji Ir Alhadi Ibrahim

Datuk Ir. Rosaline Ganendra telah menjadi Ahli Lembaga CIDB sejak tahun 2016, di mana beliau adalah ahli Jawatankuasa Audit dan Jawatankuasa Program Transformasi Industri Pembinaan (CITP). Seorang Jurutera Awam dengan Ijazah Sarjana Muda Sains Imperial College di UK, beliau adalah Ahli Seumur Hidup dan anggota serta bekas Naib Presiden dan ahli Exco Institusi Jurutera Malaysia, dan Jurutera Profesional Berdaftar dengan Lembaga Jurutera Malaysia. Beliau juga adalah Felo bagi The Institution of Engineers, Australia & Chartered Professional Engineer (FIEAust CPEng), The Institution of Highways & Transportation (FIHT) U.K., and The Institution of Engineers, India (FIEI).

Buat masa kini, beliau merupakan Pengarah di Minconsult Sdn Bhd, dan telah menyandang peranan tersebut sejak tahun 1994. Beliau juga merupakan Rakan Kongsi Tidak Aktif di Ganendra, Ahmad & Associates sejak April 1994, dan sebelum ini adalah Pengetua Bertanggungjawab dari Jun 1985 sehingga April 1994. Dalam keupayaan profesionalnya, beliau telah terlibat dalam sejumlah projek kejuruteraan dan infrastruktur utama termasuk rel, jalanraya, lebuhraya, lapangan terbang dan pusat penjana kuasa di Malaysia serta di luar negara.

Datuk Ir. Rosaline Ganendra telah dianugerahkan Darjah Mulia Seri Melaka, yang membawa gelaran Datuk, pada tahun 2006. Beliau juga menjadi penerima Anugerah Jurutera Wanita Institusi Jurutera Malaysia (IEM) pada tahun 2009, Anugerah Perniagaan BELLA pada tahun 2013, Usahawan Wanita Tahunan Ernst & Young pada tahun 2013, dan Anugerah Wanita Terkemuka Pembinaan Anugerah CIDB pada tahun 2016.

*Datuk Ir. Rosaline Ganendra has been a Board Member of CIDB since 2016, where she is a member of the Audit Committee and the Construction Industry Transformation Programme (CITP) Committee. A Civil Engineer with a Bachelor of Science Degree from Imperial College in the UK, she is a life member and Fellow as well as past Vice-President and Exco member of the Institution of Engineers Malaysia, and a Registered Professional Engineer with the Board of Engineers Malaysia. She is also a Fellow of The Institution of Engineers, Australia & Chartered Professional Engineer (FIEAust CPEng), The Institution of Highways & Transportation (FIHT) U.K., and The Institution of Engineers, India (FIEI).,*

*Presently a Director of Minconsult Sdn. Bhd, she has served in that role since 1994. She has also been a Non-Active Partner at Ganendra, Ahmad & Associates since April 1994, and was previously the Principle In-Charge from June 1985 to April 1994. In her professional capacity, she has been involved in a number of major engineering and infrastructure projects including rail, roads, highways, airports, and power plants in Malaysia and abroad.*

*Datuk Ir. Rosaline Ganendra was conferred the Darjah Mulia Seri Melaka, which carries the title Datuk, in 2006. She has also been the recipient of the The Institution Engineers, Malaysia (IEM) Lady Engineer Award in 2009, the BELLA Business Award in 2013, Ernst & Young Woman Entrepreneur of the Year in 2013, and the CIDB Awards Construction Leading Lady Award in 2016.*

► Datuk Ir. Rosaline Ganendra





► **Datuk Seri Michael K.C. Yam**

Datuk Seri Michael K.C. Yam merupakan Ahli Lembaga CIDB sejak tahun 2016. Seorang graduan dalam Kajian Pembinaan dan Pengurusan dari Universiti Westminster pada tahun 1979, beliau juga adalah Anggota Institusi Berpiagam Pembinaan (di mana beliau merupakan orang Asia yang pertama dipilih sebagai Lembaga Pemegang Amanahnya), seorang anggota Royal Institute of Chartered Surveyors dan Anggota CIDB. Beliau juga telah berkhidmat selama tiga tempoh untuk Lembaga Penasihat Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dari tahun 2008 sehingga tahun 2014.

Beliau sekarang merupakan Pengarah Urusan firma konsultasi Impetus Alliance Advisors yang ditubuhkan oleh beliau setelah karier sepanjang 30 tahun dalam bidang harta tanah dan pembinaan. Datuk Seri Michael K.C. Yam juga merupakan Pengarah Bebas Senior di Malaysia Airports Holdings Berhad and Paramount Corporation Berhad, serta Pengarah Bebas di Cahya Mata Sarawak Berhad dan Bank Standard Chartered Malaysia Berhad.

Beliau juga merupakan Pengerusi Invest KL Corporation, Malaysia Airports (Niaga) Sdn Bhd and Triterra Sdn. Bhd, dan merupakan bekas Presiden terkini serta Patron untuk Real Estate and Housing Developers' Association of Malaysia (REHDA).

*Datuk Seri Michael K.C. Yam has been a Board Member of CIDB since 2016. A graduate in Building and Management Studies from the University of Westminster in 1979, he is also a Fellow of the Chartered Institute of Building (where he was the first Asian elected to its Board of Trustees), a Fellow of the Royal Institute of Chartered Surveyors and a Fellow of CIDB. He also served three terms on the Advisory Board of Kuala Lumpur City Hall (DBKL) from 2008 to 2014.*

*He is presently the Managing Director of consultancy firm Impetus Alliance Advisors, which he founded after a 30 plus year career in the real estate and construction sectors. Datuk Seri Michael K.C. Yam is also the Senior Independent Director of Malaysia Airports Holdings Berhad and Paramount Corporation Berhad, as well as an Independent Director of Cahya Mata Sarawak Berhad and Standard Chartered Bank Malaysia Berhad.*

*He is also the Chairman of Invest KL Corporation, Malaysia Airports (Niaga) Sdn Bhd and Triterra Sdn. Bhd, and is the Most Recent Past President and Patron of the Real Estate and Housing Developers' Association of Malaysia (REHDA).*

Encik Foo Chek Lee merupakan seorang Jurutera Awam yang kini memegang jawatan sebagai Pengarah Urusan Pembinaan Mitrajaya Sdn. Bhd. Beliau mempunyai lebih daripada 37 tahun pengalaman dalam industri pembinaan untuk kedua-dua sektor awam dan awasta. Beliau bergiat aktif dalam Master Builders Association Malaysia (MBAM) sebagai Pengerusi Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan sejak tahun 1999. Beliau merupakan Presiden MBAM untuk tempoh selama 2016-2018. Beliau merupakan ahli jawatankuasa bagi merangka dan merumuskan Pelan Tindakan Keselamatan dan Kesihatan Industri Pembinaan selain turut terlibat sebagai anggota Majlis Negara bagi Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (NCOSH) daripada tahun 2009 sehingga Februari 2015. Beliau juga merupakan pengarah NIOSH Certification Sdn. Bhd., sebuah anak syarikat NIOSH. Selain itu, beliau juga merupakan ahli kumpulan kerja untuk Teras-teras dan Inisiatif di bawah Program Transformasi Industri Pembinaan (CITP).

Beliau merupakan salah seorang Ahli Jawatankuasa CIDB yang telah dilantik oleh Kerajaan bagi mengkaji amalan terbaik dalam Industri Pembinaan setelah beberapa siri kemalangan di tapak pembinaan. Beliau turut memberi khidmat sebagai ahli jawatan kuasa DOSH dan CIDB dalam beberapa perkara yang melibatkan kesihatan dan keselamatan.

- Contractor registration enhanced with the addition of a new category, Facility Management (F01 and F02).
- 7 contractors achieved 5\* SCORE rating.
- Study on the existing One-Stop-Centre (OSC) online system for approval of construction permit is underway with 6 Local Authorities identified to pilot the e-submission and approval
- Malaysia achieved a ranking of 13 out of 190 for World Bank's Ease of Doing Business in Dealing with Construction Permit
- Enhancing standard procedures on permit approval for small scale development for 5 Local Authorities is underway.
- Study on 'Cadangan Penubuhan Tribunal untuk Pertikaian Permit Pembinaan' is 50% completed.
- CIDB Construction Law Reports (CCLR) for 2015 and 2016 published. A web-based system with mobile compatibility is 30% completed

Di dalam meningkatkan profesionalisme dan sekaligus mempertingkatkan kemudahan melaksanakan urusan di dalam negara; satu isu yang telah lama didebatkan mengenai pendaftaran kontraktor di pelbagai agensi akan berakhir jika persetujuan dicapai daripada enam agensi berkaitan untuk menggunakan hanya satu Sistem Pendaftaran Kontraktor. Sistem ini akan membenarkan mana-mana syarikat kontrak untuk mendaftar hanya sekali dan lesen untuk menjalankan kerja-kerja kontrak akan diberikan sekiranya semua syarat yang dikenakan dipenuhi. Industri secara keseluruhan sudah bersedia untuk melaksanakan mekanisma ini sebaik sahaja ia siap. Penyediaan sistem ini perlu diberi keutamaan.

Di dalam industri pembinaan Malaysia, SCORE digunakan sebagai alat diagnostik untuk mengukur daya saing kontraktor, berdasarkan prestasi dan keupayaan mereka. Sasaran sebanyak 7 kontraktor yang mencapai 5 bintang penarafan SCORE dicapai pada tahun 2017. Usaha harus dipertingkatkan lagi untuk menarik lebih ramai kontraktor mendapatkan penarafan SCORE.

Kedudukan Malaysia dari segi urusan permohonan Permit Pembinaan telah meningkat dengan ketara dalam beberapa tahun ini. Pada tahun 2015, menurut World Bank, Malaysia berada pada kedudukan ke-28 daripada 189 negara yang dipantau. Ia meningkat kepada kedudukan ke-13 pada tahun 2016 dan kekal pada kedudukan tersebut pada tahun 2017. Industri ingin melihat lebih banyak peningkatan dalam proses mendapatkan kelulusan pembinaan dengan mengurangkan jumlah prosedur dan memendekkan tempoh untuk mendapatkan kelulusan permit. Oleh itu, penambahbaikan prosedur standard kelulusan permit untuk pembangunan berskala kecil bagi 5 Pihak Berkuasa Tempatan sedang dijalankan dan prosedur baru akan dimulakan sebaik sahaja ia selesai dibangunkan.

*In enhancing professionalism and at the same time improving the ease of doing business in the country; a long-standing issue of multiple sources of contractor registration will come to an end soon after consensus has been reached from 6 key stakeholders for a single Contractor Registration System. This system will allow any contracting company to register only once and licenses to carry out contracting works will be issued if all applicable conditions are met. The industry as a whole is ready to implement the mechanism once it is put in place. This move needs to be given priority.*

*In the construction industry, SCORE is used as a diagnostic tool to measure and enhance competitiveness of contractors, based on their performance and capabilities. The targeted 7 contractors facilitated to achieve the 5 star SCORE rating is met in 2017. Whereas, this is seen as a compelling move, a more useful effort would be to get as many contractors to go through the SCORE assessment and have their performance in the 7 key parameters assessed and improvement measures recommended.*

*Malaysia's ranking for dealing with Construction Permits have significantly improved over the years. In 2015, Malaysia was at number 28 out of 189 countries monitored by the World Bank. It improved to number 13 in 2016 and stayed in that position in 2017. The industry wants to see further improvement in the process of obtaining construction approval by cutting down the number of procedures and shortening the number of days taken for the permit to be approved. To this effect, enhancing the standard procedures on permit approval for small scale development for 5 Local Authorities is underway and the new procedures will be piloted once they are fully established.*



Kajian mengenai sistem dalam talian yang sedia ada untuk kelulusan permit pembinaan sedang dijalankan. Keputusan daripada kajian tersebut akan digunakan sebagai input untuk pembangunan OSC Online System yang dipertingkatkan iaitu OSC Version 3.0. Sistem dalam talian ini akan menjadi titik perubahan dalam mempercepat proses mendapatkan kelulusan permit pembinaan.

## Inisiatif Q4 - Menggalakkan dan meningkatkan kesedaran mengenai inisiatif CITP

Inisiatif Q4 mempunyai sejumlah 5 KPI yang mencapai 100% dengan kemajuan sebanyak 53.0%, memenuhi sasaran 53.0%. Kesemua 5 KPI adalah HIJAU (Way To Go).

Pencapaian utama untuk Inisiatif Q4 termasuk:

- Portal CITP yang dilancarkan pada tahun 2016 sentiasa dikemas kini, dengan keupayaan untuk menarik minima 40,000 pengguna unik setiap tahun.
- 47 acara bagi mempromosikan CITP dilaksanakan berbanding sasaran 30 acara.
- 18 usahasama strategik dimeterai dengan organisasi utama awam/swasta sejak tahun 2016.
- Nilai PR berjumlah RM48 juta dicapai berbanding sasaran RM20 juta.
- CITP telah mencapai 7.1 juta views dalam media sosial berbanding sasaran sebanyak 7 juta.

Portal CITP merupakan saluran utama untuk berkomunikasi mengenai kemajuan CITP kepada penggiat industri. Portal ini dikemas kini secara berterusan dengan memuatkan laporan terkini CITP serta maklumat lain yang berkaitan. Pada 2017, portal ini telah menarik seramai 43,514 pengguna unik.

CITP juga telah dipromosikan di 47 acara yang dianjurkan oleh CIDB dan industri, berbanding sasaran sebanyak 30 acara. Sasaran ini akan diteruskan sehingga tahun 2020. Walau bagaimanapun, menjelang tahun 2019, dijangkakan maklumat mengenai CITP akan menjadi sebatи dengan para penggiat industry. Oleh yang demikian, acara-acara berkaitan boleh digunakan untuk berkongsi kisah-kisah kejayaan CITP.

Langkah positif juga telah diambil untuk membentuk usahasama dengan organisasi strategik dari sector awam dan swasta untuk mencapai agenda CITP. Pada tahun 2017, 11 usahasama telah dimeterai dengan jumlah terkumpul sebanyak 18 usahasama daripada tahun 2016.

Nilai PR mengukur nilai ringgit untuk pendedahan media dari masa ke masa untuk jumlah artikel atas inisiatif berkaitan CITP yang muncul di media massa. Nilai yang lebih tinggi menunjukkan promosi yang lebih baik dan luas yang diberikan media. Sasaran sebanyak RM 20 juta nilai PR perlu dicapai setiap tahun sehingga tahun 2020. Prestasi CITP adalah sangat cemerlang pada tahun 2017 apabila Nilai PR yang direkodkan adalah RM48 juta, membuktikan sekali lagi keberkesanan promosi dan pasaran CITP.

*A study on the existing online system for approval of construction permits is underway. Result from the study will be used as input into the development of an enhanced OSC Online System, OSC Version 3.0. This online system will be transformational in expediting construction permit approvals.*

### Initiative Q4 - Promote and raise awareness of CITP initiatives

*Initiative Q4 has a total of 5 KPIs, achieving 100% with a progress of 53.0% against the target of 53.0%. All 5 KPIs were GREEN (Way To Go).*

*Key achievements of Initiative Q4 include:*

- CITP Portal launched in 2016 is continuously being updated, with capability to capture minimum of 40,000 unique users each year.
- 47 CITP promotional events conducted against the target of 30 events.
- 18 strategic partnerships sealed with key public/private organisation since 2016.
- PR Value of RM48Mn achieved against a target of RM20Mn.
- CITP achieved 7.1 million views in the social media against a target of 7 million.

*The CITP portal is the premier tool for communicating the progress of CITP to the stakeholders and interested parties. The portal is continuously being updated with the latest includes CITP Report and other relevant information. In 2017, it garnered 43,514 unique users, proving its usefulness as a means of getting access to the information and progress on CITP.*

*CITP was also promoted at 47 events against a target of 30, organised by CIDB and the industry. This target is to be continued until 2020. However, it is envisaged that by 2019, CITP would have been deeply ingrained in the minds of stakeholders and consumers alike. As such the events could then be used primarily as a means of sharing the success and experiences of the CITP implementation.*

*Positive steps have also been taken to form strategic partnerships with key private/public organisations to further the agenda of CITP. In 2017, 11 such partnerships were sealed making a cumulative total of 18 from the year 2016.*

*PR Value measures the ringgit value on media exposure over time on the number of articles on CITP related initiatives appearing in the mass media. A higher value indicates a better and wider promotion accorded by the media. A targeted RM20Mn PR Value needs to be achieved annually until 2020. CITP performed extremely well in 2017 when the PR Value recorded was RM48m, proving once again the effectiveness of the CITP promotion and marketing.*

Promosikan CITP melalui media sosial telah mencapai sasaran apabila berjaya meraih lebih daripada 7.1 juta penonton berbanding sasaran sebanyak 7 juta. Jumlah ini adalah hampir sama dengan jumlah yang diperoleh pada 2016 apabila 7.3 juta penonton telah direkodkan pada tahun tersebut. Hal ini menunjukkan betapa popular saluran media sosial dalam mempromosikan CITP.

## Inisiatif Q5 - Meningkatkan integriti dan tadbir urus

Inisiatif Q5 mempunyai 3 KPI yang mencapai 100% dengan kemajuan 10.0%, memenuhi sasaran sebanyak 10%. Ketiga-tiga KPI adalah HIJAU (Way To Go).

Pencapaian utama Inisiatif Q5 termasuk:

- Kajian terhadap pelaksanaan Gerbang Nilai yang terdahulu selesai bagi memacu 3 projek perintis.
- Kajian kemungkinan mengenai National Works Procurement System (WPS) untuk projek awam yang telah selesai
- ISO 37001 (Anti-bribery Management System) diterima pakai sebagai Standard Malaysia

Gerbang Nilai merupakan adaptasi daripada Office of Government Commerce's Gateway Review Study dari United Kingdom yang memberikan khidmat nasihat mengenai kemajuan serta peluang kejayaan pelaksanaan sesebuah projek. Bagi tahun 2017, 3 projek perintis telah dikenal pasti dengan tempoh pembinaan kurang daripada 2 tahun sedang menjalani penilaian Gerbang Nilai.

Pengenalan National Works Procurement System (WPS) dan penggunaan ISO 37001 (Anti-bribery Management System) di seluruh negara adalah percubaan transformasi oleh Kerajaan untuk melihat penambahbaikan yang signifikan dalam integriti dan tadbir urus dalam pembinaan di Malaysia.

Kajian WPS tersebut mengesyorkan supaya satu sistem perolehan di atas talian dibangunkan bagi mengurus pelaksanaan projek dari hujung ke hujung. Kajian tersebut masih disemak oleh agensi berkaitan sebelum keputusan diambil.

Sementara itu, ISO 37001 telah dikenal pasti sebagai Standard Malaysia dan telah dilancarkan pada bulan Oktober 2017. Langkah seterusnya adalah untuk mendapatkan sekurang-kurangnya sebuah badan Perakuan untuk ISO 37001 yang diiktiraf oleh Jabatan Standard Malaysia (DSM) sebelum Q3 2018 dan mendapatkan sejumlah 10 organisasi/PBT berkaitan pembinaan untuk mendapat perakuan ISO 37001/MS ISO 37001 sehingga tahun 2020.

*Promoting CITP through the social media has met the target when it garnered more than 7.1 million viewers against the target of 7 million. This figure was almost similar to the figure achieved in 2016 when 7.3 million viewers were recorded. This shows how popular social media channel is in promoting CITP. Promotion of CITP should not be limited to just the stakeholders who are directly impacted by CITP.*

## Initiative Q5 - Enhance Integrity and Increase Governance

*Initiative Q5 has a total of 3 KPIs, achieving 100% with a progress of 10.0% against the target of 10.0%. All 3 KPIs were GREEN (Way To Go).*

*Key achievements of Initiative Q5 include:*

- Study on the past implementation of Gerbang Nilai completed to steer the implementation of 3 pilot projects.
- Feasibility study on National Works Procurement System (WPS) for public projects completed
- ISO 37001 (Anti-bribery Management System) adopted as Malaysian Standard

*Gerbang Nilai is an adaptation of the United Kingdom's Office of Government Commerce's Gateway Review Study which provides advice on the progress and likely success of the delivery of projects. As of 2017, 3 pilot projects identified with a construction period of less than 2 years are currently undergoing Gerbang Nilai assessment.*

*The introduction of the National Works Procurement System (WPS) and eventual nationwide adoption of ISO 37001 (Anti-bribery Management System) are transformational attempts by the government to see marked improvement in integrity and increased governance in Malaysia construction.*

*The study on WPS completed in June 2017 recommended for an online procurement system that would effectively and efficiently manage end-to-end project delivery processes. The study is still being reviewed by the authorities before a firm decision is taken.*

*Meanwhile, the ISO 37001 has been recognised as a Malaysian Standard and was launched in October 2017. Future moves include getting at least 1 Certification body for ISO 37001 accredited by the Department of Standards Malaysia (DSM) by Q3 2018 and getting a total of 10 construction related organisation/PBT to be certified ISO 37001/MS ISO 37001 by 2020.*



## INFRASTRUKTUR MAMPAN DI MALAYSIA: MODEL BAGI NEGARA-NEGARA YANG SEDANG MEMBANGUN

*MALAYSIA'S SUSTAINABLE INFRASTRUCTURE: A MODEL FOR THE EMERGING WORLD*

### TERAS STRATEGIK 2 KEMAMPANAN ALAM SEKITAR

Pendorong utama agenda pembinaan mampan di Malaysia adalah pemupukan amalan mesra alam sekitar di dalam rantaian nilai pembinaan dan kepatuhan kepada alat penarafan kemampunan alam sekitar. Menggabungkan amalan mampan untuk setiap kitaran hayat projek merupakan kunci dalam mencapai matlamat kemampunan jangka panjang. Penggunaan alat penarafan pengurangan karbon dan kemampunan dan juga penyediaan insentif kewangan untuk menerapkan amalan mampan adalah perlu dalam menyokong agenda kemampunan alam sekitar yang meluas dan pengurangan karbon di dalam industri pembinaan.

### STRATEGIC THRUST 2 ENVIRONMENTAL SUSTAINABILITY

*Malaysia sustainable construction agenda is primarily driven by nurturing sustainable practices in the construction value chain and compliance to environmental sustainability rating tools. Incorporating sustainable practices at every project life-cycle is key in achieving long-term sustainability objectives. Similarly, adoption of carbon reduction and sustainable rating tools as well as the provision of financial incentives for applying sustainable practices are seen as sincere moves in supporting the global environmental sustainability and carbon reduction agendas.*

### Maklumat Utama Inisiatif Strategik 2 2017

*Highlights of Strategic Thrust 2 Initiatives in 2017*

|    |   |
|----|---|
| E1 | Memacu inovasi dalam pembinaan mampan.<br><i>Drive innovation in sustainable construction.</i>  |
| E2 | Memacu pematuhan kepada penarafan dan keperluan kemampunan alam sekitar.<br><i>Drive compliance to environmental sustainability ratings and requirements.</i> |
| E3 | Fokus kepada projek awam bagi mempelopori amalan mampan.<br><i>Focus on public projects to lead the charge on sustainable practices.</i>                      |
| E4 | Memudahcara penerapan amalan mampan dalam industri.<br><i>Facilitate industry adoption of sustainable practices.</i>  |
| E5 | Mengurangkan sisa-sisa tidak bertanggungjawab semasa pembinaan.<br><i>Reduce irresponsible waste during construction.</i>                                     |

### Ringkasan Pencapaian

*Summary of Achievements*

|   |  |
|---|--|
| Bilangan Inisiatif<br><i>Total Number of Initiatives</i>                      | 5  |
| Bilangan KPI Keseluruhan<br><i>Total Number of KPIs</i>                       | 13   |
| Bilangan KPI Ditugaskan kepada CIDB<br><i>Number of KPIs Assigned to CIDB</i> | 9  |
| Prestasi<br><i>Performance</i>  | <p>12 KPI mencapai lebih 90%.<br/>12 KPI achieved more than 90%</p> <p>1 KPI mencapai 60% - 90%<br/>1 KPI achieved 60% - 90%</p> |

Teras 2 mencapai 98.9% dengan kemajuan sebanyak 38.6% daripada sasaran 39.0%. Ia mempunyai 15 KPI, dimana 13 sedang berjalan dan 2 akan bermula pada 2018. Peratus kemajuan menunjukkan bahawa terdapat 12 KPI yang HIJAU (Way To Go) dan 1 KPI yang KUNING (Can Do Better). Status kemajuan KPI untuk teras ini ditunjukkan dalam Gambar Rajah di bawah.

*Thrust 2 achieved 98.9% with 38.6% progress against the target of 39.0%. It has 15 KPIs, out of which 13 are ongoing and 2 will commence in 2018. The percentage progress indicates that there were 12 KPIs that were GREEN (Way To Go) and 1 KPI was YELLOW (Can Do Better). There was no RED KPIs. The progress status of the KPIs under this thrust is given in the Figure below.*

### Kemajuan Mengikut KPI Sehingga Q4 2017

*Progress by KPI until Q4 2017*

Teras Strategik  
STRATEGIC THRUST 2

### Kemampunan Alam Sekitar Environmental Sustainability

12  
KPI

1  
KPI

0  
KPI

Way to Go!

Can Do Better!

Hurry Up!

JUMLAH KPI AKTIF  
TOTAL ACTIVE KPI

13

92%

8%

## Inisiatif E1 – Mendorong inovasi dalam pembinaan mampan

Inisiatif E1 mempunyai sejumlah 5 KPI dan mencapai 100% dengan kemajuan sebanyak 52.0%, memenuhi sasaran 52.0%. Daripada 5 KPI, 4 KPI adalah HIJAU (Way To Go) dan 1 KPI akan bermula pada 2018.

Pencapaian utama untuk Inisiatif E1 termasuk:

- 2 projek perintis dinilai menggunakan CEEQUAL.
- 16 Penilai CEEQUAL dilatih dan diiktiraf.
- 4 topik R&D berkaitan kemampunan di bawah MAMPAN dimulakan.
- Draf pertama untuk Malaysia Sustainability Infrastructure Rating Tool selesai.
- 5 projek perintis infrastruktur dikenal pasti untuk dinilai menggunakan Malaysia Sustainability Infrastructure Rating Tool.

CEEQUAL yang merupakan singkatan untuk Civil Engineering Environmental Quality Assessment & Award Scheme ialah sistem daripada United Kingdom yang digunakan sebagai sistem penilaian kualiti alam sekitar untuk infrastruktur dan lain-lain projek kejuruteraan awam. Dua projek perintis yang telah menggunakan CEEQUAL mendapati ia sesuai digunakan sebagai asas untuk membangunkan alat penarafan kemampunan persekitaran infrastruktur di Malaysia. Sementara itu, sebagai sebahagian daripada keperluan projek perintis, 16 penilai CEEQUAL telah dilatih dan diiktiraf oleh CEEQUAL.

Lima projek 5 projek R&D berkaitan kemampunan alam sekitar sedang dilaksanakan oleh MAMPAN, iaitu Pusat Kecemerlangan Pembinaan Mampan CIDB, dan projek-projek ini dijangka siap antara pertengahan 2018 hingga ke akhir 2019. Penyelidikan dan pembangunan memainkan peranan yang penting di dalam inovasi. Ini merupakan satu pelaburan di dalam teknologi dan keupayaan di masa hadapan, dan ia boleh mewujudkan produk-produk serta proses dan perkhidmatan yang baru.

Draf pertama untuk Malaysia Sustainability Infrastructure Rating Tool telah dibangunkan dan dimuktamadkan dengan menggunakan CEEQUAL sebagai asas. Daya maju produk tersebut akan diuji dengan teliti bermula awal 2018 dengan 5 projek infrastruktur perintis dikenal pasti. Untuk tahun 2018 dan seterusnya, modul latihan untuk Malaysia Sustainability Infrastructure Rating Tool akan dibangunkan pada tahun 2018 dan sejumlah 25 jurulatih akan dilatih dan diiktiraf sebelum tahun 2019. Selepas tahun 2020, Malaysia Sustainability Infrastructure Rating Tool dijangka akan digunakan secara progresif untuk menampung lebih banyak infrastruktur dan projek kejuruteraan awam. Pengalaman yang diperoleh dalam penggunaan alat ini adalah sesuatu yang bernilai dalam perluasan penggunaannya di bahagian-bahagian lain di dunia yang mempunyai iklim dan topografi yang sama.

## *Initiative E1 - Drive innovation in sustainable construction*

*Initiative E1 has a total of 5 KPIs and achieving 100% with a progress of 52.0% against the target of 52.0%. Out of the 5 KPIs, 4 KPIs were GREEN (Way To Go) and 1 KPI will commence in 2018.*

*Key achievements of Initiative E1 include:*

- 2 pilot projects assessed using CEEQUAL.
- 16 CEEQUAL Assessors trained and accredited.
- 4 R&D topics on sustainability under MAMPAN commenced.
- First draft of Malaysia Sustainability Infrastructure Rating Tool completed.
- 5 pilot infrastructure projects identified to be rated using Malaysia Sustainability Infrastructure Rating Tool.

*CEEQUAL which stands for Civil Engineering Environmental Quality Assessment & Award Scheme is a UK based system utilized as an environment quality assessment tool for infrastructure and other civil engineering projects. 2 projects were piloted using CEEQUAL and the outcome revealed the possibility of CEEQUAL to be used as a base for developing Malaysia's own environmental sustainability infrastructure rating tool. Meanwhile, as part of the pilot project requirement, 16 CEEQUAL assessors were trained and accredited by CEEQUAL.*

*MAMPAN, established in 2016 aims to be the reference centre for sustainable construction and development. It is currently undertaking 5 R&D projects which had been advised by the Research Advisory Council of CREAM. These projects have the completion dates ranging from mid-2018 to end of 2019. R&D plays a crucial role in the innovation process. It constitutes an investment in technology and future capabilities, which is then transformed into new products, processes, and services. Malaysia's applied R&D on environmental sustainability and sustainable construction are still lacking and a lot more resources will need to be earmarked for this kind of R&D.*

*Using CEEQUAL as a base, the first draft of Malaysia Sustainability Infrastructure Rating Tool has been developed and finalised. The product's viability will be thoroughly tested beginning early 2018 with 5 pilot infrastructure projects identified. Looking forward to 2018 and beyond, training modules for Malaysia Sustainability Infrastructure Rating Tool will be developed in 2018 and a total of 25 trainers will be trained and accredited by 2019. Beyond 2020, use of Malaysia Sustainability Infrastructure Rating Tool should be progressively brought to cover greater number of infrastructure and civil engineering projects. The experience gained in the application of this tool should be valuable in extending its use in the Region or other parts of the world with similar climate and topography.*

## Inisiatif E2 - Menerajui pematuhan kepada keperluan penarafan hijau

Inisiatif E2 mempunyai 5 KPI yang mencapai 97.04% dengan kemajuan sebanyak 26.02% daripada sasaran sebanyak 27.00%. Daripada 5 KPI tersebut, 3 KPI adalah HIJAU (Way to Go), 1 KPI adalah KUNING (Can Do Better) dan 1 KPI akan bermula pada 2018.

Pencapaian utama untuk Inisiatif E2 termasuk:

- Kajian mengenai Alat Penarafan Bangunan di Malaysia selesai.
- 4 program kesedaran mengenai ISO 14001: 2015 menyasarkan kontraktor G7 dilaksanakan.
- Kajian untuk menganalisa kesediaan kontraktor G7 untuk melaksanakan ISO 14001:2015 (Environmental Management System) selesai.
- 109 MyCREST Qualified Professional diiktiraf.
- 29 MyCREST Qualified Professional diiktiraf sebagai Penilai MyCREST pada tahun 2017 berbanding sasaran sebanyak 25 penilai.

Sebuah kajian mengenai Alat Penarafan Hijau Bangunan di Malaysia telah disiapkan. Sejumlah 6 alat penarafan kemampunan bangunan telah dianalisa, termasuk; MyCREST (CIDB), Green Pass (CIDB), Penarafan Hijau (pHJKR), Green Building Index (GBI), GreenRe (REHDA) dan IRDA-CASBEE (IRDA). Hasil kajian tersebut akan diterbitkan pada awal 2018 dan dijangka dapat membantu penggiat industri untuk memilih alat penarafan hijau untuk digunakan di dalam projek pembinaan.

Sebelum mewajibkan kontraktor G7 terpilih untuk mendapat perakuan ISO 14001:2015, 4 program kesedaran mengenai ISO tersebut telah dilaksanakan di seluruh negara. Namun, satu kajian mendapati bahawa kontraktor G7 dengan kadar pendapatan melebihi RM 200 juta tidak bersedia untuk mendapat perakuan ISO 14001. Oleh itu, satu pelan pelaksanaan akan direka untuk meningkatkan kesediaan kontraktor-kontraktor G7 ini. Satu kertas polisi mengenai mekanisme pelaksanaan mandatori ISO 14001 untuk kontraktor G7 akan dimuktamadkan setelah semakan semula sasaran tahunan disahkan. Setakat ini, terdapat 118 kontraktor G7 yang diperakui dengan ISO 14001:2015.

Peluasan penggunaan MyCREST (Malaysian Carbon Reduction and Environmental Sustainability Rating Tool), telah diperkuuhkan dengan 109 Qualified Professionals MyCREST yang telah diperakui oleh CIDB pada tahun 2017, menjadikan jumlah keseluruhannya sebanyak 164. Daripada 164 Qualified Professionals MyCREST tersebut, sejumlah 59 telah diperakui sebagai penilai MyCREST seterusnya memudahkan penilaian projek pembinaan bangunan yang menggunakan MyCREST.

## *Initiative E2 - Drive compliance to environmental sustainability ratings and requirement*

*Initiative E2 has a total of 5 KPIs and achieving 97.04% with a progress of 26.20% against the target of 27.00%. Out of the 5 KPIs, 3 KPIs were GREEN (Way To Go), 1 KPI was YELLOW (Can Do Better) and 1 KPI will commence in 2018.*

*Key achievements of Initiative E2 include:*

- Study on Building Rating Tools in Malaysia completed.
- 4 awareness programs on ISO 14001:2015 targeting G7 contractors conducted.
- Study to analyse readiness of G7 contractors to implement ISO 14001:2015 (Environmental Management System) completed.
- 109 MyCREST Qualified Professionals accredited.
- 29 MyCREST Qualified Professionals accredited as MyCREST Assessors in 2017 against the target of 25 assessors.

*A study on Building Rating Tools in Malaysia has recently been completed. A total of 6 currently available building sustainability rating tools were analysed and these include; MyCREST (CIDB), Green Pass (CIDB), Penarafan Hijau (pHJKR), Green Building Index (GBI), GreenRe (REHDA) and IRDA-CASBEE (IRDA). The outcome of the study will be published in early 2018. It will be useful in guiding the industry in selecting sustainability rating tool to be implemented in building projects.*

*Prior to making it mandatory for selected G7 contractors to be ISO14001:2015 certified, 4 awareness programmes on the ISO were held throughout the country. However, a study concluded that G7 contractors with turnover exceeding RM200m were not ready to be ISO 14001 certified. Hence an implementation plan will be devised to improve preparedness of these G7 contractors. A policy paper on the mechanism to implement mandatory ISO14001 for G7 will be finalised once the revised annual targets are endorsed. Currently there are 118 G7 contractors who are certified with ISO14001:2015.*

*MyCREST stands for Malaysia Carbon Reduction and Environmental Sustainability Rating Tool. Broadening the adoption of MyCREST received a boost when another 109 MyCREST Qualified Professionals were accredited by CIDB in 2017 bringing the total to 164. Out of these 164 MyCREST Qualified Professionals, a total of 59 were accredited as MyCREST assessors further facilitating the assessment of building construction projects using MyCREST.*

## Inisiatif E3 - Memberi fokus kepada projek awam bagi menerajui amalan mampan

Inisiatif E3 mempunyai sebanyak 2 KPI dan telah mencapai 100% dengan kemajuan sebanyak 40%, memenuhi sasaran sebanyak 40%. Kedua-dua KPI adalah HIJAU (Way To Go).

Pencapaian utama untuk Inisiatif E3 termasuk:

- Spesifikasi kemampunan yang diuji oleh JKR untuk 3 projek perintis.
- KPI baharu untuk pengurangan pelepasan karbon diwujudkan.

Amalan mampan di dalam projek awam akan diterajui oleh Jabatan Kerja Raya (JKR). Antara pencapaian ini ialah spesifikasi mampan yang dibangunkan oleh JKR telah dimasukkan dalam dokumen kontrak untuk 3 projek perintis. Projek-projek perintis ini telah menggunakan kedua-dua MyCREST dan pHJKR sebagai spesifikasi mampan. Selain MyCREST, Green Product Scoring System (GPSS) akan digunakan untuk mengukur peratus produk hijau yang digunakan dalam projek ini dan kos-kosnya. Keputusan untuk projek perintis ini akan digunakan untuk membangunkan Garis Panduan Perolehan Hijau Kerajaan (GGP) untuk kontrak kerja. Pada tahun 2020, kerajaan dijangka akan menjadikan spesifikasi mampan ini mandatory untuk projek awam melalui penggunaan garis panduan GGP.

Satu KPI baharu untuk pengurangan pelepasan karbon telah dicadangkan kerana sasaran yang diletakkan dahulu didapati didapati tidak selaras dengan sasaran nasional. KPI baharu ini menyasarkan pengurangan pengeluaran karbon dioksida sebanyak 6% berdasarkan garis asas untuk setiap bangunan. KPI ini meletakkan ‘6% pengurangan pelepasan CO<sub>2</sub> di bangunan kerajaan baharu yang melebihi RM 50 juta sebelum 2020’. MyCREST akan digunakan untuk menilai pengurangannya.

## Inisiatif E4 – Memudahcara industri dalam amalan mampan

Inisiatif E4 hanya mempunyai 1 KPI dan mencapai 95% dengan kemajuan 38.0% daripada sasaran sebanyak 40.0%. KPI ini adalah HIJAU (Way To Go).

Pencapaian utama Inisiatif E4 termasuk:

- Satu kajian mengenai potensi Insentif Hijau selesai dan 10 insentif tambahan dicadangkan.
- 7 syarikat mendapat manfaat daripada Insentif Hijau.
- 12 aktiviti promosi untuk Insentif Hijau dilaksanakan.

Di dalam sektor swasta, insentif kewangan sering menjadi penggerak utama dalam memacu penggunaan sebarang piawaian, garis panduan, polisi dan peraturan. Dengan 2 insentif Cukai Hijau yang sedia ada, sebuah kajian mengenai potensi penambahan sebanyak 10 insentif hijau telah disiapkan dan diserahkan kepada KeTTHA (kini MESTECC) untuk penilaian. Insentif cukai dipercayai dapat memberikan tarikan yang diperlukan untuk menarik sektor swasta untuk menggunakan amalan mampan.

## Initiative E3 - Focus on public projects to lead the charge on sustainable practices

*Initiative E3 has a total of 2 KPIs and achieving 100% with a progress of 40% against the target of 40%. Both KPIs were GREEN (Way To Go).*

*Key achievements of Initiative E3 include:*

- Sustainable specification piloted by JKR for 3 projects.
- A new KPI on carbon emission reduction established.

*The charge on sustainable practices will be led by the public projects helmed by JKR. Sustainable specification developed by JKR has been included in the contract document of 3 pilot projects. The 3 projects had used both MyCREST and pHJKR as sustainable specification. At the same time, the Green Product Scoring System (GPSS) will be applied to measure the percentage of green products utilised in these projects and their respective costs. The results of the pilot projects will be used to develop the Guidelines on Government Green Procurement (GGP) for works contract. The final outcome, expected in 2020 is the mandate by the government on the adoption of sustainable specification for public projects through the adoption of GGP guidelines.*

*A new KPI for carbon emission reduction has been proposed. This was made necessary when the 2016 baseline was found to be not in line with the national target. The new KPI calls for a 6% reduction based on the baseline of the individual buildings. The new KPI now reads ‘6% CO<sub>2</sub> emission reduction in new public buildings exceeding RM50m by 2020’. MyCREST will be used to assess the reduction.*

## Initiative E4 - Facilitate industry adoption of sustainable practices

*Initiative E4 has only 1 KPI and achieving 95% with a progress of 38.0% against the target of 40.0%. This KPI is GREEN (Way To Go).*

*Key achievements of Initiative E4 include:*

- A study on the potential of Green Incentives completed and 10 additional incentives recommended.
- 7 companies benefitted from the Green Incentives.
- 12 promotional activities on Green Incentives conducted.

*In the private sector, monetary incentives have always been the prime mover for the adoption of any standard, guidelines, policy and regulation. With the currently available 2 Green Tax incentives, a study on 10 potential additional green incentives was completed and submitted to KeTTHA (now known as MESTECC) for evaluation. These are mainly on tax incentives and tax reductions. These additional incentives are believed to be able to provide the needed pull for the private sector to adopt sustainable practices.*

Sementara itu, pada tahun 2017, tujuh syarikat berbanding sasaran sebanyak dua syarikat telah mendapat manfaat daripada insentif cukai sedia ada. Untuk menggalakkan insentif hijau kepada penerima berpotensi yang lebih luas, sejumlah 12 aktiviti promosi terdiri daripada sesi klinik perniagaan dan seminar yang dihadiri oleh 245 syarikat telah dilaksanakan dengan jayanya.

## Inisiatif E5 - Mengurangkan pembuangan sisa pembinaan secara tidak bertanggungjawab

Inisiatif E5 mempunyai sejumlah 2 KPI dan mencapai 100% dengan kemajuan 35%, memenuhi sasaran sebanyak 35%. Kedua-dua KPI adalah HIJAU (Way To Go).

Pencapaian utama untuk Inisiatif E5 termasuk:

- Pewujudan KPI baharu untuk pengurangan sisa binaan.
- Pewujudan KPI baharu untuk mengitar semula sisa pembinaan dan perobohan.
- Sistem untuk mengumpul data sisa Construction & Demolition (C&D) melalui dalam talian telah selesai 80%.

Dalam satu percubaan untuk mengurangkan sisa pembinaan yang tidak bertanggungjawab semasa pembinaan, Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara (JPSPN) memberi penekanan yang lebih besar untuk penguatkuasaan peraturan pengurusan sisa pembinaan berbanding dengan penyediaan kemudahan mengitar semula. Hal ini menangani isu tersebut dan KPI baharu akan dinyatakan sebagai ‘7 negeri menubuhkan peraturan-peraturan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam (skim bagi sisa pepejal pembinaan) 2018 dan peraturan-peraturan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam (lesen bagi sisa pepejal pembinaan) 2018’. Dengan KPI yang baharu ini, sasaran tahunan daripada 2018 hingga 2020 akan dikaji semula. KPI ini dijangka akan disahkan pada awal 2018.

Sementara itu, berikutnya usaha pengumpulan data oleh SWCorp, ‘terdapat peningkatan sebanyak 20% di dalam sisa C&D (tonnage) yang dikitar semula daripada garis dasar 2016 sebelum Q4 2020’ telah diubah kepada “20% peningkatan tahunan dalam jumlah sisa pembinaan yang dikitar semula.” Data yang dikumpul oleh SWCorp ini akan digunakan sebagai garis dasar untuk sisa C&D (tonnage) yang dikitar semula. KPI yang baru ini akan disahkan pada awal 2018. Berdasarkan KPI baru ini, sasaran 2018 hingga ke 2020 akan dikaji semula. Pembangunan untuk sistem atas talian untuk mengumpul data sisa C&D telah 80% selesai.

*Meanwhile, as of 2017, 7 companies (from a target of just 2 companies) have benefited from the existing tax incentives. To promote the green incentives to the wider potential recipients, a total of 12 promotional activities comprising of business clinic sessions and seminars attended by 245 companies were successfully held.*

## Initiative E5 - Reduce irresponsible wastes during construction

*Initiative E5 has a total of 2 KPIs and achieving 100% with a progress of 35% against the target of 35%. Both KPIs were GREEN (Way To Go).*

*Key achievements of Initiative E5 include:*

- Establishment of a new KPI for the reduction of construction wastes.
- Establishment of a new KPI for recycling of construction and demolition wastes.
- System to collect Construction & Demolition (C&D) waste data via online 80% completed.

*In an attempt to reduce irresponsible waste during construction, Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara (JPSPN) is giving greater emphasis on the enforcement of regulation for construction waste management instead of providing recycling facilities. This tackles the issue at source and the new KPI will read ‘7 states establish peraturan-peraturan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam (skim bagi sisa pepejal pembinaan) 2018 dan peraturan-peraturan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam (lesen bagi sisa pepejal pembinaan) 2018’. With this new KPI, annual targets from 2018 to 2020 will be revised. This new KPI is expected to be endorsed in early 2018*

*Meanwhile, following a data collection effort by SWCorp, a ‘20% increase in C&D waste (tonnage) recycled from 2016 baseline by Q4 2020’ has been revised to ‘20% annual increment in C&D waste (tonnage) recycled’. The data collected by SWCorp will be used as 2017 baseline for C&D waste (tonnage) recycled. This new KPI will similarly be endorsed in early 2018. Based on the new KPI, targets for 2018 through to 2020 will be revised. The development of an online system to collect the C&D waste data is 80% completed.*



## LEBIH DARIPADA DUA KALI GANDA PRODUKTIVITI, DIPADANKAN DENGAN GAJI YANG LEBIH TINGGI

*MORE THAN DOUBLING PRODUCTIVITY, MATCHED BY HIGHER WAGES*

### TERAS STRATEGIK 3 PRODUKTIVITI

Produktiviti secara umumnya ditakrifkan sebagai ukuran kadar di mana kerja dilakukan. Dalam pembinaan, produktiviti masih mempunyai banyak ruang untuk penambahbaikan dan jika dicapai dengan berkesan, ia boleh meningkatkan keuntungan penggiat industri. Perubahan sedang dijalankan dan banyak pendekatan yang telah dikenal pasti dan perlu dilaksanakan pada skala yang lebih tinggi untuk mentransformasi industri.

### STRATEGIC THRUST 3 PRODUCTIVITY

*Productivity is generally defined as the measure of the rate at which work is performed. In construction, productivity still has room for much improvement and if effectively achieved, it can boost stakeholders' bottom line. Change is under way and the many approaches that have been earmarked to be adopted need to be executed at a higher scale to transform the industry.*

### Maklumat Utama Inisiatif Strategik 3 2017

*Highlights of Strategic Thrust 3 Initiatives in 2017*

|    |   |
|----|---|
| P1 | Meneruskan pelaburan dalam pembangunan modal insan pembinaan.<br><i>Continue investment in human capital development in construction.</i> |
| P2 | Mempertingkat kawalan dan keseimbangan bekalan tenaga kerja.<br><i>Enhance control and balance of workforce supply.</i>                   |
| P3 | Memesatkan amalan IBS, penggunaan jentera dan amalan moden.<br><i>Accelerate adoption of IBS, mechanisation and modern practices</i>      |
| P4 | Memperluas kelebihan teknologi di seluruh kitaran hayat projek.<br><i>Roll out technology advantage across project life-cycle.</i>        |
| P5 | Mempertingkat ketersediaan maklumat strategik melalui NCIIIC.<br><i>Enhance availability of strategic information via NCIIIC.</i>         |
| P6 | Memajukan pembinaan kapasiti dan keupayaan PKS Bumiputera.<br><i>Advance SME Bumiputra capacity and capability-building.</i>              |

### Ringkasan Pencapaian Summary of Achievements

|   |    |
|---|----|
| Bilangan Inisiatif<br><i>Total Number of Initiatives</i>                      | 6  |
| Bilangan KPI Keseluruhan<br><i>Total Number of KPIs</i>                       | 45 |
| Bilangan KPI Ditugaskan kepada CIDB<br><i>Number of KPIs Assigned to CIDB</i> | 44 |
| Prestasi<br><i>Performance</i>  |    |
| 43 KPI mencapai lebih 90%.<br><i>43 KPI achieved more than 90%</i>            |    |
| 2 KPI mencapai 60% - 90%<br><i>2 KPI achieved 60% - 90%</i>                   |    |

Di bawah Teras Strategik 3, terdapat 47 KPI yang mana 45 sedang dijalankan dan 2 KPI pula bermula pada tahun 2018. Kadar pencapaian adalah sebanyak 99% dengan kadar kemajuan 50.3% berbanding sasaran sebanyak 50.8%. Kadar kemajuan tersebut menunjukkan bahawa terdapat 43 KPI yang mencapai HIJAU (Way To Go) dan 2 KPI yang mencapai KUNING (Can Do Better). Tiada KPI MERAH. Status pencapaian KPI di bawah teras ini ditunjukkan dalam Gambar Rajah di bawah.

*Under Thrust 3, there are 47 KPIs of which 45 are ongoing and 2 KPIs commencing in 2018, achieving 99% with a progress of 50.3% against a target of 50.8%. The percentage progress indicates that there were 43 KPIs that were GREEN (Way To Go) and 2 KPI that were YELLOW (Can Do Better). There were no RED KPIs. The progress status of the KPIs under this thrust is given in the Figure below.*

### Kemajuan Mengikut KPI Sehingga Q4 2017 Progress by KPI until Q4 2017

Teras Strategik  
*STRATEGIC THRUST* 3

Produktiviti  
*Productivity*

43  
KPI

2  
KPI

0  
KPI

Way to Go!

Can Do Better!


Hurry Up!

JUMLAH KPI AKTIF  
*TOTAL ACTIVE KPI*

45

96%

4%



## Inisiatif P1 – Meneruskan Pelaburan Dalam Pembangunan Modal Insan Pembinaaan

Inisiatif P1 mempunyai sebanyak 8 KPI dengan kadar pencapaian 100% dan kadar kemajuan sebanyak 48.1%, memenuhi sasaran sebanyak 48.1%. Kesemua 8 KPI adalah HIJAU (Way To Go).

Pencapaian utama Inisiatif P1 merangkumi:

- Mekanisme untuk menyelaraskan piawaian kecekapan industri pembinaan dan skim pensijilan yang dipersetujui.
- Pelan latihan untuk 10 tred kemahiran utama disahkan.
- 1466 perantis pembinaan dilahirkan pada 2016 dan 2017.
- 9064 penyelia tapak dan pengurus dilatih pada 2016 dan 2017 berbanding sasaran sebanyak 6,000.
- Sehingga 2017, sebanyak 87,460 kakitangan menamatkan Program Pembangunan Profesional Berterusan (CPD) berbanding sasaran sebanyak 40,000.
- 58,644 kakitangan binaan dilatih dan diperakui dalam kemahiran-kemahiran berkaitan pembinaan yang telah diluluskan berbanding sasaran sebanyak 40,000 kakitangan dalam tempoh 2 tahun.
- Sebanyak 30 Pusat Penilaian Kemahiran diiktiraf pada tahun 2017.
- 116 dokumen mengenai Standard Kompetensi, Modul Latihan dan Soalan Penilaian dibangunkan/disemak.
- 92 Jurulatih dan Penilai menjalani Program Melatih Jurulatih/Penilai.

Ters kepada usaha mempertingkatkan produktiviti adalah program pembangunan kompetensi yang dirancang dan disediakan untuk kakitangan binaan. Seorang kakitangan terlatih bukan hanya sekadar bertanggungjawab meningkatkan produktiviti, mereka juga perlu menyumbang ke arah kualiti dan keselamatan yang lebih baik.

Latihan yang ditawarkan termasuklah Latihan dan Pendidikan Teknikal dan Vokasional (TVET), yang sering dianggap sebagai salah satu sistem yang paling berkesan untuk menyampaikan kemahiran praktikal sepanjang hayat, sikap, pengetahuan dan kefahaman berkaitan dengan pekerjaan dalam sektor masing-masing. Semenjak penubuhannya, CIDB telah diberi mandat untuk membawa perubahan dalam industri dengan meningkatkan kemahiran personnel binaan Malaysia.

Sebagai langkah pertama yang diambil untuk merombak seluruh aspek latihan industri pembinaan, sebuah kajian telah dijalankan mengenai program latihan kemahiran oleh semua pusat-pusat latihan bertauliah di seluruh Negara. Untuk tujuan ini, sebuah Forum Kecekapan Pembinaan (CICF) yang di anggotai semua Penyedia Latihan dan Pendidikan Teknikal dan Vokasional (TVET) telah ditubuhkan. Sebanyak 158 program TVET berkaitan pembinaan di bawah 4 kelompok utama daripada 12 penyedia latihan terbesar telah dikenal pasti. Program-program latihan dan penyedia latihan yang telah dikenal pasti akan menggunakan rangka kerja dan pendekatan yang sama dalam latihan dan penilaian untuk membolehkan sistem pensijilan tunggal dan memastikan keseragaman kursus latihan. Pendaftaran untuk semua program dan latihan berkaitan pembinaan akan didaftarkan oleh CIDB pada tahun 2018.

### **Initiative P1 - Continue investment in human capital development in construction**

*Initiative P1 has a total of 8 KPIs achieving 100% with a progress of 48.1% against the target of 48.1%. All 8 KPIs were Green (Way To Go).*

*Key achievements of Initiative P1 include:*

- *Mechanism to streamline construction industry competency standards and certification schemes agreed upon.*
- *Training map for the 10 top skilled trades validated.*
- *1466 on-the-job apprentices produced in 2016 and 2017 9064 site supervisors and managers trained in 2016 and 2017 against the combined target of 6,000. Up to 2017, a total of 87,460 personnel completed the Continuous Professional Development (CPD) Program against a target of 40,000.*
- *58,644 construction personnel trained and certified in approved construction related skill against a 2-year target of 40,000 personnel.*
- *Another 30 Skill Assessment Centres accredited in 2017.*
- *116 documents on Competency Standards, Training Modules and Assessment Questions developed/reviewed.*
- *92 Trainers and Assessors underwent Train the Trainer/Assessor Programs.*

*At the core of productivity drive is the focussed competency development programmes developed and provided for the construction personnel. A well-trained personnel does more than just improving productivity, they should also contribute towards better quality and safety. The training offered include the Technical and Vocational Education and Training (TVET), often regarded as one of the most effective system to impart life-long practical skills, attitude, knowledge and understanding related to the occupation in the respective sectors. Since its inception, CIDB has been given the mandate to bring about change in the industry by elevating the skill sets of Malaysian construction personnel.*

*As a first task undertaken to revamp the whole aspect of construction industry training, a study on the existing construction related training programs and training providers have been undertaken. This was achieved through the setting up of the Construction Industry Competency Forum (CICF), where membership was drawn from Technical & Vocational Education & Training (TVET) training providers from both the government and private agencies. A total of 158 construction related TVET programs under 4 main clusters and 12 major training providers were identified. The training programs and training providers identified are expected to use the same framework and approach in training and assessment to enable single certification and standardisation of training courses. Registration of all construction related trainings and programs will be registered by CIDB in 2018.*

Sementara itu, Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan (NOSS) akan diguna pakai sebagai standard kecekapan dan perbincangan masih diadakan bagi penyelarasan skim pensijilan.

Satu lagi usaha utama untuk memperkemas latihan pembinaan ialah pembangunan Pelan Pembangunan Kecekapan Industri Pembinaan (CICB). Pelan ini akan digunakan sebagai pelan jangka panjang bagi meningkatkan standard kecekapan sedia ada serta pembangunan standard baru.

CITP juga telah menetapkan 10 tred kemahiran berkaitan pembinaan berimpak tinggi di mana pelan latihan bagi setiap tred telah disahkan. Pelan-pelan latihan akan diterbitkan pada awal 2018.

Program perantisan masih lagi laluan terbaik untuk kerjaya yang berjaya dalam pembinaan. Sejumlah 5,000 perantis telah dirancang sehingga tahun 2020. Tujuannya adalah untuk melahirkan pekerja berkemahiran tinggi dalam 3 kategori iaitu, Pekerja Binaan Berkemahiran, Penyelia Tapak Pembinaan dan Pengurus Tapak Binaan. Sejak tahun 2016, 1,466 perantis yang telah diletakkan dalam organisasi dan syarikat-syarikat pelbagai pihak berkepentingan dalam pembinaan telah dilahirkan. Jumlah perantis bagi tahun 2016 adalah 604 dan manakala jumlah bagi tahun 2017 adalah 842 berbanding sasaran sebanyak 700. Memandangkan perantisan sering dikaitkan dengan latihan amali yang berfokus dan tepat, hasilnya jarang mengecewakan. Skim ini disyorkan untuk diperkembangkan dengan komitmen tambahan daripada kerajaan dan juga sektor swasta.

Kakitangan penyeliaan dan pengurusan terlatih memainkan peranan penting dalam memastikan kejayaan projek. Keperluan baru dari segi teknologi moden, penilaian kemampanan, dasar dan peraturan baru akan meningkatkan permintaan untuk kakitangan penyeliaan dan pengurusan didekah dengan daripada baru secara sistematis. Jumlah kakitangan yang dilatih setakat ini adalah 9,064 melebihi sasaran terkumpul 6,000 untuk tahun 2016 dan 2017. Sasaran tahunan purata 3,000 kakitangan dianggap mencukupi sehingga 2020. Walau bagaimanapun, jumlah sebenar kakitangan terlatih haruslah sepadan dengan serta tuntutan semasa serta masa depan.

Pembangunan Profesional Berterusan (CPD) adalah salah satu cara terbaik untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran kakitangan binaan teknik, pengurusan dan kewangan. Setakat ini 87,460 kakitangan telah menamatkan program ini berbanding sasaran sebanyak 40,000. Disebabkan CPD memastikan kakitangan sentiasa dilengkapkan dengan keperluan kemahiran semasa, bilangan pelajar di CPD perlu diberi keutamaan tertinggi. Sasaran semasa 20,000 kakitangan yang akan dilatih setiap tahun sehingga tahun 2020 mungkin perlu dikaji semula.

*Meanwhile, the National Occupational Skill Standard (NOSS) will be adopted as the competency standard and discussion is still being held to streamline the certification scheme.*

*Another major effort in streamlining construction training is the development of Construction Industry Competency Blueprint (CICB). The Blueprint will be used as a roadmap for the enhancement of the existing competency standards and the development of new standards.*

*CITP has also established the top 10 high impact construction related skill trades where training maps for each of the 10 skill trades have been validated. The training maps will be published in early 2018.*

*Apprenticeship still proves the best route to a successful career in construction. A figure of 5000 apprentices has been planned until 2020. The aim is to produce high skill workers in 3 categories namely, Construction Skilled Worker, Construction Site Supervisor and Construction Site Manager. Since 2016, 1466 apprentices who have been placed in various construction stakeholders' organization and companies have been produced. The apprenticeship figure for 2016 was 604 and 2017 was 842 against the target of 700. Since apprenticeship is associated with extremely focused and true hands-on training, the results are often meritorious. It is recommended that this scheme be expanded with additional commitment from the government as well as the private sectors.*

*Adequately trained supervisory and management personnel play key roles in ensuring the success of a project. New requirement in terms of modern technology, sustainability assessment, new policy and regulation will put increasing demand on the supervisory and management personnel to be systematically exposed to the new challenges. Total number trained so far is 9064 against a cumulative target of 6000 in 2016 and 2017. A flat annual target of 3000 personnel until 2020 is deemed adequate. However, actual numbers trained should match current as well as future demands.*

*Continuous Professional Development (CPD) is one of the best ways to enhance knowledge and skill of construction personnel in technical, management and finance. To date 87,460 personnel have completed this program from a target of 40,000. Since CPD ensures that personnel are continuously updated on the current skill requirement, enrollment in CPD should be given the highest priority. Current target of 20,000 personnel to be trained every year until 2020 may need to be reviewed.*

Bagi mengukuhkan lagi jangkauan dan komprehensif latihan pembinaan, 20,000 kakitangan perlu dilatih dan diiktiraf setiap tahun dalam bidang berkaitan pembinaan yang diluluskan. Sehingga kini lebih daripada 58,640 daripada sasaran 40,000 kakitangan telah dilatih di pelbagai Akademi Binaan Malaysia (ABM) dan Pusat Latihan Bertauliah (PLB) diiktiraf oleh CIDB.

Dalam memastikan kualiti dalam kalangan pekerja asing, sejumlah 30 pusat penilaian di negara-negara sumber utama pekerja asing telah dinilai dan diiktiraf iaitu sebanyak 28 pusat pada 2016 dan 2 pada tahun 2017, berbanding jumlah sasaran CITP hanya 2 pusat. Bangladesh terus mempunyai bilangan terbesar pusat penilaian yang diperakui iaitu 10 pusat.

Sebahagian daripada keperluan dalam penyelarasan program latihan dan penyedia latihan adalah pembangunan Standard Kompetensi, Modul Latihan dan Soalan Penilaian berkaitan. Pada tahun 2017, CIDB telah melaksanakan tugas ini dan 17 piawaian, 18 modul latihan dan 81 soalan penilaian telah siap/dikaji semula. Sasaran dokumen yang perlu dibangunkan atau dikaji semula adalah 50 setiap tahun dari tahun 2017 sehingga 2020. 92 Pelatih dan Penilai juga telah menjalani program Melatih Pelatih/Penilai untuk memastikan mereka cekap dengan teknologi dan pengetahuan terkini.

## Inisiatif P2 - Mempertingkat kawalan dan keseimbangan bekalan tenaga kerja.

Inisiatif P2 mempunyai sebanyak 4 KPI dan telah mencapai 100% dengan kemajuan sebanyak 55%, memenuhi sasaran sebanyak 55%. Daripada 4 KPI, 2 KPI HIJAU (Way To Go) dan 2 KPI bermula pada 2018.

Pencapaian utama Inisiatif P2 ialah:

- Kajian tenaga manusia dimuktamadkan dan diterbitkan.
- *Construction Personnel Modelling System (CoPMos)* dibangunkan.
- 100% daripada 89,256 permohonan oleh pekerja mahir dan kakitangan penyeliaan diiktiraf dan didaftarkan.

Seperti mana-mana sumber lain, bekalan tenaga kerja dalam pembinaan perlu memenuhi keperluan pasaran. Masalah timbul apabila permintaan pembinaan berubah-ubah bergantung kepada prestasi ekonomi sektor lain pada kadar melampau. Walau bagaimanapun, kajian berkenaan tenaga kerja telah berjaya disiapkan dan *Construction Personnel Modelling System (CoPMos)* telah diwujudkan untuk mengatasi masalah ini. *Human Capital Management Model (HCMM)* yang mampu mengenal pasti jurang dalam kakitangan binaan yang perlu diisi oleh warga asing juga telah dibangunkan dan diuji. Berdasarkan kedua-dua sistem model di atas, sebuah Pelan Induk Tenaga Manusia akan diterbitkan secara tahunan sebagai panduan untuk kerajaan dan industri dalam pembangunan perancangan tenaga manusia. Apabila semua sistem telah berjalan, analisis, laporan, status tenaga kerja dan unjuran tenaga kerja akan diterbitkan setiap tahun. Seperti mana-mana sistem pemodelan yang lain, kebergunaan sistem hanya boleh diperoleh daripada penggunaan yang berulang dan penambahbaikan kepada model secara berterusan.

*To further strengthen the reach and comprehensiveness of construction training, 20,000 personnel need to be trained and accredited every year in approved construction related fields. To date more than 58,640 personnel out of a target of 40,000 have been trained at various Akademi Binaan Malaysia (ABM) and Pusat Latihan Bertauliah (PLB) accredited by CIDB.*

*In ensuring a measure of quality among foreign workers, a total of 30 assessment centres in major foreign worker source countries have been assessed and accredited, 28 in 2016 and 2 in 2017, against a total CITP target of just 2 centres. Bangladesh continues to have the largest number of certified assessment centres with 10.*

*Part of requirement for streamlining training programs and training providers is the development of relevant Competency Standards, Training Modules and Assessment Questions. In 2017, CIDB undertook this task and 17 standards, 18 training modules and 81 assessment questions were completed/reviewed. Targets of documents to be developed or reviewed are 50 every year from 2017 until 2020. 92 Trainers and Assessors had also undergone Train the Trainer/ Assessor Programs to ensure they are competent with the latest technology and knowledge.*

### Initiative P2 - Enhance control and balance of workforce supply

*Initiative P2 has a total of 4 KPIs achieving 100% with a progress of 55% against the target of 55%. Out of the 4 KPIs, 2 KPI were GREEN (Way To Go) and 2 KPIs commencing in 2018.*

*Key achievements of Initiative P2 are:*

- Manpower study finalised and published.
- Construction Personnel Modelling System (*CoPMos*) developed.
- 100% of 89,256 applications by assessed skilled workers and supervisory personnel accredited and registered.

*Like any other resources, the supply for construction workforce must be met by the demands. Difficulties arise when construction demands fluctuate at extreme rates depending on the economic performance of the other sectors. Nevertheless, a Manpower Study has been completed and a Construction Personnel Modelling System (*CoPMos*) was developed. A Human Capital Management Model (*HCMM*) capable of identifying gaps in construction personnel to be filled by foreigners has also been developed and tested. Based on all the above modelling systems, an annual Manpower Master Plan will be produced to guide the government and industry in planning manpower development. Once all systems are in place, analysis, reports, manpower status and manpower projection will be published annually. Like any modelling system, the usefulness of the systems can only be gained from repeated use and improvement made to the models.*

Jadual 3 yang dipinda di bawah Akta 520 CIDB memerlukan akreditasi mandatori 25 tred pekerja mahir dan kakitangan penyeliaan. Jadual ini telah diwartakan pada Februari 2017. Sebahagian daripada keperluan bagi penyeimbangan bekalan tenaga kerja pembinaan adalah pendaftaran dan akreditasi kakitangan binaan yang dinilai. Sehingga tahun 2017, sejumlah 89,256 permohonan telah diterima daripada kakitangan bagi akreditasi dan pendaftaran yang mana semuanya telah diiktiraf dan didaftarkan.

Mekanisme untuk meningkatkan jenis-jenis kemahiran di dalam pengambilan pekerja asing akan dibangunkan berdasarkan kajian Tenaga Manusia dan dasar-dasar yang berkaitan oleh pihak berkuasa. Dasar baharu mengenai tiered-visa sedang dalam pertimbangan dan mungkin akan diluluskan pada akhir 2018. Satu lagi dasar baharu yang sedang dipertimbangkan ialah nisbah pekerja asing mahir dan tidak mahir yang akan digubal oleh Kementerian Dalam Negeri. Dasar baharu tersebut menuntut untuk meningkatkan ratio pekerja mahir berbanding pekerja-pekerja tidak mahir daripada 5:95 ke 15:85 menjelang tahun 2020. Kedua-dua dasar merupakan percubaan kerajaan untuk mengurangkan pekerja asing secara sistematis meningkatkan bilangan pekerja asing mahir dalam negara ini. Untuk sebuah industri yang bermatlamat untuk melonjakkan produktiviti, kualiti, keselamatan dan profesionalisme, langkah-langkah tersebut adalah dialu-alukan.

*The amended Schedule 3 under CIDB Act 520 require mandatory accreditation of 25 trades of skilled workers and supervisory personnel. This Schedule was gazetted on February 2017. Part of the requirement for balancing the supply of construction workforce is the registration and accreditation of assessed construction personnel. As of 2017, a total of 89,256 applications were received from personnel for accreditation and registration of which all were accredited and registered.*

*The mechanism to raise the skill mix for intake of foreign workers will be developed based on the Manpower study and relevant policies by the authorities. A new policy on tiered-visa is under consideration and is likely to be approved in late 2018. Another new policy being considered is the ratio of skilled to unskilled foreign labour to be established by the Ministry of Internal Affairs. This new policy calls for increasing the ratio of skilled workers vis a vis the unskilled workers from 5:95 to 15:85 by 2020. Both policies are attempts by the government for systematic reduction of foreign workers and increasing the number of skilled foreign workers in the country. For an industry aiming for a quantum leap in productivity, quality, safety and professionalism, the above moves are welcomed.*



Untuk mendapatkan bilangan pekerja asing yang diperlukan adalah mudah, berlainan dengan pekerja tempatan. Walau bagaimanapun, dengan mengubah industri daripada apa yang kini disifatkan sebagai sukar, berbahaya dan kotor dengan menyediakan laluan yang jelas untuk kemajuan kerjaya boleh menggalakkan lebih banyak anak tempatan untuk mengambil bahagian dalam industri. Meluaskan Program Perantisan juga boleh digunakan untuk menarik tenaga kerja tempatan dalam industri pembinaan.

### Inisiatif P3 - Memesatkan penggunaan IBS, mekanisasi dan kaedah moden

Inisiatif P3 mempunyai sejumlah 9 KPI yang mencapai kemajuan 96.33% dengan kemajuan sebanyak 58.33% daripada sasaran 60.55%. Daripada 9 KPI, 7 KPI adalah HIJAU (Way To Go) dan 2 KPI adalah KUNING (Can Do Better).

Pencapaian utama inisiatif P3 adalah seperti berikut:

- Laporan mengenai status penggunaan IBS dalam projek-projek kerajaan diterbitkan.
- 100% daripada pre-approved plan (PAP) JKR mematuhi IBS dan Koordinasi Modular (MC).
- Katalog komponen IBS yang dikumpulkan bagi rujukan industri diterbitkan.
- Kajian mengenai ketidakpatuhan penggunaan IBS dalam projek-projek awam bernilai RM10 dan ke atas selesai.
- Dasar untuk memberi mandat IBS bagi projek swasta bernilai RM50 juta ke atas diluluskan oleh Majlis Negara Kerajaan Tempatan (MNKT).
- 64 pengeluar komponen IBS baharu mendaftar, melebihi jumlah sedia ada sebanyak 200.
- 2069 profesional dilatih dalam IBS dan MC sejak tahun 2016 dan sebuah direktori profesional terlatih diterbitkan.
- Insentif kedua mengenai mekanisme ekonomik bagi melonjakkan IBS diserahkan untuk kelulusan.
- Analisis Faedah Kos untuk IBS selesai.

Dari segi teknologi, penggunaan Sistem Bangunan Berindustri (IBS) dan Pemodelan Maklumat Bangunan (BIM) dilihat sebagai usaha sistematis dalam meningkatkan produktiviti melalui penggunaan berstruktur teknologi pembinaan. Penggunaan kedua-dua teknologi telah terbukti mempunyai kesan yang mendalam kepada industri pembinaan. Malah, lebih daripada sekadar meningkatkan produktiviti, IBS juga menyumbang kepada kualiti yang lebih baik, keselamatan yang lebih terjamin dan menawarkan keberkesanan kos yang lebih baik dalam jangka masa panjang.

*Whereas it is easy to make up the required number of foreign workers, the same cannot be said of domestic labour. However, transforming the industry from what is now deemed to be difficult, dangerous and dirty by providing a clear path for career progression may encourage greater number of locals to participate in the industry. Widening the Apprenticeship Program may also prove useful in attracting local workforce into the construction industry.*

### Initiative P3 - Accelerate adoption of IBS, mechanization and modern practices

*Initiative P3 has a total of 9 KPIs achieving 96.33% with a progress of 58.33% against the target of 60.55%. Out of the 9 KPIs, 7 KPIs were Green (Way To Go) and 2 KPIs were YELLOW (Can Do Better).*

*Key achievements of initiative P3 are as follows:*

- Report on status of IBS adoption in government projects published.
- 100% of JKR pre-approved plans (PAP) complied to IBS and Modular Coordination (MC).
- Harmonised IBS component catalogue for industry reference published.
- Study on non-compliance of IBS adoption in public projects worth RM10m and above completed.
- Policy to mandate IBS in private sector projects worth RM50Mn and above approved by Majlis Negara Kerajaan Tempatan (MNKT).
- 64 new IBS component manufacturers registered over and above the existing 200.
- 2069 professionals trained in IBS and MC since 2016 with directory of trained professionals published.
- Second incentive on economic mechanism to propel IBS submitted for approval.
- Cost Benefit Analysis for IBS completed.

*On the technology front, the adoption of Industrialised Building System (IBS) and Building Information Modelling (BIM) is seen as systematic efforts in enhancing construction productivity through structured adoption of technology. The use of both technology has been proven to have profound impact on the construction industry. In fact, IBS more than just enhance productivity, IBS also contributes to better quality, improved safety and offers better cost effectiveness in the long run.*

Skala penggunaan IBS dalam projek-projek kerajaan mencapai 70 skor IBS mencapai 69.4% pada 2016 dan angka itu melonjak kepada 77.8% pada tahun 2017, membawa kepada jumlah sebanyak 1,578 daripada 2,101 projek kerajaan yang menggunakan IBS. Satu laporan mengenai status penggunaan IBS dalam projek-projek kerajaan telah diterbitkan oleh ICU, JPM. Laporan kedua dijangka akan terbit pada pertengahan 2018. Berdasarkan laporan itu, Pejabat Juruaudit Negara dijangka akan menjalankan audit ke atas ketidakpatuhan dalam menerima pakai IBS. Satu kajian telah dijalankan untuk mengenal pasti kepatuhan dan ketidakpatuhan penggunaan IBS dalam projek-projek sektor awam; faktor yang menyebabkan ketidakpatuhan serta cadangan untuk penambahbaikan. Hasil kajian ini akan digunakan untuk pengeluaran sebuah pekeliling oleh Kementerian Kewangan untuk memusatkan penggunaan IBS, penggunaan jentera dan amalan moden dalam seluruh kitaran projek.

Untuk memusatkan lagi penggunaan IBS dalam sektor kerajaan, 130 pre-approved plan (PAP) JKR telah diubahsuai bagi menggabungkan unsur-unsur IBS dan Koordinasi Modular (MC). Ini telah didokumentasikan dan diterbitkan bersama oleh JKR dan CIDB sebagai 'PAP 2.0 Edisi 1 JKR Pre-Approved Plans bagi RMKe-11'.

Bagi memudahkan lagi penggunaan IBS, komponen IBS yang sedia ada untuk katalog Precast Concrete Building System oleh JKR dan CIDB telah digabungkan dan diterbitkan. Katalog ini akan menjadi rujukan asas bagi reka bentuk, perincian dan pengeluaran komponen IBS. Komponen pre-cast tersebut termasuklah elemen struktur, elemen bukan struktur, butiran sambungan dan parameter reka bentuk yang lain. Di peringkat sektor swasta, langkah bagi semua pembangunan sektor swasta untuk menerima pakai IBS dilakukan melalui pra-syarat bagi pengeluaran Perintah Pembangunan (DO). Majlis Negara Kerajaan Tempatan (MNKT) telah meluluskan dasar mandat penggunaan IBS untuk projek-projek sektor swasta yang menelan kos lebih daripada RM50 juta. Ini akan mempunyai kesan yang besar pada penggunaan IBS memandangkan sebahagian besar daripada pembangunan dilakukan oleh sektor swasta.

Dalam meningkatkan pengeluaran, sejumlah 264 kilang pembuatan IBS telah didaftarkan setakat ini, dan sebanyak 64 kilang sepanjang 2 tahun lepas. 37 kilang baharu yang didaftarkan pada tahun 2017 menghasilkan 5 komponen utama, iaitu sistem konkrit pre-cast, rangka logam, produk inovatif, sistem formwork dan sistem blockwork.

Untuk memudahkan penerimaan IBS yang lebih luas, lebih profesional dengan keupayaan untuk penentuan IBS telah dilatih. Daripada sasaran 5,000 orang untuk dilatih sehingga tahun 2020, sebanyak 1,713 orang profesional didedahkan kepada reka bentuk IBS dan Koordinasi Modular pada tahun 2017 menjadikan jumlah keseluruhan sebanyak 2,069 orang profesional. Mereka terdiri daripada 310 orang arkitek, 1,309 orang jurutera dan 430 orang juruukur bahan. Bagi melengkapkan usaha ini, sebuah direktori Profesional IBS yang diperakui telah diterbitkan sebagai sebahagian daripada "Buku Jingga" yang juga melibatkan pembekal/pengilang IBS berdaftar, pengedar dan tapak acuan konkrit pre-cast, perunding IBS dan statistik mengenai kontraktor IBS.

*Scale of adoption of IBS in government projects achieving 70 IBS score reached 69.4% in 2016 and the figure jumped to 77.8% in 2017, giving a total of 1578 out of 2101 government projects adopting IBS. A report on the status of IBS adoption in government projects has been published by ICU, JPM. A second report is due in the middle of 2018. Based on the report, the AG's Office is expected to carry out an audit on non-compliance in adopting IBS. A study was conducted to identify compliance and non-compliance of IBS adoption in public sector projects; factors causing its non-compliance and recommendations for improvements. The result of this study will be used to issue a circular by MOF on accelerating the adoption of IBS, mechanisation and modern practices across project life-cycle.*

*To further accelerate the adoption of IBS in the Government Sector, 130 JKR pre-approved Plans (PAPs) have been modified to incorporate elements of IBS and Modular Coordination (MC). These have been documented and jointly published by JKR and CIDB as 'PAP 2.0 Edisi 1 JKR Pre-Approved Plans bagi RMKe-11'.*

*In facilitating further adoption of IBS, existing IBS components for Precast Concrete Building System catalogue by CIDB and JKR have been harmonised and published. The catalogue will be the basic reference for the design, detailing and manufacturing of IBS components. The pre-cast components include the structural elements, non-structural elements, connection details and other design parameters. On the private sector front, a move for all private sector development to adopt IBS is done via a prerequisite for the issuance of Development Order (DO). Majlis Negara Kerajaan Tempatan (MNKT) has approved the policy of mandating IBS adoption for private sector projects costing more than RM50m. This should have an immense impact on IBS adoption since the bulk of development is by the private sector.*

*In boosting production, a total of 264 IBS manufacturing plants have been registered to date, 64 in the last 2 years. The 37 new plants registered in 2017 produce 5 main components, namely precast concrete system, metal framing, innovative products, formwork system and blockwork system.*

*To facilitate wider adoption of IBS, more professionals with the ability to specify IBS have been trained. Out of the target of 5,000 to be trained until 2020, a total of 1713 professionals have been exposed to IBS and Modular Coordination design in 2017 making the total to date at 2069 professionals. They comprised of 310 Architects, 1309 Engineers and 430 Quantity Surveyors. To complement this effort, a directory of certified IBS Professionals has been published as part of the "Orange Book" which also includes Registered IBS supplier/manufacturer, distributors and on site precast concrete casting yards, IBS consultants and statistics on IBS contractors.*

Berikut daripada mekanisme ekonomi pertama yang mula diperkenalkan pada tahun 2016 dalam bentuk cuti cukai bagi pengeluar IBS tempatan yang berkelayakan, satu mekanisme ekonomi kedua dalam bentuk pengecualian duti import bagi peralatan dan jentera berat telah dicadangkan. Cadangan ini merupakan hasil satu kajian mengenai kesan pengecualian duti seperti yang diminta oleh Kementerian Kewangan. Cadangan itu yang telah mengambil kira semua isu yang dibangkitkan, dijangka siap pada Januari 2018.

Sementara itu kajian Analisis Faedah Kos (CBA) mengenai kesan pelaksanaan IBS telah dijalankan meliputi semua projek bangunan dari tahun 2008 hingga 2016. Kajian tersebut menyimpulkan bahawa dengan andaian bahawa semua projek-projek ini telah menggunakan 100% IBS, penjimatan kos sebanyak 24% boleh dijana (RM14 bilion berbanding jumlah kos anggaran kerja yang dilakukan sebanyak RM58 bilion pada tahun 2008 dan RM30.4 bilion berbanding jumlah kos anggaran kerja yang dilakukan sebanyak RM125 bilion pada 2016). Berdasarkan 4 perspektif utama dalam CBA (perniagaan, sosio-ekonomi & politik, pentadbiran awam & tadbir urus dan kemampanan, keselamatan & kesihatan), kajian ini membuat kesimpulan bahawa manfaat kewangan adalah berjumlah sehingga RM21.8 bilion. Hasil kajian ini dijangka akan menggalakkan lebih ramai pemilik projek dan mereka yang masih ragu-ragu dengan IBS untuk mula menggunakan IBS.

## Inisiatif P4 - Memperluas kelebihan teknologi di seluruh kitaran hayat projek.

Inisiatif P4 mempunyai sejumlah 9 KPI yang mencapai 100% dengan kemajuan sebanyak 60%, memenuhi sasaran 60%. Semua 9 KPI adalah HIJAU (Way To Go).

Pencapaian utama Inisiatif P4 adalah:

- BIM Level 2 dilaksanakan oleh JKR
- Perpustakaan Objek BIM siap dan diisi dengan 6829 komponen IBS dan perubatan
- 7 modul latihan BIM siap dan 1,119 kakitangan BIM dilatih
- Pembangunan sistem e-submission BIM untuk 2 daripada 4 Pihak Berkusa Tempatan (PBT) terpilih siap dan pengendalian BIM daripada 1 PBT dilatih
- Panduan BIM Negara siap dan spesifikasi perolehan BIM dikeluarkan oleh JKR
- Peranan Pusat MyBIM sebagai pusat rujukan kebangsaan diperkuatkkan
- BIM Online Reference Centre dilancarkan
- 100 modul berkaitan pembinaan ditukarkan ke dalam format e-learning dan sedia untuk dimuat naik ke dalam Sistem Pengurusan Kecekapan (CMS)
- 636,398 profil kakitangan pembinaan dikumpul dan dikemaskini

JKR menerajui penggunaan BIM dalam projek-projek awam. BIM Level 1 telah dilaksanakan oleh JKR pada 2016 dan BIM Level 2, yang melibatkan perkongsian objek, model asas dan data antara dua atau lebih disiplin untuk mewujudkan model bersepadan, telah dilaksanakan pada tahun 2017. Sementara itu CIDB telah memperuntukkan bajet sekitar RM1.07 juta untuk perunding dan kontraktor yang terlibat dalam projek-projek pembinaan baru dan projek hospital oleh ABM dengan untuk membiayai penggunaan BIM dalam projek-projek mereka.

*Following from the first economic mechanism introduced in 2016 in the form of tax holidays for qualified local IBS manufacturers, a second economic mechanism in the form of import duty exemption for heavy machinery and equipment has been proposed. The proposal came about following a study on the impact of the duty exemption requested by MOF. The proposal, which had addressed all the issues raised, is expected to be completed in January 2018.*

*Meanwhile a Cost Benefit Analysis (CBA) study on the impact of implementing IBS was conducted covering all building projects from 2008 to 2016. The study concluded that with the assumption that all these projects had adopted 100% IBS, a 24% cost savings can be generated (RM14 billion against approximate total cost of work done of RM58 billion in 2008 and RM30.4 billion against approximate total cost of work done of RM125 billion in 2016). Based on the 4 main perspectives in the CBA (business, socioeconomic & politic, public administration & governance and sustainability, safety & health), the study concluded that the monetisable benefits amounted to RM21.8 billion. The result of this study is expected to encourage more project owners and IBS doubters to go for IBS solutions.*

### Initiative P4 - Roll out technology advantage across project life-cycle

*Initiative P4 has a total of 9 KPIs achieving 100% with a progress of 60% against the target of 60%. All 9 KPIs were GREEN (Way To Go).*

*Key achievements of Initiative P4 are:*

- BIM Level 2 implemented by JKR
- BIM Object Library completed and populated with 6829 IBS and medical components
- 7 BIM training modules completed and 1,119 BIM personnel trained
- System development on BIM e-submission for 2 out of 4 selected Pihak Berkusa Tempatan (PBT) completed and BIM operators from 1 PBT trained
- National BIM Guide completed and BIM procurement specification rolled out by JKR
- MyBIM Centre's role as national reference centre strengthened
- BIM Online Reference Centre launched
- 100 construction related modules converted into e-learning format and ready to be uploaded into Competency Management System (CMS)
- 636,398 construction personnel profiles collected and updated

*JKR is spearheading BIM adoption in public projects. BIM Level 1 was implemented in JKR in 2016 and BIM Level 2, which involves sharing of object, based models and data between two or more disciplines to create integrated models, was implemented in 2017. Meanwhile CIDB has allocated a budget of around RM1.07m for consultants and contractors involved in hospital and new construction projects by ABM to fund the use of BIM in their projects.*

Bagi mencontohi negara-negara lain, mencipta BIM Objects dan memastikan mereka boleh didapati dari dalam talian adalah langkah pertama dalam peluasan penggunaan BIM di seluruh negara. Menjelang tahun 2017, BIM Object Library telah disiapkan dan diisi dengan 6,829 komponen objek yang terdiri daripada 6,000 komponen perubatan dan selebihnya adalah komponen IBS. Pencapaian ini jauh melebihi sasaran sebanyak 700 untuk tahun 2017 dan minat yang besar telah ditunjukkan oleh beberapa pengeluar untuk mengisi perpustakaan tersebut dengan produk mereka. Perpustakaan MyBIM dijadualkan akan dilancarkan pada bulan Mac 2018 dan Pusat MyBIM telah ditugaskan untuk mempromosikan perpustakaan tersebut. JKR yang banyak berurusan dengan pre-approved plan boleh menjadi penyumbang penting kepada Object Library itu terutamanya kini apabila semua pre-approved plan telah menggunakan IBS dan keperluan MC.

Seperti yang dijangka, latihan adalah penting untuk memastikan penggunaan BIM yang betul dan ini dicapai melalui Pusat MyBIM dan 4 Pusat Satelit di UMP, UniMAP, UTM dan UMS. Sehingga kini, 7 modul latihan telah dibangunkan dan 1,119 kakitangan termasuk golongan profesional BIM telah dilatih. Ini melepas sasaran sebanyak 600 profesional BIM untuk dilatih dan diiktiraf menjelang tahun 2017.

Dalam satu langkah strategik, 4 PBT yang dipilih iaitu Putrajaya Corporation, Majlis Bandaraya Petaling Jaya, Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah dan Majlis Perbandaran Kangar telah bersetuju untuk menerima pakai dan menggunakan e-submission BIM. Kajian keperluan pengguna dan pembangunan sistem untuk setiap PBT sedang dijalankan. Projek-projek ini akan dikeluarkan secara berperingkat dan menjelang tahun 2020, adalah dijangkakan bahawa 2 daripada PBT ini akan melancarkan e-submission berdasarkan BIM.

Pada tahun 2016, Panduan BIM Kebangsaan telah disiapkan dan meliputi aspek kesedaran BIM, kesediaan dan penggunaan. Pada tahun 2017, JKR menerbitkan Spesifikasi Perolehan BIM (BPS) yang terdiri daripada keperluan untuk reka bentuk dan projek-projek binaan; manual proses kerja yang meliputi perancangan, reka bentuk awal dan reka bentuk fasa lanjut. Dalam usaha untuk mencapai BIM Level 3 - integrasi penuh, JKR perlu mendapatkan beberapa perisian dan perkakasan yang termasuk plug-in. Sementara itu, JKR juga telah bersetuju untuk menerajui sehingga 5 projek menggunakan BIM bermula pada 2018.

Seperti yang dinyatakan sebelum ini, Pusat MyBIM telah dilancarkan pada tahun 2016. Ia menasarkan untuk menjadi Pusat Sehenti BIM di Malaysia yang menawarkan perkhidmatan teknikal BIM untuk industri pembinaan. Bermula tahun 2017, peranan pusat tersebut sebagai pusat rujukan kebangsaan bagi BIM akan terus diperkuatkkan. Pusat MyBIM baharu di Menara Sunway dilengkapi dengan kemudahan terkini termasuklah bilik latihan yang canggih dan perisian dan perkakasan BIM terkini. Sementara itu Portal MyBIM telah disiapkan pada Mei 2017 dan berfungsi sebagai pusat rujukan dalam talian untuk BIM.

*Following the example of other countries, creating BIM Objects and making them available online is a first step in the nationwide adoption of BIM.*

*By 2017, the BIM Object Library was completed and populated with 6,829 object components comprising 6,000 medical components and the rest are IBS components. This achievement far exceeded the target of 700 for 2017 and greater interests have been shown by a number of manufacturers to populate the Library with their products. MyBIM Library is due to be launched in March 2018 and myBIM Centre has been tasked to promote the library. JKR which deals heavily with pre-approve plans could be an important contributor to the Object Library especially now when all pre-approved plans have been incorporating IBS and MC requirement.*

*As expected, training is essential in ensuring proper adoption of BIM and this was achieved via myBIM Centre and 4 Satellite Centres in UMP, UniMAP, UTM and UMS. To date, 7 training modules were developed and 1,119 BIM personnel including professionals were trained. This surpassed the target of 600 BIM professionals to be trained and accredited by 2017.*

*In a strategic move, 4 selected PBTs i.e Putrajaya Corporation, Majlis Bandaraya Petaling Jaya, Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah and Majlis Perbandaran Kangar have agreed to adopt BIM e-submission. User requirement studies and system development for respective PBTs are ongoing. Project roll out will be done in phases and by 2020, it is anticipated that 2 of the leading PBTs would have rolled out BIM based e-submission.*

*In 2016, the National BIM Guide was completed covering aspects of BIM awareness, readiness and adoption. In 2017, JKR published their BIM Procurement Specification (BPS) comprising of requirements for design & build projects; manual on work processes covering planning, preliminary design and detail design phases. In order to achieve BIM Level 3 – full integration, JKR will need to secure a number of software and hardware which includes plug-ins. Meanwhile, JKR has also agreed to pilot up to 5 projects using BIM commencing in 2018.*

*As mentioned earlier, MyBIM Centre was launched in 2016. It aspires to become Malaysia's BIM One-Stop Centre, offering BIM technical services to the construction industry. From 2017, the role of the Centre as a national reference centre for BIM will continue to be strengthened. The new MyBIM Centre at Menara Sunway is equipped with up-to-date facilities including state-of-the-art training rooms and the latest BIM software and hardware. Meanwhile MyBIM portal was completed in May 2017 and serves as an online reference centre for BIM.*

Mengambil kesempatan daripada kemajuan dalam teknologi, beberapa sistem pengurusan pembelajaran dan kecekapan telah dibawa ke dalam talian. Sebagai permulaan, 100 modul berkaitan pembinaan telah ditukar kepada format e-learning. Pada tahun 2018, 20 modul tambahan akan menjalani proses yang sama. Juga sedang dibangunkan adalah Sistem Pengurusan Kecekapan (CMS), satu set alat dalam talian untuk mengesan, mengukur dan meningkatkan kecekapan kakitangan binaan. Kesemua modul akhirnya akan dimuatnaik ke dalam CMS. Apabila ia beroperasi sepenuhnya iaitu dijangka pada tahun 2019, CMS akan boleh diakses oleh kakitangan pembinaan untuk latihan dalam talian dari mana-mana, 24 jam sehari. Kemajuan latihan akan dikesan dan tahap kompetensi latihan kakitangan dikemaskini.

*Taking advantage of advances in technology, a number of competencies and learning management systems have been brought online. To start with, 100 construction related modules have been converted into E-learning format. In 2018, 20 additional modules will undergo the same conversion. Also being developed is the Competency Management System (CMS), a set of online tool for tracking, measuring and improving the competency of construction personnel.*

*All the converted modules will eventually be up-loaded into the CMS. Once fully operational which is expected to be in 2019, CMS will be accessible by construction personnel for online training from anywhere, 24 hours a day. Progress of training will be tracked and competency level of personnel updated.*



Sebuah komponen penting dalam CMS adalah rekod profil kakitangan binaan. Sasarannya adalah untuk mengumpul, mengemaskini dan memuat naik semua profil kakitangan binaan ke dalam CMS menjelang akhir tahun 2020. Sehingga akhir tahun 2017, sebanyak 636,398 profil kakitangan binaan telah dikumpul dan dikemaskini.

### **Inisiatif P5 - Mempertingkat ketersediaan maklumat strategik melalui NCIIC.**

Inisiatif P5 mempunyai sejumlah 9 KPI mencapai 100% dengan kemajuan 47.9%, memenuhi sasaran 47.9%. Kesemua 9 KPI adalah HIJAU (Way To Go).

Pencapaian utama inisiatif P5 adalah seperti berikut:

- 10,000 pengguna unik menggunakan portal myN3C
- 7 produk mengenai harga dan indeks pembinaan diterbitkan
- 60 model prototaip projek-projek pembinaan meliputi 18 kategori selesai.
- Kajian ke atas cadangan Pengurusan Data Life Cycle Costing (LCC) bagi projek-projek pembinaan di Malaysia selesai
- Analysis data mengenai projek-projek yang diberikan di seluruh negara diterbitkan
- Unjuran mengenai permintaan bahan disahkan dan diterbitkan
- Construction Industry Review & Prospects diterbitkan setiap tahun

Putus Kos Pembinaan Kebangsaan (myN3C) adalah repositori semua item kos berkaitan pembinaan yang biasanya dikaitkan dengan pembinaan. Sehingga tahun 2017, myN3C telah menerima 10,000 pengguna unik yang mengakses harga pembinaan dan indeks untuk 7 produk. myN3C begitu strategik sehingga ia telah digunakan oleh Institut Penyelidikan Khazanah dan Suruhanjaya Persaingan Malaysia untuk membangunkan laporan dan dokumentasi mereka. myN3C dijangka akan berguna untuk banyak lagi organisasi pada masa hadapan.

Maklumat kos pembinaan untuk 60 model prototaip projek-projek pembinaan yang meliputi 18 kategori juga telah siap sepenuhnya. Pada tahun-tahun akan datang, kesemua model akan dilengkapi dengan pengiraan kos pembinaan automatik sepenuhnya dan akan mampu didapati dalam talian bermula dari tahun 2020 dan seterusnya.

Sementara itu, kajian mengenai Cadangan Pengurusan Data Life Cycle Costing (LCC) bagi projek-projek pembinaan di Malaysia telah 100% siap. Kajian tersebut ditumpukan kepada LCC di peringkat projek untuk lebuh raya yang terpilih, perumahan sosial dan projek-projek pembinaan bangunan pejabat. Antara cadangan kajian termasuklah kemungkinan penggubalan sebuah Akta Parlimen yang memerlukan aset bernilai tertentu untuk mempunyai pangkalan data LCC. Langkah seterusnya adalah untuk mengautomasikan LCC dan, pada tahun 2020, seluruh kitaran hayat maklumat harga akan disediakan dalam talian.

*An important component of CMS is the recording of construction personnel profiles. The target is to collect, update and upload all construction personnel profiles into CMS by end of 2020. Until end of 2017, 636,398 construction personnel profiles have been collected and updated.*

### **Initiative P5 - Enhance availability of strategic information via NCIIC**

*Initiative P5 has a total of 9 KPIs achieving 100% with a progress of 47.9% against the target of 47.9%. All 9 KPIs were GREEN (Way To Go).*

*Key achievements of initiative P5 are as follows:*

- 10,000 unique users utilised the myN3C portal
- 7 products on construction prices and indices published
- 60 prototype models of construction projects covering 18 categories completed.
- Study on the proposal for Management of Data Life Cycle Costing (LCC) for construction projects in Malaysia completed.
- Data analytics on Projects awarded nationwide published
- Projection on material demand validated and published
- Construction Industry Review & Prospects published annually

*The National Construction Cost Centre (myN3C) is a repository of all construction related costs items normally associated with construction. As of 2017, myN3C has garnered 10,000 unique users accessing 7 products on construction prices and indices. So strategic was myN3C, it has been used by Khazanah Research Institute and Malaysia Competition Commission to develop their reports and documentations. It is expected that myN3C will be useful to many more organizations in future.*

*Construction cost information on 60 prototype models of construction projects covering 18 categories have also been fully completed. In the coming years, all the models will be equipped with fully automated construction cost computation. These should be available online from 2020 onwards.*

*Meanwhile, the study on the Proposal for Management of Life Cycle Costing (LCC) Data for construction projects in Malaysia is 100% completed. The study focussed on the LCC at the project level for selected highway, social housing and office building construction projects. Among the recommendation of the study includes the possibility of enacting an Act of Parliament that requires the assets of certain value to have LCC database. The next step is to automate the LCC and in 2020, the full life cycle costing information will be made available online.*

Maklumat mengenai projek-projek pembinaan yang diberikan diterbitkan setiap suku tahun dalam *Construction Quarterly Statistical Bulletin* manakala analisis data untuk projek-projek pembinaan yang diberikan di seluruh negara meliputi pendaftaran projek mengikut kategori, lokasi, gred kontraktor, jenis kerja, saiz kontrak, dan sebagainya diterbitkan setiap tahun. Unjuran untuk permintaan bagi 8 bahan pembinaan utama dan 7 tred pekerja telah dijana melalui myPROJEXIS dan diterbitkan.

Sebagai sebahagian daripada usaha untuk terus memastikan pihak-pihak berkepentingan dan pihak yang berminat tahu mengenai apa yang berlaku dalam industri, *Construction Industry Review & Prospect* diterbitkan setiap tahun. Edisi semasa ialah bagi tahun 2016/2017.

### **Inisiatif P6 - Memajukan pembinaan kapasiti dan keupayaan PKS Bumiputera.**

Inisiatif P6 mempunyai sebanyak 8 KPI mencapai 99.4% dengan kadar kemajuan sebanyak 47.5% daripada sasaran sebanyak 47.8%. Kesemua 8 KPI adalah HIJAU (Way To Go).

Pencapaian utama inisiatif P5 adalah seperti berikut:

- 14,609 kontraktor Bumiputra dilatih di bawah Program Pembangunan Berterusan Kontraktor (CCD)
- 274 kontraktor Bumiputra dilatih dalam Pengurusan Fasiliti
- 3,262 kontraktor Bumiputra dilatih dalam IBS
- 705 kontraktor Bumiputra dilatih dalam perdagangan pakar
- 1,578 kontraktor Bumiputra yang terlatih dalam keusahawanan
- 460 usahawan Bumiputra menerima bantuan kewangan sehingga sebanyak RM450 juta
- Kajian asas mengenai penyertaan Bumiputra dalam rantaian bekalan pembinaan siap
- Pangkalan data bersepadan mengenai syarikat-syarikat Bumiputra di Malaysia ditubuhkan.

Membangunkan usahawan Bumiputra sentiasa menjadi agenda utama negara. Salah satu daripada laluan yang paling cepat dan paling berkesan untuk meningkatkan kapasiti dan keupayaan PKS Bumiputera adalah melalui latihan yang sesuai dan berfokus.

Seramai 37,500 kontraktor Bumiputra telah disasarkan untuk dilatih di bawah Program Pembangunan Berterusan Kontraktor (CCD) menjelang tahun 2020. Berdasarkan rekod pendaftaran kontraktor semasa, lebih daripada 60% (56,000) adalah kontraktor Bumiputera. Daripada jumlah itu, 14,609 daripada mereka telah dilatih pada tahun 2017 melalui 7,305 kursus yang dijalankan.

*Information on construction projects awarded are published quarterly in the Construction Quarterly Statistical Bulletin while data analytics on construction project awarded nationwide covering registration of projects according to categories, location, contractor grades, type of work, contract size, etc. are published annually. Projection on demand for 8 major construction material and 7 trades of workers was generated via myPROJEXIS and published.*

*As part of the effort to continuously update the stakeholders and interested parties on what is happening in the industry, the Construction Industry Review & Prospect is published annually. The current publication is for the year 2016/2017.*

### **Initiative P6 - Advance SME Bumiputra capacity and capability-building**

*Initiative P6 has a total of 8 KPIs achieving 99.4% with a progress of 47.5% against the target of 47.8%. All 8 KPIs were GREEN (Way To Go).*

*Key achievements of initiative P5 are as follows:*

- 14,609 Bumiputra contractors trained under Continuous Contractor Development (CCD)
- 274 Bumiputra contractors trained in Facility Management
- 3,262 Bumiputra contractors trained in IBS 705 Bumiputra contractors trained in specialist trade
- 1,578 Bumiputra contractors trained in entrepreneurship
- 460 Bumiputra entrepreneurs received financial assistance to a value of RM450m
- Baseline study on Bumiputra participation in construction supply chain completed
- Integrated database on Bumiputra companies in Malaysia established.

*Developing Bumiputra entrepreneurs has always been a top agenda of the country. One of the fastest and most efficient route to enhancing capacity and capability of the Bumiputra SME is through suitable and focused training.*

*A total of 37,500 Bumiputra contractors have been targeted to be trained under Continuous Contractor Development program (CCD) by 2020. Based on current contractors' registration records, more than 60% (56,000) are Bumiputra contractors. Out of these, 14,609 of them were trained in 2017 via 7305 courses conducted.*

Bagi melengkapinya latihan CCD tersebut, program latihan untuk Bumiputra dalam Pengurusan Fasiliti (FM), IBS dan dagangan pakar juga sedang giat dijalankan. Pada tahun 2017, sebanyak 274 kontraktor Bumiputra telah dilatih dalam FM melebihi sasaran tahunan sebanyak 200 syarikat Bumiputra. Untuk IBS, sebanyak 3,262 Bumiputra telah dilatih melebihi sasaran tahunan sebanyak 2,500 kontraktor Bumiputra. Untuk dagangan pakar, 705 kontraktor Bumiputra telah dilatih dalam bidang kerja-kerja cerucuk, kerja perobohan, kerja pembinaan hospital dan modul Building Information Modelling berbanding sasaran tahunan sebanyak 700 kontraktor Bumiputra untuk dilatih setiap tahun sehingga tahun 2020.

2017 menyaksikan permulaan untuk kontraktor Bumiputra dipilih untuk menjalani program pembangunan keusahawanan. Kumpulan khas ini termasuklah kontraktor sedia ada dan lain-lain pemain industri pembinaan, graduan muda dan belia yang bercita-cita untuk menjadi usahawan. Program ini dilaksanakan dengan kerjasama beberapa organisasi sektor swasta dan syarikat-syarikat. Jumlah sebanyak 1,250 pengambilan tahunan akan diteruskan sehingga tahun 2020 dan seterusnya. Untuk tahun 2017, sejumlah 1,578 usahawan telah dilatih.

Usahawan pembinaan Bumiputra yang terpilih dengan prospek masa depan yang cerah juga akan diberikan bantuan kewangan daripada beberapa agensi termasuk TERAJU, Kementerian Kerja Raya, Perbadanan Usahawan Nasional Berhad, MARA dan Credit Guarantee Corporation. Setiap tahun bermula daripada tahun 2017, 200 kontraktor Bumiputra dijangka mendapat manfaat daripada skim ini. Untuk tahun 2017, 460 syarikat pembinaan Bumiputra diberi bantuan kewangan bernilai sehingga lebih RM450 juta.

Sebuah kajian asas mengenai penyertaan Bumiputra dalam rantaian bekalan telah siap bagi memudahkan lebih perancangan strategik untuk pembangunan mereka. Hasil kajian akan digunakan sebagai panduan untuk mereka bentuk pembangunan keusahawanan Bumiputra di negara ini yang lebih menyeluruh. Antara isu-isu yang perlu ditangani termasuklah pembiayaan, pembinaan keupayaan dan inisiatif kerajaan.

Di bawah TERAJU, sebuah sistem pusat yang terdiri daripada maklumat dan insentif yang disediakan oleh Kerajaan untuk usahawan Bumiputra dipanggil Teraju Xchange hampir siap dan dijangka dilancarkan pada tahun 2018.

Complementing the CCD training, programmes for Bumiputra training in Facility Management (FM), IBS and specialist trades are also being rigorously pursued. In 2017, 274 Bumiputra contractors were trained in FM exceeding the annual target of 200 Bumiputra companies. For IBS, a total of 3,262 Bumiputra were trained exceeding the annual target of 2,500 Bumiputra contractors. For specialist trades, 705 Bumiputra contractors were trained in the areas of piling works, demolition works, hospital building works and Building Information Modelling modules against the annual target of 700 Bumiputra contractors to be trained annually until 2020.

2017 saw the start of Bumiputra contractors being selected to undergo entrepreneurial development program. These special group of people include existing contractors and other construction industry players, young graduates and youths aspiring to become entrepreneurs. This program is undertaken in collaboration with a number of private sector organisations and companies. The annual intake of 1250 will be continued until 2020 and beyond. For 2017, a total of 1578 entrepreneurs were trained.

Selected Bumiputra construction entrepreneurs with bright prospects will also be accorded financial assistance from a number of agencies including TERAJU, Kementerian Kerja Raya, Perbadanan Usahawan Nasional Berhad, MARA and Credit Guarantee Corporation. Every year from 2017, 200 Bumiputra contractors are expected to derive benefit from this scheme. For 2017, 460 Bumiputra construction companies were given financial assistance to the value of over RM450Mn.

A baseline study on Bumiputra participation in the construction supply chain was completed to facilitate a more strategic planning for their development. Findings will be used as a guide to design a more comprehensive Bumiputra entrepreneurial development in the country. Among the issues that need to be addressed include financing, capability building and government initiatives.

Under TERAJU, a central system consisting of information and incentives provided by the government for Bumiputra entrepreneurs called the Teraju Xchange is nearing completion and expected to be launched in 2018.



## JUARA MALAYSIA: MENERAJUI USAHA PERINGKAT TEMPATAN DAN GLOBAL

*MALAYSIAN CHAMPIONS: LEADING THE CHARGE LOCALLY AND GLOBALLY*

### TERAS STRATEGIK 4 INISIATIF PENGANTARABANGSAAN

Penggiat industri pembinaan Malaysia harus cemerlang dalam semua aspek pembinaan untuk berjaya dan kekal berdaya saing dalam pasaran global serta mengekalkan prestasi mereka di pasaran tempatan. Oleh itu, inisiatif yang digariskan di bawah teras Pengantarabangsaan memainkan peranan penting dalam memastikan kecemerlangan dapat dicapai.

### STRATEGIC THRUST 4 INITIATIVES FOR INTERNATIONALISATION

*Malaysian construction players must be excellent in all aspects of construction to succeed and remain competitive in the global market as well as maintaining their ground in the local front. As such, the initiatives delineated under the Internationalisation thrust are seen to be instrumental in ensuring that excellence is achieved.*

### Maklumat Utama Inisiatif Strategik 4 2017 Highlights of Strategic Thrust 4 Initiatives in 2017

|    |  |
|----|--|
| I1 | Mengantara bangsa amalan dan standard pembinaan.<br><i>Internationalise construction practices and standards.</i>  |
| I2 | Mengukuh akses kepada pembiayaan bagi juara Malaysia yang memasuki pasaran antarabangsa.<br><i>Strengthen Access to Financing for Malaysian Champion Going Abroad.</i>                 |
| I3 | Menyokong pembentukan konsortium dan mengukuh maklumat pasaran antarabangsa.<br><i>Support consortia formation and strengthen overseas market intelligence.</i>                        |
| I4 | Memperhebat pembinaan kapasiti dan keupayaan kontraktor.<br><i>Intensify contractors' capacity and capability building.</i>  |
| I5 | Meningkatkan penggunaan sumber pembinaan Malaysia dalam projek tempatan dan luar negara.<br><i>Elevate the use of Malaysian construction resources in local and overseas projects.</i> |

### Ringkasan Pencapaian

*Summary of Achievements*

|   |   |
|---|---|
| Bilangan Inisiatif<br><i>Total Number of Initiatives</i>                      | 5   |
| Bilangan KPI Keseluruhan<br><i>Total Number of KPIs</i>                       | 13  |
| Bilangan KPI Ditugaskan kepada CIDB<br><i>Number of KPIs Assigned to CIDB</i> | 10  |
| Prestasi<br><i>Performance</i>  | 11 KPI mencapai lebih 90%.<br><i>11 KPI achieved more than 90%</i><br>2 KPI mencapai 60% - 90%<br><i>2 KPI achieved 60% - 90%</i> |

Teras 4 mencapai sebanyak 96.51% dengan kemajuan sebanyak 24.9% daripada sasaran sebanyak 25.8%. Ia mempunyai 22 KPI, yang mana 13 sedang dijalankan, 7 KPI bermula pada 2018 atau 2019 dan 2 KPI digugurkan. Kemajuan peratusan menunjukkan bahawa terdapat 11 KPI HIJAU (Way To Go) dan 2 KPI KUNING (Can Do Better). Tiada KPI MERAH. Status kemajuan KPI di bawah teras ini diberikan dalam Gambar Rajah di bawah.

*Thrust 4 achieved 96.51% with progress of 24.9% against the target of 25.8%. It has 22 KPIs, out of which 13 are ongoing, 7 KPIs commencing in 2018 or 2019 and 2 KPIs were dropped. The percentage progress indicates that there were 11 KPIs that were GREEN (Way To Go) and 2 KPIs that were YELLOW (Can Do Better). There was no RED KPIs. The progress status of the KPIs under this thrust is given in the Figure below.*

### Kemajuan Mengikut KPI Sehingga Q4 2017

*Progress by KPI until Q4 2017*

TERAS STRATEGIK  
*STRATEGIC THRUST* 4

Pengantarabangsaan  
*Internationalisation*

11  
KPI

2  
KPI

0  
KPI

Way to Go!

Can Do Better!


Hurry Up!

JUMLAH KPI AKTIF  
*TOTAL ACTIVE KPI*

13

85%

15%



## Inisiatif I1 – Mengantarabangsakan amalan dan standard pembinaan

Inisiatif I1 mempunyai sejumlah 9 KPI dan mencapai 97.1% dengan kadar kemajuan 30.3% daripada sasaran sebanyak 31.2%. Daripada 9 KPI, 4 KPI adalah HIJAU (Way To Go), 1 KPI KUNING (Can Do Better) manakala 4 KPI akan bermula pada 2018 atau 2019.

Pencapaian utama inisiatif I1 adalah seperti berikut:

- Sistem dalam talian untuk pensijilan bahan binaan yang mematuhi standard ditingkatkan bagi menampung pensijilan produk dan bahan-bahan yang diimport.
- 100% notis dikeluarkan untuk bahan-bahan yang tidak mematuhi piawaian.
- 11 tender untuk mendapatkan peralatan untuk menguji kualiti bahan binaan dianugerahkan.
- 109 pegawai pengesahan dilatih.
- Manual pengesahan produk binaan siap dibangunkan.
- Penukaran MyCESMM kepada MSCESMM 90% siap.
- 20 projek dilaksanakan menggunakan MyCESMM sejak 2016.
- MoU dengan 22 agensi untuk menyokong penggunaan MyCESMM ditandatangani.
- 597 profesional dan 29 jurulatih telah dilatih dalam MyCESMM pada tahun 2016 dan 2017.

Sebuah sistem dalam talian yang mengintegrasikan produk tempatan dan import telah dinaik taraf dan beroperasi sepenuhnya dan menjelang Q4 2017, 978 permohonan untuk pensijilan pematuhan standard telah diproses secara dalam talian. Sistem ini juga meningkatkan lagi keupayaan CIDB untuk menguatkuasaan Akta 520 (Pindaan 2011) Jadual 4, yang berkaitan dengan kualiti bahan-bahan pembinaan.

Sementara itu, penguatkuasaan kepatuhan kepada standard mandatori bahan binaan terus memuncak. Pada tahun 2017, 506 pengesahan pematuhan bahan telah dijalankan di mana 100% notis ketidakpatuhan telah dikeluarkan. CITP juga telah mendapat pembiayaan daripada RMKe-11 berjumlah RM10 juta untuk mendapatkan beberapa peralatan ujian untuk memastikan peserta industri patuh kepada Akta. Menjelang Q4 2017, 11 tender telah dianugerahkan. Latihan dan akreditasi 109 pegawai pengesahan serta pelaksanaan manual pengesahan produk pembinaan CIDB juga akan meletakkan di dalam kedudukan yang sangat optimum untuk mengesahkan bahan-bahan binaan terpilih adalah patuh standard tempatan dan antarabangsa yang berkaitan.

### **Initiative I1 - Internationalise construction practices and standards**

*Initiative I1 has a total of 9 KPIs and achieving 97.1% with a progress of 30.3% against the target of 31.2%. Out of the 9 KPIs, 4 KPIs were GREEN (Way To Go), 1 YELLOW KPI (Can Do Better) while 4 KPIs will commence in 2018 or 2019.*

*Key achievements of initiative I1 are as follows:*

- *Online system for certification of construction materials conforming to standards upgraded to cater for certification of imported products and materials.*
- *100% notices for materials non-compliance to standards issued.*
- *11 tenders to procure equipments for testing quality of construction materials awarded.*
- *109 verification officers trained.*
- *Construction product verification manual completed.*
- *MyCESMM conversion to MSCESMM 90% completed.*
- *20 projects implemented using MyCESMM since 2016.*
- *MoU with 22 Agencies to support the adoption of MyCESMM signed.*
- *597 professionals and 29 trainers were trained in MyCESMM in 2016 and 2017.*

*An online system integrating local and imported products has been fully upgraded and operational and by Q4 2017, 978 applications for Certification of Standard Compliance have been processed online. The system also further enhances CIDB's capability to enforce Act 520 (amendment 2011) Schedule 4, which relates to quality of construction materials.*

*Meanwhile, enforcement of compliance to mandatory material standards continued to be heightened. In 2017, 506 material compliance verification were conducted whereby 100% non-compliance notices were issued. CITP had also secured funding from RMKe-11 amounting to RM10Mn to procure a number of testing equipment to ensure industry players comply to the Act. By Q4 2017, 11 tenders had been awarded. The training and accreditation of 109 verification officers as well as the completion of a construction product verification manual will also put CIDB in an optimum position to validate and certify compliance of selected materials to the relevant local and international standards.*

**Civil Engineering Standard Method of Measurement**, CESSM telah dikenali selama lebih 15 tahun sebagai standard untuk penyediaan Senarai Kuantiti (BQ) dalam kerja-kerja Kejuruteraan Awam. Versi Malaysia untuk standard bertaraf antarabangsa ini, MyCESMM telah dibangunkan untuk menggalakkan kaedah pengukuran yang standard untuk semua kerja-kerja kejuruteraan awam yang akan menyumbang kepada keseragaman dan kefahaman yang lebih baik, dan mengurangkan perbalahan dan konflik dalam penyediaan BQ. Lebih penting lagi, MyCESMM telah disasarkan untuk membiasakan industri pembinaan Malaysia dengan prosedur tender dan kontrak antarabangsa yang sangat penting. Penerimaan MyCESMM amat menggalakkan dengan tidak kurang daripada 20 projek menggunakan sejak tahun 2016. Promosi berterusan untuk mendidik pengguna telah dimulakan di mana 22 agensi telah menandatangani MoU dengan CIDB untuk menyokong penggunaan MyCESMM.

Latihan lebih 321 pelatih pada tahun 2016 dan 276 lagi pada tahun 2017 akan memudahkan industri dalam penggunaan MyCESMM. Pada masa ini, MyCESMM sedang menjalani penukaran kepada MSCESMM. Ia telah 90% siap dan akan siap sepenuhnya pada tahun 2018.

## Inisiatif I2 - Mengukuhkan akses kepada pembiayaan bagi juara Malaysia yang memasuki pasaran antarabangsa

Inisiatif I2 mempunyai sejumlah 3 KPI dan mencapai 93.6% dengan kadar kemajuan 25.0% daripada sasaran 26.7%. Daripada 3 KPI, 2 KPI adalah HIJAU (Way To Go) dan 1 KPI akan bermula pada 2018.

Pencapaian utama Inisiatif I2 adalah seperti berikut:

- Kajian ke atas peningkatan akses kepada pembiayaan bagi juara Malaysia ke pasaran antarabangsa selesai
- 5 skim pembiayaan dimuktamadkan
- Dana Eksport Perkhidmatan (SEF) telah diluluskan untuk 7 projek

Salah satu masalah yang dihadapi oleh syarikat-syarikat Malaysia untuk meneroka ke luar negara adalah dalam mendapatkan pembiayaan projek. Satu kajian mengenai peningkatan akses kepada pembiayaan bagi juara Malaysia untuk ke pasaran antarabangsa telah mengenal pasti 5 skim pembiayaan untuk membantu syarikat-syarikat Malaysia mendapatkan pembiayaan di peringkat-peringkat penting dalam projek. 5 skim ini merupakan Program Pembangunan Antarabangsa, Insentif untuk Pembiayaan Luar Negara, Pertukaran Matawang Negara Berfokus, Skim Pelaburan Ekuiti dan Pensekuritian Pinjaman. Industri kini sedang memperincikan skim-skim tersebut.

Dana Eksport Perkhidmatan (SEF) membantu Penyedia Perkhidmatan Malaysia (MSP) dalam menjalankan aktiviti untuk mengembangkan dan meneroka pasaran antarabangsa. Bantuan itu dilanjutkan dalam bentuk geran *reimbursable* dan pinjaman mudah. Pembinaan telah dikenal pasti sebagai salah satu industri yang mempunyai potensi pasaran eksport yang tinggi. Pada tahun 2017, SEF telah dianugerahkan kepada 4 syarikat yang menjalankan 7 projek. CITP menetapkan sasaran tahunan sebanyak 4 projek yang dianugerahkan skim SEF itu. Diuruskan oleh MATRADE, SEF adalah salah satu dana paling berjaya di negara ini di mana akses yang lebih luas kepada SEF untuk syarikat-syarikat pembinaan yang berkelayakan hendaklah diusahakan.

*The Civil Engineering Standard Method of Measurement, CESMM has been well established for over 15 years as the standard for the preparation of Bills of Quantities (BQ) in Civil Engineering works. Malaysia's own version of this international standard, MyCESMM has been developed to promote a standard method of measurement for all civil engineering works that will contribute to better uniformity, understanding and reduce contention and conflicts in the preparation of the BQ. More importantly, MyCESMM has been targeted to familiarise Malaysian construction industry with a very important international tendering and contracting procedure. Acceptance of MyCESMM has been overwhelming with no less than 20 projects adopting it since 2016. Rigorous promotions to educate users have been initiated whereby 22 Agencies had signed MoUs with CIDB to support the adoption of MyCESMM.*

*The training of over 321 trainees in 2016 and a further 276 in 2017 will facilitate the industry in the adoption of MyCESMM. Currently, MyCESMM is undergoing conversion to MSCESMM. It is 90% completed and will reach full completion in 2018.*

### **Initiative I2 - Strengthen access to financing for Malaysian champions going abroad**

*Initiative I2 has a total of 3 KPIs and achieving 93.6% with a progress of 25.0% against the target of 26.7%. Out of the 3 KPIs, 2 KPIs were GREEN (Way To Go) and 1 KPI will commence in 2018.*

*Key achievements of initiative I2 are as follows:*

- *The study on strengthening access to funding for Malaysian champions going overseas completed.*
- *5 financing schemes finalised Services Export Funds (SEF) were approved for 7 projects*

*One of the problems faced by Malaysian companies venturing overseas is securing project funding. A study on strengthening access to financing for Malaysian champions going abroad has identified 5 schemes to assist Malaysian companies securing funding at crucial stage of the projects. These 5 schemes are; International Development Program, Stimulus for Overseas Financing, Focussed Countries Currency Swap, Equity Investment Scheme and Loan Securitization. The industry is currently detailing out the schemes.*

*The Services Export Fund (SEF) assists Malaysian Service Providers (MSPs) to undertake activities to expand and venture into the international market. The assistance is extended in the form of reimbursable grant and soft loan. Construction has been identified as one of the industry with high export market potential. In 2017, SEF was awarded to 4 companies undertaking 7 projects. CITP has set an annual target of 4 projects to be awarded the SEF scheme. Managed by MATRADE, SEF is one of the best-managed funds in the country where wider access to SEF by qualified construction companies should be facilitated.*

## Inisiatif I3 - Menyokong pembentukan syarikat dan mengukuhkan risikan pasaran luar negara

Inisiatif I3 mempunyai sejumlah 6 KPI dan mencapai 92.0% dengan kadar kemajuan 15.0% daripada sasaran 16.3%. Daripada 6 KPI, 2 KPI adalah HIJAU (Way To Go), 2 KPI akan bermula pada 2018 dan 2 digugurkan.

Pencapaian utama Inisiatif I3 adalah seperti berikut:

- 4 misi *outbound* dan 1 misi *inbound* dilaksanakan
- 1 program promosi eksport diadakan
- 4 konsortia ditubuhkan untuk membida projek-projek di luar negara dengan sebuah konsortium berjaya mendapat kontrak untuk menaik taraf skim bekalan air di Vietnam bernilai RM77.1 juta
- RM3.14 bilion didapat oleh 6 syarikat Malaysia untuk 17 projek

Pelbagai inisiatif telah diambil untuk memudahkan bidaan kontrak pembinaan oleh syarikat Malaysia ke luar negara termasuk 4 misi *outbound*, 1 misi *inbound* dan sebuah program promosi eksport bertajuk "Seminar Incredible India mengenai Pembangunan Tanah Rail" di India. Ia telah diadakan bagi mempamerkan keupayaan dan kekuatan syarikat Malaysia serta sokongan padu kerajaan untuk syarikat-syarikat ini. Negara sasaran untuk usaha-usaha ini adalah India dan tumpuan adalah kepada projek lebuh raya.

Menyedari kepentingan menuju sebuah konsortia untuk membida besar-besaran projek-projek antarabangsa, 4 konsortia telah berjaya ditubuhkan untuk membida projek-projek di luar negara. 3 konsortium mengemukakan bidaan untuk 4 jalan dalam pakej Rajasthan India bernilai RM6.5 bilion. Sebuah lagi konsortium memenangi bidaan untuk pemulihan dan penaiktarafan skim bekalan air di Vietnam bernilai RM77.1 juta.

Sasaran untuk sekurang-kurangnya 8 konsortium untuk ditubuhkan pada tahun 2020 boleh dicapai dan kesemuanya ini dijangka mendapat projek luar negara bernilai RM5 billion. Dalam persaingan dengan syarikat-syarikat asing yang lebih besar dan mempunyai banyak sumber, syarikat Malaysia akan mempunyai peluang yang lebih baik untuk mendapatkan projek di luar negara melalui konsortium yang ditubuhkan dengan betul.

Penyasar yang bertumpu kepada pasaran eksport yang berpotensi tinggi membolehkan 6 syarikat Malaysia memenangi 17 projek dengan nilai lebih daripada RM3.14 bilion, dua kali ganda angka pada tahun 2016. India terus menjadi destinasi kegemaran syarikat-syarikat Malaysia.

## Inisiatif I4 - Tingkatkan kapasiti dan keupayaan kontraktor

Inisiatif I4 mempunyai sebanyak 4 KPI dan mencapai 100% dengan kemajuan sebanyak 22.5%, memenuhi sasaran sebanyak 22.5%. Kesemua 4 KPI adalah HIJAU (Way To Go).

### **Initiative I3 - Support consortium formation and strengthen overseas market intelligence**

*Initiative I3 has a total of 6 KPIs and achieving 92.0% with a progress of 15.0% against the target of 16.3%. Out of the 6 KPIs, 2 KPIs were GREEN (Way To Go), 2KPIs will commence in 2018 and 2 were dropped.*

*Key achievement of Initiative I3 are as follows:*

- 4 *outbound* and 1 *inbound* missions executed.
- 1 export promotion program held.
- 4 consortia formed to bid for overseas projects with a consortia won a contract for upgrading of water supply scheme in Vietnam worth RM77.1Mn.
- RM3.14Bn won by 6 Malaysian companies via 17 projects.

*Various initiatives were undertaken to facilitate the bidding of construction contracts by Malaysian companies overseas including 4 outbound missions, 1 inbound mission and an export promotion program titled "Incredible India Seminar on Rail Land Development" in India. These were held to showcase the capability and strength of Malaysia companies and the government's firm support for these companies. The target country for these efforts was India and the focus was on highway projects.*

*Recognising the importance of setting up consortium for bidding large-scale international projects, 4 consortia were successfully formed to bid for overseas projects. 3 of the consortia submitted their bids for 4 road packages in Rajasthan India worth RM6.5Bn. The fourth consortium won a rehabilitation and upgrading of a Water Supply Scheme in Vietnam worth RM77.1Mn.*

*The target for minimum 8 consortia to be formed by 2020 is achievable and these 8 consortia are expected to secure a total of RM5Bn worth of overseas projects. In competing with the bigger and highly resourced foreign companies, Malaysian companies will stand a better chance of securing overseas project through properly established consortia.*

*Focused targeting of high potential export markets resulted in 6 Malaysian companies winning 17 projects with a value of more than RM3.14Bn, doubled the 2016 figure. India continues to be the favourite destination of Malaysian companies.*

### **Initiative I4 - Intensify contractor's capacity and capability building**

*Initiative I4 has a total of 4 KPIs and achieving 100% with a progress of 22.5% against the target of 22.5%. All 4 KPIs were GREEN (Way To Go) .*

Pencapaian utama inisiatif I4 adalah seperti berikut:

- SCORE Versi 2.0 dimuktamadkan.
- Pekeliling mengenai penyertaan mandatori dalam SCORE bagi kontraktor G7 yang mahu membaharu 'Sijil Perolehan Kerja Kerajaan' (SPKK) dikeluarkan.
- Kad Laporan Kontraktor (CRC) dimasukkan ke dalam Sistem Pengurusan Maklumat Berpusat (CIMS).
- Pangkalan data Pengurus Projek Binaan Yang Diperakuan ditubuhkan.
- 176 Pengurus Projek Binaan disahkan.
- 706 kakitangan kontraktor G7 dilatih dalam kursus-kursus pengurusan teknikal pembinaan dan pengurusan.

*Key achievement of Initiative I4 are as follows:*

- SCORE Version 2.0 finalised
- Circular on mandatory participation in SCORE for G7 contractors seeking renewal of 'Sijil Perolehan Kerja Kerajaan' (SPKK) issued
- Contractor Report Card (CRC) included in the Centralised Information Management System (CIMS)
- Database of Certified Construction Project Managers established
- 176 Construction Project Managers certified.
- 706 G7 contractors' personnel trained in construction technical and management courses.



Industri pembinaan menggunakan SCORE sebagai alat diagnostik untuk mengukur dan meningkatkan daya saing kontraktor berdasarkan prestasi dan keupayaan mereka. Selepas 5 tahun penggunaan berterusan, SCORE Versi 2.0 sedang dibangunkan untuk menggabungkan unsur-unsur tambahan isu dan cabaran semasa dalam industri termasuklah Akta 520 CIDB yang dipinda dan keperluan keselamatan dan eksport yang dipertingkatkan. SCORE Versi 2.0 dijangka akan dilancarkan pada tahun 2018 untuk dilaksanakan pada 2019.

Pada tahun 2017, 52 kontraktor G7 mencapai 4 bintang Penilaian SCORE, daripada sasaran 100 kontraktor G7 pada tahun 2020. Sebagai usaha untuk memastikan lebih ramai kontraktor G7 menjalani Penilaian SCORE, sebuah polisi telah dikeluarkan yang menghendaki semua kontraktor G7 hendak membaharui Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) mereka menjalani Penilaian SCORE. Ini adalah sebagai persediaan untuk memasukkan nilai SCORE dalam perolehan kerajaan.

Memandangkan SCORE menilai kadar kedua-dua kapasiti dan keupayaan prestasi kontraktor dalam semua bidang yang penting, keputusan SCORE boleh digunakan untuk menganalisis kelemahan dan kekuatan kontraktor di peringkat individu dan kumpulan. Cadangan bersesuaian kemudiannya boleh dibuat untuk meningkatkan serta merapatkan jurang dalam kapasiti dan keupayaan kontraktor atau kumpulan kontraktor.

Sebuah Kad Laporan Kontraktor (CRC) juga sedang dibangunkan sebagai sebahagian daripada Sistem Pengurusan Maklumat Berpusat (CIMS). Dengan sistem ini, tahap status dan prestasi kontraktor boleh diakses oleh pengguna yang layak bila-bila masa dari mana-mana. Seorang pengurus projek pembinaan terlatih akan membawa kejayaan yang lebih besar untuk sesbuah projek. CITP telah memberi mandat kepada 300 pengurus projek pembinaan yang akan disahkan pada tahun 2020. Untuk mencapai sasaran ini, sejumlah 176 pengurus projek pembinaan telah disahkan pada tahun 2017, satu usaha yang sangat terpuji.

Melengkapi pengurus projek pembinaan, kakitangan kontraktor G7 yang terlatih dalam kursus teknikal pembinaan dan pengurusan selanjutnya akan memastikan tahap kejayaan projek yang lebih tinggi. Sebanyak 4,000 kakitangan G7 telah disasarkan untuk dilatih pada tahun 2020. Setakat ini, 706 kakitangan berbanding sasaran tahunan sebanyak 500, telah dilatih pada tahun 2017 dengan bakinya akan dicapai dalam tahun 2018-2020.

## Inisiatif 15 - Meningkatkan penggunaan sumber pembinaan Malaysia dalam projek-projek tempatan dan luar negara

Ini adalah satu inisiatif baru di mana KPI dan sasarannya sedang menunggu kelulusan. Ia akan dilaporkan setelah mendapat kelulusan.

*The construction industry uses SCORE as a diagnostic tool to measure and enhance competitiveness of contractors, based on their performance and capabilities. After 5 years of continuous adoption, SCORE version 2.0 is being developed to incorporate additional elements of current issues and challenges in the industry including the amended CIDB Act 520 and enhanced safety and export ready requirement. SCORE Version 2.0 is targeted to be rolled out in 2018 for implementation in 2019.*

*In 2017, 52 G7 contractors achieved 4 star SCORE rating, from a target of 100 G7 contractors by 2020. As an effort to ensure more G7 contractors undergo the SCORE rating, a policy was issued requiring all G7 contractors whose 'Sijil Perolehan Kerja Kerajaan' (SPKK) are up for renewal to be SCORE rated. This is in preparation for later inclusion of SCORE rating in government procurement.*

*Since SCORE rates both the capacity and capability performance of a contractor in all the crucial areas, results of SCORE should be used to analyse the weaknesses and strengths of contractors both at individual and group levels. Suitable recommendation can then be made to enhance as well as bridge the gaps in capacity and capability of a contractor or groups of contractors.*

*A Contractor Report Card (CRC) is also being developed as part of the Centralised Information Management System (CIMS). With this system, the status and performance level of a contractor can be accessed by eligible user anytime from anywhere. A well-trained construction project manager brings greater success to a project. CITP has mandated 300 construction project managers to be certified by 2020. Working towards this target, a total of 176 construction project managers were certified in 2017, a highly commendable effort.*

*Complementing the construction project managers, G7 contractors' personnel trained in construction technical and management courses would further ensure a greater degree of project success. 4,000 G7 personnel were targeted to be trained by 2020. To date, 706 out of the yearly target of 500, were trained in 2017 with the balance to be accomplished from 2018 to 2020.*

### Initiative 15 - Elevate the use of Malaysian construction resources in local and overseas projects

*This is a new initiative where its KPIs and targets are awaiting approvals. It will be reported once they have been approved and commenced.*

# PROGRAM KECEMERLANGAN ORGANISASI

## ORGANISATIONAL EXCELLENCE PROGRAM

Di samping harapan CIDB untuk mentransformasikan industri dalam bidang kuasanya, ia juga mestи mengawal selia industri berdasarkan fungsi-fungsi spesifik di bawah Akta 520. Fungsi spesifik ini (sebagai contoh; pengenaan levi, pendaftaran kontraktor, pendaftaran personel binaan dan penguatkuasaan undang-undang) serta fungsi korporat asas (seperti penjenamaan korporat & komunikasi, perkhidmatan pelanggan, pembangunan polisi, pengurusan kewangan, pengurusan sumber insan, pengurusan ICT) memerlukan strategi yang berlainan.

Pelancaran dan kemajuan CITP yang berjaya telah memacu pengurusan CIDB untuk menjalankan sebuah kajian semula dalam mengenai pembangunan organisasi CIDB dan pertumbuhannya dengan menjalankan sebuah lagi analisis jurang strategik pada pertengahan tahun 2016. Hasilnya, dua lagi Teras Strategik telah diwujudkan bagi memperhebat organisasi ini di bawah sebuah program yang dikenali sebagai Kecemerlangan Organisasi (OE). Ianya adalah:

### ST5 – Penyampaian Perkhidmatan

Di bawah teras strategik ini, CIDB menyasarkan untuk menjadi sebuah organisasi yang berprestasi tinggi. Ia berhasrat untuk menurut contoh yang diberikan oleh Boston Consulting Group iaitu:

*"Apabila anda berjalan masuk ke dalam sebuah organisasi yang berprestasi tinggi, anda dapat merasakan perbezaannya. Bukan setakat berjalan mengikut arus, kakitangannya juga bertenaga. Mereka yakin dengan strategi organisasi mereka, dan perubahan-perubahan yang sedang berlaku, dan tidak bingung ataupun berputus asa. Mereka tahu apa yang sepatutnya dilakukan, dan bagaimana ia berkait dengan tugas rakan-rakan mereka. Pemerhatian kasual anda dapat dipastikan dengan pantas dengan memeriksa ukuran prestasi."*

### ST6 – Penjenamaan Korporat

Teras Strategik ini bertujuan untuk meningkatkan imej korporat CIDB bagi memperhebat keyakinan pihak berkepentingan di dalam industri pembinaan yang CIDB melaksanakan tugas sebagai peneraju industri pembinaan dengan cemerlang.

*While CIDB aspires to transform the industry within its scope of authority, CIDB must also regulate the industry based on specific functions under the Act 520. These specific functions (such as levy imposition, contractor registration, construction personnel registration, law enforcement) as well as basic corporate functions (such as corporate branding & communication, customer service, policy development, financial management, human resource management, ICT management) require a different set of strategies altogether.*

*The successful launch and progress of the CITP led CIDB's management to conduct an internal review of CIDB's organisational development and growth by conducting another strategic gap analysis exercise in the middle of 2016. As a result, another two Strategic Thrusts were established to enhance the organisation under a program known as Organisational Excellence (OE). They are:*

### ST5 – Service Delivery

*Under this Strategic Thrust, CIDB aims to develop into a high-performing organisation. It aims to emulate the example given by Boston Consulting Group, which is as follows:*

*"When you walk into a high-performing organisation you can feel the difference. Instead of just walking through the motions, the people are energised. They are confident about their organisation's strategy, and the changes that are occurring, rather than confused or resigned. They know what they are supposed to be doing, and how that relates to the tasks of their neighbours. Your casual observations can be confirmed quickly by checking performance measures."*

### ST6 – Corporate Branding

*This Strategic Thrust aims to enhance CIDB's corporate image in order to strengthen the confidence of its stakeholders that it is carrying out its role and responsibility as the custodian of construction industry development with excellence.*



## PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN: CIDB MENCAPI KEMATANGAN SEBAGAI ORGANISASI BERPRESTASI TINGGI

*SERVICE DELIVERY: CIDB MATURES INTO A HIGH PERFORMING ORGANISATION*

### TERAS STRATEGIK 5 PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN

Selain daripada memenuhi Teras Strategik yang telah ditetapkan dalam CITP, yang bertujuan untuk menambah baik industri pembinaan di Malaysia, CIDB juga telah mengenal pasti dua bidang fokus utama untuk memperbaik prestasinya sebagai pengawal selia dan juara industri. Salah satunya ialah dengan memperhebat penyampaian servisnya, memastikan ia mampu menyampaikan khidmat yang cekap dan efektif kepada semua pihak berkepentingan. Hal ini akan mengukuhkan kebolehan CIDB dan memastikan ia mampu memenuhi jangkaan seperti yang telah dinyatakan dalam Akta 520 yang menjadi asas pembentukannya.

### STRATEGIC THRUST 5 SERVICE DELIVERY

*Aside from fulfilling the Strategic Thrusts laid out in the CITP, which aims to enhance the construction industry in Malaysia, CIDB has also identified two key areas of focus to improve its performance as the regulator and champion of the industry. One of these is to boost its service delivery, and in doing so ensure that it is able to provide efficient and effective service to all stakeholders. This in turn will strengthen CIDB's capabilities and ensure that it is able to best meet the expectations of it as laid down in Act 520, under which it was formed.*

### Sorotan Utama Inisiatif Teras Strategik 5 pada tahun 2017 dan Pencapaiannya Highlights of Strategic Thrust 5 Initiatives in 2017 and Their Respective Results

| Inisiatif<br>Initiatives   | Pem<br>Key Results  |
|--|---|
| S1. Memastikan pengurusan dan kepimpinan CITP yang cemerlang<br><i>S1. Ensure outstanding CITP leadership &amp; management</i>   | <ul style="list-style-type: none"> <li>Laporan CITP No.2 diterbitkan pada bulan Oktober 2017<br/><i>Laporan CITP No. 3 disempurnakan dan dibentangkan pada bulan November 2017</i></li> <li>Laporan CITP No. 3 disempurnakan dan dibentangkan pada bulan November 2017<br/><i>CITP Report No. 3 completed and presented in November 2017</i></li> </ul>   |
| S2. Meningkatkan standard dan integriti keseluruhan pentadbiran dan amalan perniagaan dalaman<br><i>S2. Elevate standard &amp; integrity of all internal business practices &amp; administration</i> | <ul style="list-style-type: none"> <li>Soal selidik mengenai kualiti servis enam bahagian CIDB diberikan kepada semua 1,293 orang staf<br/><i>Questionnaires on service quality of six CIDB divisions sent out to all 1,293 CIDB staff</i></li> <li>Purata indeks kepuasan staf mencapai 7.28 berbanding sasaran 6.0<br/><i>Staff satisfaction index average at 7.28 against target of 6.0</i></li> <li>Bengkel mengenai dasar ICT dijalankan dan dasar ICT diluluskan<br/><i>Workshop on ICT policy held and ICT policy approved</i></li> <li>4,405 bayaran dibuat dalam 14 hari setelah menerima dokumen pembayaran yang lengkap<br/><i>4,405 payments made within 14 days of receiving complete documents for payment (95%)</i></li> </ul> |
| S3. Menambah baik pengurusan levi<br><i>S3. Improve levy management</i>  | <ul style="list-style-type: none"> <li>Kadar pengumpulan levi untuk tahun 2017 sebanyak 67.93% berbanding sasaran sebanyak 65%<br/><i>Levy collection rate for 2017 at 67.93% against target of 65%</i></li> <li>Pengurangan sebanyak 61% dalam levi tidak berbayar pada tahun 2017 berbanding sasaran sebanyak 61%<br/><i>61% reduction in cumulative unpaid levy in 2017 against target of 32%</i></li> </ul>   |
| S4. Memastikan penguatkuasaan yang efektif<br><i>S4. Ensure highly effective enforcement</i>   | <ul style="list-style-type: none"> <li>3,164 tapak pembinaan diperiksa pada tahun 2017<br/><i>3,164 construction sites inspected in 2017</i></li> </ul>   |
| S5. Memacu kecermerlangan dalam Pengurusan Pemprosesan Pusat<br><i>S5. Drive excellence in Central Processing Management</i>   | <ul style="list-style-type: none"> <li>Proses berpusat dalam talian untuk levi pendaftaran kontraktor, SCORE dan Pendaftaran Pembinaan/Kad Hijau 99.9% siap<br/><i>Centralised online processes for contractor registration levy, SCORE and Construction Registration/Green Card services 99.9% complete</i></li> </ul>   |
| S6. Memastikan pengurusan strategi closed loop yang berkesan<br><i>S6. Ensure successful closed-loop strategy management</i>   | <ul style="list-style-type: none"> <li>Kesemua staf P&amp;P di bawah Unit Strategik menghadiri dua kursus; i) System thinking approach to strategic management dan ii) Doing great by doing good: How profitable strategies deliver positive impact.<br/><i>All P&amp;P staff under the Strategic Unit underwent two courses; i) System thinking approach to strategic management and ii) Doing great by doing good: How profitable strategies deliver positive impact.</i></li> </ul>  |

|  |   |
|--|---|
| S7. Melaksanakan amalan pengurusan risiko<br>S7. Implement risk management practices   | <ul style="list-style-type: none"> <li>Manual pengurusan risiko dihasilkan pada bulan Mei 2017<br/><i>Risk management manual developed in May 2017</i></li> </ul>   |
| S8. Membangunkan warga kerja yang kompeten<br>S8. Develop highly competent workforce   | <ul style="list-style-type: none"> <li>Keterangan Kerja dan Struktur CIDB dimuktamadkan dan dimuatnaik ke E-Training CIDB Malaysia<br/><i>Job Description and CIDB Structure finalised and uploaded on E-Training CIDB Malaysia</i></li> <li>Polisi dan Garis Panduan Perolehan Bakat diluluskan di peringkat sektor<br/><i>Talent Acquisition Policy and Guideline approved at sectoral level</i></li> <li>Terma Rujukan untuk konsultansi pelan penggantian di peringkat sektor diluluskan<br/><i>Terms of Reference for consultancy on succession planning at sectoral level approved</i></li> </ul>   |
| S9. Meningkatkan penggunaan sistem & teknologi yang canggih<br>S9. Enhance the use of high technology & systems  | <ul style="list-style-type: none"> <li>99.7% system uptime untuk rangkaian dan server dicapai<br/><i>99.7% system uptime for network and server achieved</i></li> <li>97% isu IT diselesaikan mengikut Perjanjian Tahap Perkhidmatan<br/><i>97% of IT issues resolved as per Service Level Agreement</i></li> </ul>   |
| S10. Memupuk budaya yang mementingkan "sense of purpose" dalam semua aspek<br>S10. Cultivate the culture which values "sense of purpose" in all aspects                                | <ul style="list-style-type: none"> <li>Program "Satu Hati, Satu CIDB" diluluskan di peringkat sektor pada tahun 2017<br/><i>"Satu Hati, Satu CIDB" programme approved at sectoral level in 2017</i></li> </ul>  |
| S11. Memastikan operasi yang selari dengan pejabat-pejabat negeri<br>S11. Ensure well-aligned operations with state offices  | <ul style="list-style-type: none"> <li>Sijil kelulusan (CoA) untuk bahan binaan yang diimport dikeluarkan dalam tiga hari tempoh pengesahan daripada pejabat negeri<br/><i>Certificate of Approval (CoA) for imported building materials issued within three days of verification by state offices</i></li> <li>24,600 penilaian mengenai tahap kecekapan pekerja mahir dijalankan oleh Pusat-Pusat Penilaian Bertauliah melalui Pejabat-Pejabat Negeri CIDB<br/><i>24,600 assessments on the competency of skilled workers carried out by Accredited Assessment Centres via CIDB State Offices</i></li> <li>2,500 penyelia tapak dinilai<br/><i>2,500 site supervisors assessed</i></li> <li>3,200 tapak bina diperiksa<br/><i>3,200 construction sites inspected</i></li> <li>2,500 kontraktor menjalani penilaian SCORE<br/><i>2,500 contractors underwent SCORE evaluation</i></li> </ul> |
| S12. Memastikan penyampaian yang berkesan daripada anak-anak syarikat untuk menjalankan fungsi CIDB<br>S12. Ensure excellent delivery by subsidiary companies to fulfil CIDB functions | <ul style="list-style-type: none"> <li>Dua pelatih daripada Akademi Binaan Malaysia (ABM) – anak syarikat CIDB – dihantar menyertai Pertandingan WordSkills di Abu Dhabi<br/><i>Two trainees from Akademi Binaan Malaysia (ABM) – a CIDB subsidiary – were sent to participate at the WorldSkills Competition in Abu Dhabi</i></li> </ul>   |

## Ringkasan Pencapaian Summary of Achievements

|   |  |
|---|--|
| Jumlah Keseluruhan Inisiatif<br>Total Number of Initiatives | 12   |
| Jumlah Keseluruhan KPI<br>Total Number of KPIs              | 18   |
| Prestasi<br>Performance                                     | 18 KPI mencapai lebih 90%.<br>18 KPIs achieved more than 90% |

## Tinjauan Umum Penyampaian Perkhidmatan CIDB

Terdapat 12 inisiatif dan 47 KPI di bawah Teras Strategik 5 yang berkisar daripada memastikan pengurusan dan kepimpinan CITP yang cemerlang, meningkatkan standard dan integriti kesemua pentadbiran dan amalan perniagaan, menambah baik pengurusan levi sehingga kepada memastikan operasi yang selari dengan pejabat-pejabat negeri.

Pada tahun 2017, sebanyak 18 KPI telah dilaksanakan dan kesemuanya telah mencapai kadar pelaksanaan lebih daripada 90% yang melayakkkan KPI-KPI tersebut dikod warnakan sebagai Hijau, menandakan "Way to Go!"

CIDB telah berhasil mencapai 97.3% daripada sasaran. Daripada 47 KPI, 39 telah mencapai lebih 90% sasaran pelaksanaan, lima inisiatif mencapai antara 60%-90% daripada sasaran pelaksanaan, satu KPI mencapai skor lebih rendah daripada 60% manakala dua lagi hanya akan bermula pada tahun 2018.

## Hasil Inisiatif di bawah Teras Strategik 5

### S1 – Memastikan pengurusan dan kepimpinan CITP yang cemerlang

Terdapat sebuah KPI di bawah inisiatif ini yang telah mencapai kadar pelaksanaan sebanyak 100%.

Berikutnya inisiatif untuk menghasilkan Laporan Prestasi CITP dua kali setahun bermula tahun 2016, Laporan CITP No. 2 telah dikeluarkan pada bulan Oktober 2017 manakala Laporan CITP No. 3 telah disiapkan dan dibentangkan dalam Mesyuarat Pengurusan Pelaksanaan Program Bil 4/2017 pada 17 November tahun yang sama.

Bagi meningkatkan lagi kepimpinan dan pengurusan, segala isu yang timbul telah disampaikan ke Kumpulan Kerja Teknikal (KKT) dan Jawatankuasa Kementerian (MC) untuk diputuskan, diselesaikan ataupun dibawa ke peringkat pentadbiran yang lebih tinggi.

## An Overview of CIDB's Service Delivery

There are 12 initiatives and 47 KPIs under Strategic Thrust 5. These range from ensuring outstanding CITP leadership and management, elevating standards and integrity of all internal Business Practices & Administration, improving the levy management and ensuring well-aligned operations with state offices.

In 2017, 18 KPIs were implemented, of which all 18 had a fulfilment rate of more than 90%, which earned them a traffic light colour-code of Green for Way to Go!

CIDB has managed to meet 97.3% of the targets. From the 47 KPIs, 39 have achieved more than 90% of the implementation target, five initiatives managed to achieve between 60%-90% of the implementation target, one (1) KPI scored lower than 60% while two (2) of the KPIs will only commence in 2018.

## Result of Initiatives Under Strategic Thrust 5

### S1 – Ensure outstanding CITP leadership & management

There was one KPI under this initiative, which achieved a 100% completion rate.

Following the initiative to produce the CITP Progress Report twice a year beginning 2016, CITP Report No. 2 was produced in October 2017 while CITP Report No. 3 was completed and presented at Mesyuarat Pengurusan Pelaksanaan Program Bil. 4/2017 on 17 November the same year.

Furthermore, in order to further enhance leadership and management, all issues escalated to the Technical Working Group (TWG) and Ministerial Committee (MC) were made sure to be decided upon, resolved or escalated to the higher governance level.

## S2 – Meningkatkan standard & integriti pentadbiran & amalan perniagaan dalaman

Terdapat 15 KPI di bawah inisiatif ini di mana 14 daripadanya telah mencapai 100% kadar pelaksanaan manakala satu lagi mencapai 97.6% kadar pelaksanaan.

Inisiatif ini bertujuan bagi menambah baik tahap penyampaian perkhidmatan untuk bahagian-bahagian yang berkaitan. Oleh itu, konsultan telah dilantik untuk mengadakan soal selidik untuk kesemua 1,293 staf pada bulan Disember 2017. Soalan kaji selidik ini mengkaji interaksi staf dengan enam bahagian dalam CIDB serta tahap kepuasan mereka dengan perkhidmatan yang disediakan.



### S2 – Elevate standard & integrity of all internal business practices & administration

*Under these sub-initiatives, there were 15 KPIs, out of which 14 achieved a 100% completion rate while one had a completion rate of 97.6%.*

*This initiative aims to continuously improve the level of service delivery for the related divisions. As such a consultant was appointed to come up with questionnaires which were then circulated internally to all 1,293 staff in December 2017. These questionnaires surveyed the staff on their interactions with the six divisions in CIDB, and measured their satisfaction with the service provided.*

Indeks kepuasan staf ini mengambil kira enam kriteria – informasi perkhidmatan, kecekapan penyampaian perkhidmatan, kompetensi staf, pengurusan proses kerja, usaha dan perhatian staf dan usaha bagi menambah baik kualiti. Skor purata merupakan 7.28 berbanding skor sasaran sebanyak 6.0. Namun begitu, daripada 1,293 borang kaji selidik yang diagihkan, hanya 542 (42%) borang yang dikembalikan dengan lengkap.

Perkhidmatan penyelenggaraan dan pengurusan aset-aset pejabat juga telah melalui penambahan yang berterusan. Pada tahun 2017, semua perkhidmatan penyelenggaraan telah dilakukan seperti yang dijadualkan. Hal ini termasuklah penyelenggaraan berkala perkakas ICT seperti PC dan pencetak, penyelenggaraan pembersihan bulanan pejabat, penyelenggaraan pendingin hawa dan penyelenggaraan kenderaan. Sebuah Polisi ICT juga telah diluluskan untuk memastikan tahap perkhidmatan ICT cemerlang dan memuaskan bagi semua bahagian.

CIDB juga menyasarkan untuk meningkatkan tahap kepuasan untuk semua khidmat dan nasihat perundangan, khususnya dari segi nasihat, semakan, penyediaan kontrak/dokumen undang-undang, tindakan sivil di mahkamah untuk pengumpulan dan pemulihan hutang, serta kecekapan pendakwaan di mahkamah untuk mengatasi masalah ketidakpatuhan kepada Akta 520.

Oleh itu, sebuah garis panduan untuk semakan perundangan telah dibangunkan, disempurnakan dan diedarkan secara dalaman di CIDB. CIDB juga telah membangunkan sebuah *Standard Operating Procedure (SOP)* dalaman dan mengadakan sesi latihan bagi melatih *desk person* mengenai SOP tersebut. Bagi mengatasi masalah ketidakpatuhan kepada Akta 520, bengkel untuk pegawai penyiasat bagi meningkatkan kecekapan dalam menyediakan kertas siasatan telah diadakan dan garis panduan *charge element* bagi Akta 520 telah dibangunkan. Sebuah sesi *brainstorming* meja bulat dengan Bahagian Pendakwaan Pejabat Awam Negeri juga telah diadakan.

CIDB juga telah memastikan bahawa kesemua bayaran dibuat dalam masa 14 hari bekerja setelah penerimaan dokumen pembayaran yang lengkap. Hal ini dilakukan bagi meningkatkan amalan pengurusan dan integriti kewangan CIDB.

## S3 – Menambah baik pengurusan levi

Terdapat tiga KPI di bawah inisiatif ini, di mana kesemuanya telah mencapai kadar pelaksanaan sebanyak 100%.

Di bawah inisiatif ini, CID menyasarkan untuk mengutip 75% levi dalam tempoh liabiliti menjelang tahun 2020. Pada tahun 2017, kadar kutipan levi merupakan 67.93% berbanding kutipan tahun lepas sebanyak 65%. Untuk tahun 2017 secara amnya, terdapat pengurangan sebanyak 61% secara kumulatif untuk levi tidak terbayar.

*This staff satisfaction index measured six criteria – service information, efficiency of service delivery, staff competency, works process management, staff effort and attentiveness and quality improvement efforts. The average score was 7.28, as compared with a targeted score of 6.0. However, out of the 1,293 questionnaires sent out, only 542 (42%) returned completed forms.*

*Maintenance service and management of office assets also underwent continuous improvements. In 2017, all maintenance service has been provided as scheduled. This includes quarterly servicing of ICT equipment like PCs and printers, monthly office cleaning maintenance, air-cond maintenance and vehicle maintenance. An ICT Policy was also approved in order to ensure that the ICT level of service is excellent and satisfactory to all divisions.*

*CIDB also aims to improve the satisfactory level of legal advices and services, particularly in terms of advisory, revision, preparation of contract/legal document, civil action in court for debt collection and recovery, as well as efficiency of prosecution in court to overcome non-compliance to Act 520.*

*Thus, a guideline for legal review was developed, completed and circulated internally in 2017. CIDB also developed an internal Standard Operating Procedure (SOP) and held training sessions for the desk person on the internal SOP. In order to overcome the non-compliance to Act 520, workshops for investigation officer to enhance the efficiency in preparing the investigation paper were held and a charge element guideline of the Act 520 was developed. A roundtable brainstorming with Prosecution Department of State's General Office was also held.*

*CIDB has also ensured that 95% of all payments were made within 14 working days upon receiving complete documents for payment. This is in order to improve CIDB's financial management practices and integrity.*

## S3 – Improve levy management

*There were three KPIs under this initiative, of which all achieved 100% completion rate.*

*Under this initiative, CIDB aims to collect 75% of the levy within the liability period by 2020. In 2017, there was a levy collection rate of 67.93%, which was higher than the year's target of 65%. For the year as a whole, the levy collection rate was 92%, which exceeded the target of 85%. In addition, there was a 61% reduction in cumulative unpaid levy during the year in review.*

#### S4 – Memastikan penguatkuasaan yang berkesan

Terdapat dua KPI di bawah inisiatif ini dan kedua-duanya telah mencapai kadar pelaksanaan sebanyak 100%.

Bagi menguatkuasakan dan meningkatkan kepatuhan terhadap Akta 520, CIDB telah menjalankan beberapa operasi bertujuan untuk menggiatkan pemeriksaan tapak dan operasi dan meningkatkan kepatuhan terhadap Akta 520. Pada tahun dalam tinjauan, 3,164 tapak pembinaan telah berjaya diperiksa. 31 Operasi Bersepadan dan empat Operasi Khas telah dijalankan iaitu Operasi Khas Bahan Binaan (*Radiant Barrier*) pada 9 Oktober 2017, Operasi Khas Bahan Binaan (*Spun Pile*) pada 14 Oktober, Operasi Khas Bahan Binaan (*Glass and Ceramic*) dan Operasi Khas MCKIP Gebeng (Ops Sergah) pada 9 November.

#### S5 – Memacu kecemerlangan dalam Pengurusan Pemprosesan Pusat

Terdapat dua KPI di bawah inisiatif ini dan kedua-duanya telah mencapai 100% kadar pelaksanaan.

Bagi memacu kecemerlangan dalam Pengurusan Pemprosesan Pusat, CIDB telah berjaya melaksanakan 99.9% proses-proses berpusat dalam talian seperti pendaftaran kontraktor, levi, SCORE dan servis Pendaftaran Binaan/Kad Hijau.

#### S6 – Memastikan pengurusan strategi closed-loop yang berjaya

Terdapat dua KPI di bawah inisiatif ini dan kedua-duanya telah mencapai 100% kadar pelaksanaan.

CIDB bermatlamat untuk menjadi Organisasi Berfokuskan Strategi menjelang 2019 dan ia telah memastikan kesemua staf P&P di bawah Unit Strategik telah menjalani dua kursus; *i) System thinking approach to strategic management* dan *ii) Doing great by doing good: How profitable strategies deliver positive impact*. Kursus-kursus ini bertujuan untuk mengukuhkan amalan pengurusan strategi untuk CIDB.

Sebagai tambahan, kesemua inisiatif di bawah ST5 dan ST6 adalah tertakluk kepada tinjauan tahunan. Hal ini memastikan penajaran yang berterusan untuk prestasi CIDB melalui pelaksanaan rangka kerja pengurusan prestasi dan sistem laporan yang berstruktur.

#### S4 – Ensure highly effective enforcement

*There were two KPIs under this initiative, all of which had a completion rate of 100%.*

*To enforce and increase compliance to Act 520, CIDB has carried on several operations. These operations were done in order to intensify site inspection and operations and increase the compliance to Act 520. During the year in review, 3,164 construction sites were successfully inspected. This was in order to increase compliance to Compliance Act 520. 31 Operasi Bersepadan and four (4) Operasi Khas were carried out including Operasi Khas Bahan Binaan (*Radiant Barrier*) on 9 October 2017, Operasi Khas Bahan Binaan (*Spun Pile*) on 14 October, Operasi Khas Bahan Binaan (*Glass and Ceramic*) and Operasi Khas MCKIP Gebeng (Ops Sergah) on 9 November.*

#### S5 – Drive excellence in Central Processing Management

*There were two KPIs under this initiative, both of which had a 100% completion rate.*

*In order to drive excellence in Central Processing Management, CIDB has managed to complete 99.9% centralised online processes such as contractor registration, levy, SCORE and Construction Registration/ Green Card services.*

#### S6 – Ensure successful closed-loop strategy management

*There were two KPIs under this initiative, both of which achieved a 100% completion rate.*

*As CIDB aims to become a Strategy-Focused Organisation by 2019, it has ensured that all P&P staff under the Strategic Unit have undergone two courses; *i) System thinking approach to strategic management* and *ii) Doing great by doing good: How profitable strategies deliver positive impact*. These courses are aimed to strengthen the practices for strategy management for CIDB.*

*In addition all initiatives under ST5 and ST6 are subject to annual reviews. This ensures the continuous alignment of CIDB performance through the implementation of performance management framework and structured reporting system.*

#### S7 – Melaksanakan amalan pengurusan risiko

Terdapat sebuah KPI di bawah inisiatif ini dalam tahun 2017 dan ia telah mencapai 100% kadar pelaksanaan.

Bagi memastikan kesemua faktor risiko dan pelan mitigasi untuk kesemua prosedur kerja CIDB diluluskan dan dilaksanakan bermula tahun 2018, sebuah Manual Pengurusan Risiko telah dibangunkan pada bulan Mei 2017.

#### S8 - Membangunkan tenaga kerja yang sangat kompeten

Terdapat tiga KPI di bawah inisiatif ini, kesemuanya mencapai kadar pelaksanaan 100%.

Selaras dengan matlamat CIDB untuk memastikan semua kakitangan mencapai tahap kompetensi yang disasarkan menjelang 2020, CIDB telah memuktamadkan Deskripsi Kerja dan Struktur CIDB yang kemudiannya dimuat naik ke E-Training CIDB Malaysia. Hal ini juga termasuk memuktamadkan keluarga kerja dan rangka kerja kompetensi, pemetaan kompetensi, serta analisis data penilaian kaji selidik TNA/TNI.

Di samping itu, Polisi dan Garis Panduan Perolehan Bakat juga telah dimuktamadkan dan diluluskan di peringkat sektorl sebagai sebahagian daripada inisiatif untuk mengukuhkan pengurusan bakat dan perancangan penggantian. Sebuah sesi penglibatan telah diadakan dengan agensi seperti Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA), Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) dan Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran (PTPK).

CIDB juga telah meluluskan dan memuktamadkan Terma Rujukan (RR) untuk perundingan perancangan penggantian di peringkat sektorl dan juga mengadakan sesi penglibatan dengan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), Universiti Putra Malaysia (UPM) dan Felda Ventures Berhad (FGV).

Sesi penglibatan ini bertujuan sebagai platform untuk berkongsi maklumat dan pengalaman, menyelesaikan isu-isu, meringankan dan meramalkan risiko serta menonjolkan kejayaan pengurusan dan pembangunan sumber manusia di agensi berkaitan.

#### S7 – Implement risk management practices

*There was one KPI under this initiative in 2017, which achieved a 100% completion rate.*

*In order to ensure all risk factors and mitigation plan for all relevant CIDB work procedures approved and implemented starting from 2018, a Risk Management Manual was developed in May 2017.*

#### S8 – Develop highly competent workforce

*There were three KPIs under this initiative, all of which achieved a 100% completion rate.*

*In line with CIDB's aim to have all staff achieve their target level of competency by 2020, CIDB finalised the Job Description and CIDB Structure which were then uploaded to E-Training CIDB Malaysia. This also includes the finalising of job families and competency mapping, as well the analysis of TNA/TNI survey assessment data.*

*Besides, the Talent Acquisition Policy & Guideline has also been finalised and approved at sectoral level, as part of the initiative to strengthen talent management and succession planning.*

*An engagement session was held with agencies such as Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA), Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) and Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran (PTPK).*

*CIDB has also approved and finalised the Terms of Reference (ToR) for the consultancy on succession planning in sectoral level and has also held engagement sessions with Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), Universiti Putra Malaysia (UPM) and Felda Ventures Berhad (FGV).*

*The purpose of these engagement sessions were to serve as a platform for sharing of information and experiences, resolving issues, mitigating and forecasting risks as well as highlighting the success on the management and development of human resource in relevant agencies.*

## S9 - Meningkatkan penggunaan teknologi tinggi & sistem

Terdapat dua KPI di bawah inisiatif ini, dengan kadar pelaksanaan sebanyak 100%.

Pada tahun 2017, Perjanjian Tahap Perkhidmatan (SLA) untuk rangkaian dan pelayan dipantau, mencapai 99.7% system uptime. Ketersediaan tinggi (HA) untuk rangkaian dan pelayan juga disediakan oleh Pusat Data. 97% isu-isu IT telah diselesaikan mengikut SLA, termasuklah pelaksanaan penyelenggaraan Pencegahan suku tahunan untuk terminal pengguna dan pelayan.

## S10 - Memupuk budaya yang menghargai "sense of purpose" dalam semua aspek

Terdapat satu KPI di bawah inisiatif ini yang mencapai kadar pelaksanaan sebanyak 100%.

*Sense of purpose* adalah intipati untuk Nilai CIDB di mana setiap kakitangan perlu merasa seperti mereka adalah sebahagian daripada pasukan. Oleh itu, program "Satu Hati Satu CIDB" telah diluluskan pada peringkat sektor pada 2017. 33 kakitangan telah mengambil bahagian dalam pertandingan reka bentuk logo yang dilancarkan oleh Ketua Pegawai Eksekutif pada Januari 2018.

## S11 - Memastikan operasi yang seajar dengan pejabat negeri

Terdapat 15 KPI secara menyeluruh di bawah inisiatif ini, yang mana hanya empat yang aktif pada tahun 2017. Tiga daripada KPI tersebut mencapai 100% penyelesaian manakala satu mencapai 99.7 peratus.

CIDB telah berjaya mengeluarkan sijil kelulusan (CoA) bagi bahan-bahan binaan yang diimport dalam tempoh tiga (3) hari dari tarikh pengesahan oleh pejabat-pejabat negeri, menjalankan 24, 600 penilaian mengenai kompetensi pekerja mahir yang dilaksanakan oleh Pusat Penilaian Bertauliah menerusi Pejabat Negeri CIDB. Sasaran yang ditetapkan oleh CIDB untuk latihan dan penilaian tahunan yang dipantau oleh Pejabat Negeri CIDB juga telah berjaya dicapai.

Ia juga berjaya menilai 2500 penyelia tapak, memeriksa 3,200 tapak pembinaan dan berjaya mendapatkan 2,500 kontraktor untuk menjalani penilaian SCORE pada tahun 2017 yang juga dijangka meningkat kepada 3,500 menjelang tahun 2020.

## S12 - Memastikan penyampaian cemerlang oleh anak-anak syarikat untuk memenuhi fungsi CIDB

Terdapat 34 KPI di bawah inisiatif ini tetapi hanya satu KPI yang aktif pada tahun 2017, dan telah mencapai sasaran kadar kemajuan sebanyak 40%.

### S9 – Enhance the use of high technology & systems

*There were two KPIs under this initiative, with a 100% completion rate.*

*In 2017, the Service Level Agreement (SLA) for the network and server was monitored, achieving 99.7% system uptime. High availability (HA) for networks and server were also provided by the Data Centre. 97% of IT issues were resolved as per the SLA which includes the implementation of preventive maintenance quarterly for user terminals and servers.*

### S10 – Cultivate the culture which values "sense of purpose" in all aspects

*There was one KPI under this initiative which achieved a 100% completion rate.*

*Sense of purpose is the essence to CIDB Value in which every staff needs to feel like they are part of a team. Therefore, the "Satu Hati Satu CIDB" programme was approved in sectoral level in 2017. 33 staff has participated in its logo design contest – launched by the CEO in January 2018.*

### S11 – Ensure well-aligned operations with state offices

*There were 15 KPIs in total under this initiative, of which only four were active in 2017. Three of the KPIs achieved a 100% completion rate while one had a 99.7 completion rate.*

*CIDB has managed to issue certificate of approval (CoA) for imported building materials within three (3) days from the verification date by the state offices, conduct 24, 600 assessments on competency of skilled workers executed by Accredited Assessment Centres via CIDB State Offices and managed to reach 100% targeted annual training and assessment that is monitored by CIDB State Offices, among all.*

*It has also managed to assess 2500 site supervisors, inspect 3,200 construction sites and managed to get 2,500 contractors to undergo the SCORE evaluation in 2017 which is also expected to increase to 3,500 by 2020.*

### S12 – Ensure excellent delivery by subsidiary companies to fulfil CIDB function

*There were 34 KPIs under this initiative but only one KPI was active in 2017, which has met its progress rate target of 40%.*



Oleh kerana CIDB menyasarkan untuk meningkatkan standard kemahiran melalui penglibatan dalam Pertandingan Kemahiran, ia telah memanfaatkan standard dan keupayaan kemahiran ABM secara berterusan dengan mencapai pengiktirafan melalui menyertai Pertandingan Kemahiran di peringkat kebangsaan & antarabangsa.

Pada tahun 2017, dua pelatih dari CIDB telah dihantar untuk menyertai Pertandingan WorldSkills (WSC) yang dianjurkan oleh WordSkills di Abu Dhabi. Pertandingan WorldSkills ini diadakan setiap dua tahun dan merupakan acara pendidikan vokasional dan kecemerlangan kemahiran terbesar di dunia yang benar-benar mencerminkan industri global. Empat pelatih juga dihantar ke Pertandingan World Skill Malaysia Belia (WSMB) pada tahun 2017 dan disasarkan untuk memenangi pingat.

As CIDB is set to improve skill standards through involvement in Skill Competition, it has continuously leveraged ABM skill standards and capability by achieving recognition through participating in Skill Competition at national & international level.

In 2017, two trainees from CIDB were sent to participate in the WorldSkills Competition (WSC) organised by WordSkills in Abu Dhabi. The WorldSkills Competition is held every two years and is the biggest vocational education and skills excellence event in the world that truly reflects global industry. Four trainees were also sent to the World Skill Malaysia Belia (WSMB) in 2017 and were targeted to win a medal.



## PENJENAMAAN KORPORAT: CIDB MENCAPI PERSEPSI POSITIF DAN KEPERCAYAAN DARI PIHAK BERKEPENTINGAN

*CORPORATE BRANDING : CIDB ATTAINS POSITIVE PERCEPTION AND TRUST OF OUR STAKEHOLDERS*

### TERAS STRATEGIK 6 PENJENAMAAN KORPORAT

Matlamat Teras Strategik ini adalah untuk meningkatkan imej korporat CIDB dan nilai jenamanya, seterusnya meningkatkan kepercayaan terhadap tanggungjawabnya sebagai pengawal selia, pemudah cara dan pemacu industri pembinaan Malaysia. Dengan meningkatkan imejnya dalam aspek ini, CIDB bertujuan untuk memperhebat kedudukannya kerana persepsi awam yang positif dapat menjana kepercayaan yang lebih besar, dan akan melancarkan pelaksanaan tugas-tugas CIDB.

### STRATEGIC THRUST 6 CORPORATE BRANDING

*The purpose of this Strategic Thrust is to enhance CIDB's corporate image and brand value, so as to strengthen confidence in its role as the regulator, facilitator and driver of the Malaysian construction industry. By enhancing its image in this regard, CIDB aims to reinforce its position, as positive public perception engenders greater trust, which in turn smoothens the execution of CIDB's duties.*

### Maklumat Utama Inisiatif Teras Strategik 6 Pada Tahun 2017 dan Hasilnya

*Highlights of Strategic Thrust 6 Initiatives in 2017 and Their Respective Results*

| Inisiatif<br>Initiatives   | Pencapaian Utama<br>Key Results  |
|--|--|
| Mewujudkan polisi dan garis panduan komunikasi menjelang tahun 2018<br><i>Establish communications policy and guidelines by 2018</i>   | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Polisi berkenaan pengurusan acara dan hadiah korporat ditetapkan pada bulan April dan Mei<br/><i>Policies on event management and corporate gifts set in April and May respectively.</i></li> <li>• Bengkel dengan bahagian-bahagian dan anak-anak syarikat CIDB dijalankan<br/><i>Workshop with CIDB divisions and subsidiaries organised.</i></li> <li>• Soal selidik untuk kesemua anak syarikat CIDB mengenai polisi dan garis panduan dihasilkan<br/><i>Questionnaire for all CIDB subsidiaries on communications policy and guidelines drafted</i></li> </ul> |
| Menerbitkan manual identiti korporat CIDB menjelang penghujung tahun 2018<br><i>Publish CIDB corporate identity manual by end 2018</i> | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Vendor dilantik untuk menghasilkan dan menerbitkan Manual Identiti Korporat<br/><i>Vendor to produce and publish Corporate Identity Manual appointed</i></li> </ul>   |
| Majalah Heights<br><i>Heights magazine</i>   | <ul style="list-style-type: none"> <li>• 4 isu majalah Heights diterbitkan sepanjang tahun 2017<br/><i>4 issues of Heights magazine published in 2017</i></li> </ul>   |
| Panggilan "One and Done"<br><i>"One and Done" calls</i>  | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Kadar penyelesaian untuk panggilan "One and Done" mencapai 88.41% berbanding sasaran sebanyak 70%<br/><i>Resolution rate for "One and Done" calls at 88.41% against a target of 70%</i></li> </ul>  |
| Kadar penyelesaian e-Bantuan<br><i>e-Bantuan resolution rate</i>   | <ul style="list-style-type: none"> <li>• 98.52% maklum balas melalui e-Bantuan pada tahun 2017 diselesaikan dalam tempoh 10 hari bekerja berbanding sasaran sebanyak 80%<br/><i>98.52% of e-Bantuan feedback in 2017 resolved within 10 working days against target of 80%.</i></li> </ul>   |

### C1 – Memperhebat Standard Tinggi Khidmat Pelanggan dan Komunikasi

#### Ringkasan Pencapaian

- Jumlah Keseluruhan Inisiatif – 1
- Jumlah Keseluruhan KPI – 5
- Prestasi – 5

#### Ringkasan Sektor

Terdapat sebanyak 14 KPI di bawah Teras Strategik 6, di mana lima daripadanya telah dijalankan dan sembilan dijangka bermula pada tahun 2018. Lima KPI tersebut telah dikod warnakan hijau untuk "Way to Go" yang menandakan kadar pencapaian yang melebihi 90%.

### C1 – Intensify High Standards of Customer Service and Communication

#### Summary of Achievements

- Total Number of Initiatives – 1
- Total Number of KPIs – 5
- Performance – 5 KPIs achieved more than 90%

#### Overview of the Sector

There are a total of 14 KPIs under Strategic Thrust 6, of which five are being carried out and nine due to commence in 2018. All five KPIs for 2017 were colour-coded green for "Way to Go" which denotes an achievement rate of more than 90%. CIDB AR – Strategic Thrust 6



## Hasil Inisiatif di bawah Teras Strategik 6

### C1-049 – Mewujudkan Polisi dan Garis Panduan Komunikasi Menjelang 2018

Bagi meningkatkan jangkauan dan membolehkan penyebaran polisi dan aktiviti-aktiviti CIDB dengan lebih berkesan, KPI ini bermatlamat untuk mewujudkan sebuah polisi dan garis panduan untuk komunikasi menjelang tahun 2018. Hal ini terletak di bawah sub-inisiatif C1b yang bertujuan untuk mencapai kejayaan dalam komunikasi korporat. Oleh itu, pada tahun 2017, aktiviti-aktiviti yang dijalankan adalah termasuk menetapkan polisi berkenaan pengurusan acara dan hadiah korporat. Polisi berkenaan pengurusan acara telah diwujudkan pada bulan April manakala polisi berkenaan hadiah korporat diwujudkan pada bulan Mei, dan kedua-duanya telah diedarkan kepada staf-staf CIDB. Dengan ini, para staf dan anak syarikat CIDB tahu akan prosedur dan tindakan yang sepatutnya diambil dalam keadaan berkaitan.

### Results of Initiatives Under Strategic Thrust 6

#### C1-049 – Establish Communication Policy and Guideline by 2018

*In order to enhance outreach and enable more effective dissemination of CIDB's policies and activities, this KPI seeks to establish a policy and guideline for communications by 2018. This falls under sub-initiative C1b which aims to achieve excellence in corporate communication. As such, in 2017, activities carried out with regards to this include the setting of policies on event management and corporate gifts. The former was established in April and the latter in May, and both have been distributed to CIDB staff. With this, staff of CIDB and its subsidiaries are better informed of the right procedures and actions to take in such instances.*

Tambahan pula, sebuah bengkel bersama bahagian-bahagian dan anak syarikat CIDB telah dijalankan pada tahun 2017, manakala sebuah soal selidik mengenai polisi dan garis panduan komunikasi telah dirangka dan akan diberikan kepada semua anak syarikat CIDB. Maklumat-maklumat daripada soal selidik itu akan dikumpulkan dan draf garis panduan tersebut akan disediakan menjelang Q2 2018.

### C1-05 – Menerbitkan Manual Identiti Korporat CIDB Menjelang Akhir 2018

Sebuah lagi KPI di bawah sub-inisiatif C1b adalah untuk menerbitkan Manual Identiti Korporat CIDB menjelang pengakhiran tahun 2018. Setelah berhasil menambah baik industri pembinaan Malaysia secara keseluruhan pada tahun sebelumnya, CIDB telah berusaha untuk mengukuhkan jenamanya pada tahun 2017.

Oleh itu, vendor untuk menghasil dan menerbitkan Manual Identiti Korporat tersebut telah dipilih pada tahun 2017. Manual ini dicetak pada Q3 2017 dan diagihkan kepada para staf menjelang suku keempat tahun yang sama dan akan menjadi bahan rujukan sehenti untuk identiti jenama CIDB.

### C1-051 – Menerbitkan empat isu majalah industri "Heights" dalam setahun

Diterbitkan oleh CIDB, Heights merupakan majalah suku tahunan yang dikonseptualisasikan bagi menunjukkan amalan terbaik serta trend terkini dalam sektor pembinaan, dan dalam masa yang sama menyerlahkan inisiatif CIDB. Secara keseluruhannya, penerbitan Heights mengukuhkan peranan CIDB sebagai juara dalam industri dan menaikkannya ke tahap yang lebih tinggi.

Di bawah KPI ini, CIDB ditugaskan untuk menerbitkan empat isu majalah Heights setiap tahun. KPI ini hanya dimulakan pada tahun 2017 dan ia telah berjaya dicapai dengan penyusunan kandungan dan pencetakan majalah tersebut dilakukan dalam tempoh yang sama.

### C1-056 – Kadar penyelesaian bagi panggilan "One and Done" sebanyak 70%

Dibawah sub-inisiatif C1c, CIDB bermatlamat untuk mencapai kejayaan dalam pengurusan servis dan pusat panggilannya. Hal ini berkait rapat dengan misi keseluruhan teras strategik ini untuk memperhebat lagi standard yang tinggi dalam khidmat pelanggannya.

*Furthermore, a workshop with CIDB divisions and subsidiaries was organised in Q4 of the year in review, while a questionnaire on communications policy and guidelines was drafted which will be given to all CIDB subsidiaries. The information from the questionnaire is to be compiled and then the draft of the guidelines will be prepared by Q2 2018.*

### C1-050 – Publish CIDB Corporate Identity Manual by end 2018

*Another KPI under sub-initiative C1b seeks for the CIDB Corporate Identity Manual to be published by end 2018. Having already helped enhanced the overall construction industry in Malaysia the previous year, CIDB was seeking to strengthen its own brand in 2017. CIDB AR – Strategic Thrust 6*

*As such, the vendor to produce and publish the Corporate Identity Manual was appointed during the year in review. This manual is set to be printed by Q3 2017 and distributed to all CIDB staff by Q4 of the same year, and will act as single-stop reference for CIDB's brand identity.*

### C1-051 – Publish four issues of industry magazine Heights annually

*Published by CIDB, Heights is a quarterly magazine conceptualised to showcase best practices and the latest trends in the construction sector, while also highlighting initiatives by the agency. All in all, the publication of Heights affirms CIDB's role as a champion of the industry, seeking to raise it up to new levels.*

*Under this KPI, CIDB is tasked with publishing four issues of Heights per year. As the KPI started in Q4 2017, it managed to achieve its target with the compilation of content and printing of the magazine during the same period.*

### C1-056 – “One and Done” call resolution rates at 70%

*Under sub-initiative C1c, CIDB aims to achieve excellence in call centre and service management. This ties in with the overall mission of the strategic thrust to intensify high standards in customer service.*

Oleh itu, sistem panggilan “One and Done” telah diwujudkan. Nama sistem ini diperolehi daripada objektifnya untuk menyelesaikan masalah pelanggan melalui satu panggilan sahaja tanpa penglibatan mana-mana pihak lain. Sepanjang tahun 2017, kadar penyelesaian sebanyak 88.41% telah dicapai berbanding sasaran sebanyak 70%.

#### C1-092 – Kadar penyelesaian untuk E-Bantuan dalam 10 hari bekerja sebanyak 80%

Kemajuan era digital bermakna para pelanggan dapat mendekati CIDB dalam pelbagai cara selain telefon, pos dan hadir sendiri ke pejabat. Oleh itu, CIDB telah mewujudkan sistem e-Bantuan yang membolehkan masyarakat untuk memberi maklum balas secara dalam talian.

Di bawah KPI ini, sebuah sasaran telah ditetapkan di mana 80% daripada maklum balas yang diterima melalui e-Bantuan harus diselesaikan dalam tempoh 10 hari bekerja. Sepanjang tahun 2017, kadar pencapaian untuk KPI ini merupakan 98.52%.

*As such the “One and Done” call system was devised. The name is derived from the objective of resolving customers’ problems within one phone call without any other party being involved. In 2017, a resolution rate of 88.41% was reached, against a target of 70%. CIDB AR – Strategic Thrust 6*

#### C1-092 – 80% of e-Bantuan resolution rate is within 10 working days

*The advent of the digital age has meant that customers can reach out to CIDB in other ways besides phone, post and physically walking into the office. As such, CIDB has set up the e-Bantuan system, which allows members of the public to give in feedback online.*

*Under this KPI, a target has been set where 80% of e-Bantuan feedback has to be resolved within 10 working days. In 2017, the achievement rate for this KPI stood at 98.52%.*



**PENYATA KEWANGAN  
CIDB 2017**  
*CIDB FINANCIAL STATEMENTS 2017*



**LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA  
MENGENAI PENYATA KEWANGAN  
LEMBAGA PEMBANGUNAN INDUSTRI PEMBINAAN MALAYSIA  
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017**

**Laporan Mengenai Penyata Kewangan**

**Pendapat**

Penyata Kewangan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia telah diaudit oleh wakil saya yang merangkumi Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2017 dan Penyata Pendapatan Komprehensif, Penyata Perubahan Dalam Ekuiti serta Penyata Aliran Tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut, ringkasan dasar perakaunan yang signifikan dan nota kepada penyata kewangan seperti dinyatakan pada muka surat 3 hingga 50.

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia dan Kumpulan pada 31 Disember 2017 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan di Malaysia dan Akta Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia 1994.

**Asas Kepada Pendapat**

Saya telah melaksanakan pengauditan berdasarkan Akta Audit 1957 dan *The International Standards of Supreme Audit Institutions*. Tanggungjawab saya dihuraikan selanjutnya di Perenggan Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan dalam laporan ini. Saya percaya bahawa bukti audit yang diperoleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas kepada pendapat saya.

**Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain**

Saya adalah bebas daripada Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia dan Kumpulan serta telah memenuhi tanggungjawab etika lain berdasarkan *The International Standards of Supreme Audit Institutions*.

**Maklumat Lain Selain Daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit Mengenainya**

Anggota Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia bertanggungjawab terhadap maklumat lain dalam Laporan Tahunan. Pendapat saya terhadap Penyata Kewangan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia dan Kumpulan tidak meliputi maklumat lain selain daripada penyata kewangan dan Laporan Juruaudit mengenainya dan saya tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan jaminan mengenainya.

**Tanggungjawab Anggota Lembaga Terhadap Penyata Kewangan**

Anggota Lembaga bertanggungjawab terhadap penyediaan Penyata Kewangan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia dan Kumpulan yang memberi gambaran benar dan saksama selaras dengan piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan di Malaysia dan Akta Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia 1994. Anggota Lembaga juga bertanggungjawab terhadap penetapan kawalan dalaman yang perlu bagi membolehkan penyediaan Penyata Kewangan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia dan Kumpulan yang bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan.

Semasa penyediaan Penyata Kewangan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia dan Kumpulan, Anggota Lembaga bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia dan Kumpulan untuk beroperasi sebagai satu usaha berterusan, mendedahkannya jika berkaitan serta menggunakan sebagaimana asas perakaunan.

**Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan**

Objektif saya adalah untuk memperoleh keyakinan yang munasabah sama ada Penyata Kewangan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia dan Kumpulan secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, dan mengeluarkan Laporan Juruaudit yang merangkumi pendapat saya. Jaminan yang munasabah adalah satu tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut *The International Standards of Supreme Audit Institutions* akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh wujud daripada fraud atau kesilapan dan dianggap ketara sama ada secara individu atau agregat sekiranya boleh dijangkakan dengan munasabah untuk mempengaruhi keputusan ekonomi yang dibuat oleh pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada pengauditan mengikut *The International Standards of Supreme Audit Institutions*, saya menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang pengauditan. Saya juga:

- a. Mengenal pasti dan menilai risiko salah nyata ketara dalam Penyata Kewangan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia dan Kumpulan, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, merangka dan melaksanakan prosedur audit terhadap risiko berkenaan serta mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas kepada pendapat saya. Risiko untuk tidak mengesan salah nyata ketara akibat daripada fraud adalah lebih tinggi daripada kesilapan kerana fraud mungkin melibatkan pakatan, pemalsuan, ketinggalan yang disengajakan, gambaran yang salah, atau mengatasi kawalan dalaman.
- b. Memahami kawalan dalaman yang relevan untuk merangka prosedur audit yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia dan Kumpulan.
- c. Menilai kesesuaian dasar perakaunan yang diguna pakai dan kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan oleh Anggota Lembaga.
- d. Membuat kesimpulan terhadap kesesuaian penggunaan asas perakaunan untuk usaha berterusan oleh Anggota Lembaga dan berdasarkan bukti audit yang diperoleh, sama ada wujudnya ketidakpastian ketara yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang mungkin menimbulkan keraguan yang signifikan terhadap keupayaan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia atau Kumpulan sebagai satu usaha berterusan. Jika saya membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian ketara wujud, saya perlu melaporkan dalam Laporan Juruaudit terhadap pendedahan yang berkaitan dalam Penyata Kewangan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia dan Kumpulan atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, pendapat saya akan diubah. Kesimpulan saya dibuat berdasarkan bukti audit yang diperoleh sehingga tarikh Laporan Juruaudit.
- e. Menilai sama ada keseluruhan perseimbahan termasuk pendedahan Penyata Kewangan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia dan Kumpulan memberi gambaran yang saksama.
- f. Mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian berkaitan maklumat kewangan entiti dan aktiviti perniagaan dalam Kumpulan untuk memberikan pendapat terhadap Penyata Kewangan Kumpulan. Saya bertanggungjawab untuk hala tuju, pengawasan dan pelaksanaan pengauditan kumpulan. Saya hanya bertanggungjawab terhadap pendapat saya.

Saya telah berkomunikasi dengan Anggota Lembaga, antaranya mengenai skop dan tempoh pengauditan yang dirancang serta penemuan audit yang signifikan termasuk kelemahan kawalan dalaman yang dikenal pasti semasa pengauditan.

#### Laporan Mengenai Keperluan Perundangan dan Peraturan Lain

Berdasarkan keperluan Akta Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia 1994 (Akta 520), saya juga melaporkan perkara berikut:

- a. Pada pendapat saya, rekod perakaunan dan rekod lain yang dikehendaki Akta 520 untuk disimpan oleh Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia telah disimpan dengan sempurna menurut peruntukan Akta 520.
- b. Saya telah mempertimbangkan akaun dan Laporan Juruaudit bagi semua subsidiari yang tidak diaudit oleh saya seperti yang dinyatakan dalam Nota 7 kepada penyata kewangan yang telah dimasukkan dalam akaun disatukan.
- c. Saya berpuas hati bahawa akaun subsidiari yang disatukan dengan Penyata Kewangan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia dalam bentuk dan kandungan yang sesuai dan teratur bagi tujuan penyediaan Penyata Kewangan Kumpulan dan saya juga telah menerima maklumat dan penjelasan yang memuaskan sebagaimana yang dikehendaki bagi tujuan tersebut.
- d. Laporan Juruaudit ke atas akaun subsidiari tidak mengandungi sebarang teguran atau pemerhatian yang boleh menjasakan penyata kewangan.

#### Hal-hal Lain

Laporan ini dibuat untuk Anggota Lembaga dan bukan untuk tujuan lain. Saya tidak bertanggungjawab terhadap pihak lain bagi kandungan laporan ini.



(JOHARI BIN ISMAIL)  
b.p. KETUA AUDIT NEGARA  
MALAYSIA


PUTRAJAYA  
01 OGOS 2018



**PENYATA PENGERUSI DAN SEORANG ANGGOTA LEMBAGA PENGARAH  
LEMBAGA PEMBANGUNAN INDUSTRI PEMBINAAN MALAYSIA**

Kami Tan Sri Dr Ir Ahmad Tajuddin bin Ali dan Dato' Haji Mokhtar bin Samad yang merupakan Pengerusi dan salah seorang Anggota Lembaga Pengarah Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia dengan ini menyatakan bahawa, pada pendapat Lembaga Pengarah, Penyata Kewangan yang mengandungi Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Pendapatan Komprehensif, Penyata Perubahan Dalam Ekuiti dan Penyata Aliran Tunai yang berikut ini berserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya, adalah disediakan untuk menunjukkan pandangan yang benar dan saksama berkenaan dengan kedudukan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia dan Kumpulan pada 31 Disember 2017 dan hasil kendaliannya serta perubahan kedudukan kewangannya bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

Bagi pihak Lembaga




TAN SRI DR IR AHMAD TAJUDDIN BIN ALI  
Pengerusi  
Lembaga Pembangunan  
Industri Pembinaan Malaysia

Tarikh: 31 JULAI 2018

Kuala Lumpur, Malaysia

Bagi pihak Lembaga



DATO' HAJI MOKHTAR BIN SAMAD  
Anggota Lembaga Pengarah  
Lembaga Pembangunan  
Industri Pembinaan Malaysia


Tarikh: 31 JULAI 2018

Kuala Lumpur, Malaysia

**PENGAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA YANG BERTANGGUNGJAWAB  
KE ATAS PENGURUSAN KEWANGAN  
LEMBAGA PEMBANGUNAN INDUSTRI PEMBINAAN MALAYSIA**

Saya, Dato' Ir Ahmad 'Asri bin Abdul Hamid, pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan dan rekod-rekod perakaunan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia dan Kumpulan, dengan ikhlasnya mengakui bahawa Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Pendapatan Komprehensif, Penyata Perubahan Dalam Ekuiti dan Penyata Aliran Tunai dalam kedudukan kewangan yang berikut ini berserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya, mengikut sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya, adalah betul dan saya membuat ikrar ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa ia adalah benar dan atas kehendak-kehendak Akta Akuan Berkanun, 1960.

Sebenarnya dan sesungguhnya )  
diakui oleh penama di atas di )  
Kuala Lumpur pada 31 JUL 2018 ) .....



Di hadapan saya,

PESURUJAYA SUMPAH  
W 678  
KAPT (B) AFFANDI  
BIN AHMAD

.....  
1 JAN 2017 - 31 DIS 2018  
PESURUJAYA SUMPAH  
MALAYSIA

No. 86, Jalan Putra  
50350 Kuala Lumpur

**LEMBAGA PEMBANGUNAN INDUSTRI PEMBINAAN MALAYSIA**  
Ditubuhkan di bawah Akta Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia 1994 (Akta 520)

**PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN PADA 31 DISEMBER 2017**

|   | Nota | Kumpulan                        |                                 | Lembaga              |                    |
|---|------|---------------------------------|---------------------------------|----------------------|--------------------|
|   |      | 2017<br>RM                      | 2016<br>RM                      | 2017<br>RM           | 2016<br>RM         |
|   |      | Seperti<br>dinyatakan<br>semula | Seperti<br>dinyatakan<br>semula |                      |                    |
| <b>ASET</b>                                   |      |                                 |                                 |                      |                    |
| <b>Aset bukan semasa</b>                      |      |                                 |                                 |                      |                    |
| Hartahan, loji dan peralatan                  | 4    | 186,548,097                     | 175,056,872                     | 151,769,802          | 145,092,758        |
| Aset tidak ketara                             | 5    | 9,525,700                       | 4,968,367                       | 9,525,699            | 4,968,367          |
| Kerja dalam pembangunan                       | 6    | 54,815,848                      | 30,743,436                      | 54,815,848           | 30,743,436         |
| Pelaburan dalam syarikat subsidiari           | 7    | -                               | -                               | 23,510,842           | 23,510,842         |
| Pelaburan dalam syarikat bersekutu            | 8    | 1,002,730                       | 945,265                         | -                    | -                  |
| Lain-lain pelaburan                           | 9    | 924,566                         | 961,350                         | -                    | -                  |
| <b>Jumlah aset bukan semasa</b>               |      | <b>252,816,941</b>              | <b>212,675,290</b>              | <b>239,622,191</b>   | <b>204,315,403</b> |
| <b>Aset semasa</b>                            |      |                                 |                                 |                      |                    |
| Inventori                                     | 10   | 774,800                         | 913,475                         | 120,684              | 27,384             |
| Penghutang dagangan                           | 11   | 65,750,488                      | 25,482,197                      | 62,605,718           | 23,172,372         |
| Lain-lain penghutang                          | 12   | 32,370,927                      | 23,046,825                      | 29,344,513           | 20,519,869         |
| Jumlah terhutang oleh syarikat subsidiari     | 13   | -                               | -                               | 137,680              | 618,940            |
| Jumlah terhutang oleh syarikat sub-subsidiari | 14   | -                               | -                               | 570,212              | -                  |
| Cukai baikpulih                               |      | 1,159,065                       | 1,336,195                       | 444,335              | 230,140            |
| Pelaburan portfolio                           | 15   | 252,809,587                     | 225,998,991                     | 233,200,000          | 219,000,000        |
| Deposit jangka pendek                         | 16   | 518,521,380                     | 432,001,494                     | 444,810,000          | 419,500,000        |
| Tunai dan baki di bank                        |      | 52,391,760                      | 62,429,682                      | 16,235,463           | 23,025,259         |
| <b>Jumlah aset semasa</b>                     |      | <b>923,778,007</b>              | <b>771,208,859</b>              | <b>787,468,605</b>   | <b>706,093,964</b> |
| <b>JUMLAH ASET</b>                            |      | <b>1,176,594,948</b>            | <b>983,884,149</b>              | <b>1,027,090,796</b> | <b>910,409,367</b> |

**EKUITI DAN LIABILITI**

| <b>EKUITI</b>                    |    |                    |                    |                    |
|----------------------------------|----|--------------------|--------------------|--------------------|
| Kumpulan wang terkumpul          |    | 980,535,382        | 875,852,779        | 917,761,377        |
| Kumpulan wang pinjaman kenderaan | 17 | 2,000,000          | 2,000,000          | 2,000,000          |
| Kumpulan wang pinjaman pelajaran | 18 | 1,500,000          | 1,500,000          | 1,500,000          |
| Kumpulan wang pinjaman komputer  | 19 | 1,000,000          | 1,000,000          | 1,000,000          |
| <b>Jumlah kumpulan wang</b>      |    | <b>985,035,382</b> | <b>880,352,779</b> | <b>922,261,377</b> |
| Kepentingan bukan kawalan        |    | 6,435,988          | 6,319,068          | -                  |
| <b>Jumlah ekuiti</b>             |    | <b>991,471,370</b> | <b>886,671,847</b> | <b>922,261,377</b> |
|                                  |    |                    |                    | <b>831,394,129</b> |

Nota-nota di muka surat 10 hingga 50 adalah sebahagian daripada penyata kewangan ini.

**LEMBAGA PEMBANGUNAN INDUSTRI PEMBINAAN MALAYSIA**  
Ditubuhkan di bawah Akta Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia 1994 (Akta 520)

**PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN PADA 31 DISEMBER 2017 (SAMBUNGAN)**

|   | Nota | Kumpulan                        |                                 | Lembaga              |                    |
|---|------|---------------------------------|---------------------------------|----------------------|--------------------|
|   |      | 2017<br>RM                      | 2016<br>RM                      | 2017<br>RM           | 2016<br>RM         |
|   |      | Seperti<br>dinyatakan<br>semula | Seperti<br>dinyatakan<br>semula |                      |                    |
| <b>LIABILITI</b>                                |      |                                 |                                 |                      |                    |
| <b>Liabiliti bukan semasa</b>                   |      |                                 |                                 |                      |                    |
| Pinjaman bank                                   | 20   | 2,549,541                       | 2,780,410                       | -                    | -                  |
| Geran tertunda                                  | 21   | 66,854,282                      | 11,648,878                      | -                    | -                  |
| Liabiliti cukai tertunda                        | 22   | 8,788,603                       | 7,930,402                       | 8,030,674            | 7,257,015          |
| Manfaat pekerja jangka panjang                  | 23   | 3,559,252                       | 3,546,421                       | 3,559,252            | 3,546,421          |
| <b>Jumlah liabiliti bukan semasa</b>            |      | <b>81,751,678</b>               | <b>25,906,111</b>               | <b>11,589,926</b>    | <b>10,803,436</b>  |
| <b>Liabiliti semasa</b>                         |      |                                 |                                 |                      |                    |
| Pembiutang dagangan                             | 24   | 52,946,633                      | 14,773,948                      | 36,113,159           | 5,668,022          |
| Lain-lain pembiutang                            | 25   | 48,321,973                      | 54,694,270                      | 27,903,037           | 45,585,786         |
| Jumlah terhutang kepada syarikat subsidiari     | 13   | -                               | -                               | 10,966,043           | 6,871,168          |
| Jumlah terhutang kepada syarikat sub-subsidiari | 14   | -                               | -                               | 18,042,073           | 9,976,504          |
| Jumlah terhutang kepada syarikat bersekutu      | 26   | 526,252                         | 656,139                         | -                    | -                  |
| Pinjaman bank                                   | 20   | 1,188,092                       | 1,037,284                       | -                    | -                  |
| Peruntukan cukai                                |      | 173,769                         | 34,228                          | -                    | -                  |
| Manfaat pekerja jangka pendek                   | 23   | 215,181                         | 110,322                         | 215,181              | 110,322            |
| <b>Jumlah liabiliti semasa</b>                  |      | <b>103,371,900</b>              | <b>71,306,191</b>               | <b>93,239,493</b>    | <b>68,211,802</b>  |
| <b>Jumlah liabiliti</b>                         |      | <b>185,123,578</b>              | <b>97,212,302</b>               | <b>104,829,419</b>   | <b>79,015,238</b>  |
| <b>JUMLAH EKUITI/ LIABILITI</b>                 |      | <b>1,176,594,948</b>            | <b>983,884,149</b>              | <b>1,027,090,796</b> | <b>910,409,367</b> |

Nota-nota di muka surat 10 hingga 50 adalah sebahagian daripada penyata kewangan ini.

**LEMBAGA PEMBANGUNAN INDUSTRI PEMBINAAN MALAYSIA**  
Ditubuhkan di bawah Akta Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia 1994 (Akta 520)

**PENYATA PENDAPATAN KOMPREHENSIF  
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017**

|   | Nota | 2017<br>RM                 | Kumpulan<br>2016<br>RM<br>Seperti<br>dinyatakan<br>semula | 2017<br>RM               | Lembaga<br>2016<br>RM<br>Seperti<br>dinyatakan<br>semula |
|---|------|----------------------------|---|--------------------------|--|
| Pendapatan operasi                                      | 27   | 420,473,244                | 304,934,833   | 400,435,620              | 293,207,651  |
| Perbelanjaan langsung                                   | 28   | (179,858,247)              | (119,838,588)   | (206,192,739)            | (153,015,513)  |
| Pendapatan kasar  |      | 240,614,997                | 185,096,245   | 194,242,881              | 140,192,138  |
| Lain-lain pendapatan                                    | 29   | 55,199,584                 | 49,166,936  | 42,504,838               | 40,977,649   |
| Perbelanjaan pengurusan                                 | 30   | (35,215,645)               | (28,039,898)  | (25,231,552)             | (19,138,350)   |
| Lain-lain perbelanjaan operasi                          | 31   | (148,400,193)              | (142,603,575)   | (115,236,704)            | (116,750,765)  |
| Kos kewangan  | 32   | (275,234)                  | (275,532)   | -                        | -  |
| Pendapatan bersih bagi tahun kewangan                   |      | 111,923,509                | 63,344,176  | 96,279,463               | 45,280,672   |
| Bahagian keuntungan daripada syarikat bersekutu         |      | 76,350                     | 139,662   | -                        | -  |
| Pendapatan bersih sebelum cukai dan zakat               |      | 111,999,859                | 63,483,838  | 96,279,463               | 45,280,672   |
| Percukaian Zakat  | 33   | (5,561,133)<br>(1,558,203) | (4,650,493)<br>(1,350,212)                                | (4,559,464)<br>(852,751) | (4,045,563)<br>(560,585)                                 |
| Jumlah pendapatan bersih bagi tahun kewangan            |      | 104,880,523                | 57,483,133  | 90,867,248               | 40,674,524   |
| Pendapatan komprehensif lain                            |      | -                          | -   | -                        | -  |
| Jumlah pendapatan komprehensif bagi tahun kewangan      |      | 104,880,523                | 57,483,133  | 90,867,248               | 40,674,524   |
| <b>Jumlah pendapatan komprehensif diagihkan kepada:</b> |      |                            |   |                          |  |
| Pemilik Lembaga   |      | 104,763,603                | 56,526,894  | 90,867,248               | 40,674,524   |
| Kepentingan bukan kawalan                               |      | 116,920                    | 956,239   | -                        | -  |
|   |      | 104,880,523                | 57,483,133  | 90,867,248               | 40,674,524   |

Nota-nota di muka surat 10 hingga 50 adalah sebahagian daripada penyata kewangan ini

**LEMBAGA PEMBANGUNAN INDUSTRI PEMBINAAN MALAYSIA**  
Ditubuhkan di bawah Akta Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia 1994 (Akta 520)

**PENYATA PERUBAHAN DALAM EKUITI  
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017**

| Kumpulan  | Kumpulan Wang | Kumpulan Wang Pinjaman | Kumpulan Wang Komputer | Rizab Atas Penyataan | Geran Projek Sistem SAGA | Kumpulan Wang Terkumpul RM | Diagihkan Kepada Pemilik Lembaga RM | Kepentingan Bukan Kawalan RM | Jumlah Boleh Kepentingan Ekuiti RM |
|---|---------------|------------------------|------------------------|----------------------|--------------------------|----------------------------|-------------------------------------|------------------------------|------------------------------------|
| 3,500,000   | -             | 1,000,000              | -                      | -                    | 48,569                   | 782,986,317                | 787,534,886                         | 5,362,829                    | 792,897,715                        |
| 3,500,000   | -             | 1,000,000              | -                      | -                    | 48,569                   | 819,455,635                | 824,004,204                         | 5,362,829                    | 829,367,033                        |
| -   | -             | -                      | -                      | -                    | (48,569)                 | -                          | (48,569)                            | -                            | (48,569)                           |
| -   | -             | -                      | -                      | -                    | -                        | (129,750)                  | (129,750)                           | -                            | (129,750)                          |
| (1,500,000)   | 1,500,000     | -                      | -                      | -                    | -                        | 50,143,034                 | 50,143,034                          | 956,239                      | 51,099,273                         |
| (1,500,000)   | 1,500,000     | -                      | -                      | -                    | -                        | 6,383,860                  | 6,383,860                           | -                            | 6,383,860                          |
| (1,500,000)   | 1,500,000     | -                      | -                      | -                    | -                        | 56,526,894                 | 56,526,894                          | 956,239                      | 57,483,133                         |
| 2,000,000   | 1,500,000     | 1,000,000              | -                      | -                    | -                        | 875,852,779                | 880,352,779                         | 6,319,068                    | 886,671,847                        |
| 2,000,000   | 1,500,000     | 1,000,000              | -                      | -                    | -                        | -                          | (81,000)                            | (81,000)                     | -                                  |
| 2,000,000   | 1,500,000     | 1,000,000              | -                      | -                    | -                        | 832,999,601                | 837,499,601                         | 6,319,068                    | 843,818,669                        |
| 2,000,000   | 1,500,000     | 1,000,000              | -                      | -                    | -                        | 42,853,178                 | 42,853,178                          | -                            | 42,853,178                         |
| Pada 1 Januari 2016                                       |               |                        |                        |                      |                          |                            |                                     |                              |                                    |
| Pelarasaran tahun lepas                                   |               |                        |                        |                      |                          |                            |                                     |                              |                                    |
| Dinyatakan semula   |               |                        |                        |                      |                          |                            |                                     |                              |                                    |
| Pelunasan geran   |               |                        |                        |                      |                          |                            |                                     |                              |                                    |
| Dividen dibayar kepada pemegang kepentingan bukan kawalan |               |                        |                        |                      |                          |                            |                                     |                              |                                    |
| Jumlah pendapatan komprehensif bagi tahun kewangan        |               |                        |                        |                      |                          |                            |                                     |                              |                                    |
